

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH**

**Isnin, 21 Mac 2022**

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10:00 pagi**

Yang Berhormat	Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya, P.G.D.K., J.P. [Speaker]
Yang Berhormat	Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman, P.G.D.K, A.D.K., J.P. [Timbalan Speaker]
Yang Berhormat	Datuk George Anthony Ginibun, P.G.D.K. A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Timbalan Speaker]
Yang Amat Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, S.P.D.K .., P.G.D.K., K.M.N., [Ketua Menteri/Menteri Kewangan]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Kerja Raya], S.P.D.K, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., J.P.
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, S.P.D.K., P.G.D.K., [Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Pertanian dan Perikanan]
Yang Berhormat	Datuk Dr. Joachim Gunsalam, P.G.D.K., A.S.D.K., [Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Pembangunan Perindustrian]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun, S.P.D.K., P.G.D.K, K.M.N., A.D.K., A.M.N, J.P., [Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan / Menteri Kewangan II]
Yang Berhormat	Datuk Jahid bin Jahim, P.G.D.K., [ [Menteri Pembangunan Luar Bandar]
Yang Berhormat	Datuk Jafry bin Arifin, P.G.D.K., J.P., [Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar]
Yang Berhormat	Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya, P.G.D.K., J.P., [Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat]
Yang Berhormat	Datuk Haji Yakubah Khan, P.G.D.K., J.P., [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]
Yang Berhormat	Datuk Ellron bin Angin, P.G.D.K., A.S.D.K., B.K., [Menteri Belia dan Sukan]
Yang Berhormat	Datuk Abidin bin Madingkir, P.G.D.K., J.S.M., A.S.D.K., J.P., [Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri]

Yang Berhormat	Tuan Jasni bin Daya [Pembantu Menteri Kewangan]
Yang Berhormat	Datuk Limus bin Jury, P.G.D.K, A.S.D.K., B.S.K. [Pembantu Menteri Kerja Raya]
Yang Berhormat	Datuk Robert Tawik @ Nordin, P.G.D.K., [Pembantu Menteri Kerja Raya]
Yang Berhormat	Datuk James bin Ratib, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Pembantu Menteri Pertanian dan Perikanan]
Yang Berhormat	Tuan Hendrus Anding, A.S.D.K., [Pembantu Menteri Pertanian dan Perikanan]
Yang Berhormat	Tuan Mohd. Tamin @ Tamin bin Zainal, A.S.D.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian]
Yang Berhormat	Datuk Isnin bin Haji Aliasni @ Liasni, P.G.D.K., [Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan]
Yang Berhormat	Tuan Samad bin Jambri @ Jamri, A.S.D.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar]
Yang Berhormat	Datuk Wetrom bin Bahanda, P.G.D.K., [Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri]
Yang Berhormat	Tuan Harun bin Durabi, A.S.D.K., A.D.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar]
Yang Berhormat	Datuk Joniston bin Lumai @ Bangkuai, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., [Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar]
Yang Berhormat	Datuk Julita Mojungki, P.G.D.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat]
Yang Berhormat	Puan Flovia Ng, A.S.D.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat]
Yang Berhormat	Dato' Seri Dr. Ruddy bin Awah, P.G.D.K., [Pembantu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]
Yang Berhormat	Tuan Andi Muhammad Suryady bin Bandy, A.S.D.K., [Pembantu Menteri Belia dan Sukan]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, S.P.D.K., P.N.B.S., S.P.M.P., D.M.S.M., D.S.A.P., P.G.D.K., J.P. [Senallang]
Yang Berhormat	Datuk Liew Chin Jin @ Christina, P.G.D.K., [Api-Api]

Yang Berhormat	Datuk Poon Ming Fung @ Frankie, P.G.D.K., [Tanjong Papat]
Yang Berhormat	Datuk Ewon Benedick, P.G.D.K., A.S.D.K., [Kadamaian]
Yang Berhormat	Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong, P.G.D.K., D.I.M.P., A.S.D.K., A.D.K., [Sulabayan]
Yang Berhormat	Tuan Phoong Jin Zhe, A.S.D.K., [Luyang]
Yang Berhormat	Datuk Peter Anthony, P.G.D.K., D.I.M.P., [Melalap]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said, S.P.D.K., P.G.D.K., D.G.S.M., [Usukan]
Yang Berhormat	Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee, S.P.D.K., [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Datuk Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar, P.G.D.K., D.M.S.M., A.S.D.K., J.P. [Kawang]
Yang Berhormat	Datuk Rubin bin Balang, P.G.D.K., [Kemabong]
Yang Berhormat	Datuk Wong Hong Jun, P.G.D.K., [Tanjong Aru]
Yang Berhormat	Tuan Sarifuddin bin Hata, A.S.D.K., [Merotai]
Yang Berhormat	Puan Jannie Lasimbang, A.S.D.K., [Kapayan]
Yang Berhormat	Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin, A.S.D.K., [Darau]
Yang Berhormat	Tuan Assaffal bin P. Alian, A.S.D.K., [Tungku]
Yang Berhormat	Tuan Hiew Vun Zin, A.S.D.K., [Karamunting]
Yang Berhormat	Puan Norazlinah binti Arif, A.S.D.K., [Kunak]
Yang Berhormat	Tuan Dr. Daud bin Yusof, A.S.D.K., A.D.K., [Bongawan]
Yang Berhormat	Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]
Yang Berhormat	Tuan Fairuz bin Renddan, [Pintasan]
Yang Berhormat	Datuk Masiung Banah, P.G.D.K., A.S.D.K., [Kuamut]
Yang Berhormat	Tuan Mokran Ingkat [Sungai Manila]
Yang Berhormat	Tuan Mohammad bin Mohamarin, A.S.D.K., [Banggi]
Yang Berhormat	Tuan Dumi bin Pg. Masdal, A.S.D.K., [Silam]

Yang Berhormat	Tuan Arunarnsin bin Taib, A.S.D.K., [Gum-Gum]
Yang Berhormat	Tuan Chong Chen Bin, A.S.D.K., [Tanjong Kapor]
Yang Berhormat	Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]
Yang Berhormat	Tuan Tan Lee Fatt, A.S.D.K., [Likas]
Yang Berhormat	Tuan Peto Galim, [Inanam]
Yang Berhormat	Datuk Awang Ahmad Sah bin Datuk Haji Sahari, [Petagas]
Yang Berhormat	Datuk Juil bin Nuatim, [Limbahau]
Yang Berhormat	Tuan Mohd. Arsad bin Bistari [Tempasuk]
Yang Berhormat	Tuan Haji Ruslan bin Muharam [Lumadan]
Yang Berhormat	Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]
Yang Berhormat	Tuan Alias bin Sani [Sekong]
Yang Berhormat	Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]
Yang Berhormat	Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]
Yang Berhormat	Tuan Hamild @ Hamid bin Awang [Balung]
Yang Berhormat	Datuk Suhaimi Nasir [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Tuan Jaffari Waliam [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Tuan Hassan A. Gani Pg. Amir [Sebatik]
Yang Berhormat	Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Tuan Dr. Aliakbar bin Gulasan [ADUN Dilantik]

#### **TIDAK HADIR**

Yang Berhormat	Datuk Haji Mohd. Arifin bin Mohd. Arif, P.G.D.K., J.P., [Menteri Tugas-Tugas Khas]
Yang Berhormat	Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan, P.G.D.K., [Pembantu Menteri Kewangan]
Yang Berhormat	Tuan Mohamad Hamsan bin Awang Supain, A.S.D.K., [Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan]
Yang Berhormat	Datuk Ignatius Dorell Leiking, P.G.D.K., [Moyog]



**DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH**

**SIDANG REDAKSI PENYATA RASMI**

**KETUA PENYELIA HANSARD**

[Puan Rafidah binti Maqbool Rahman]

**PENYELIA HANSARD**

[Puan Beatrice Natasha Mujip]

**EDITOR**

[Puan Tresa binti Sylvester @ Fanny]

[Puan Mohelena Mawan]

[Puan Nellzarina Nur Nelszuliaqah Mohd Daniel Ardi]

**SUB-EDITOR**

[Puan Theodora Joseph]

[Puan Nadia binti Nasyaruddin]

[Puan Rafidah binti Agos]

[Puan Suhaymah binti Dow]

[Puan Ramenah Limin]

**PELAPOR**

[Azyatul Nurhani binti Salleh]

[Darryl Jude Donis]

[Rupika Latak @ Rahim]

[Lovella Devera Philip]

[Johari Albeh]

[Mohd. Isyraf Hafizuddin bin Ibrahim]

[Theodora Boniface]

[Nabila binti Mohammad Shahril]

[Adrian Soliun]

[Charity Jimis]

[Muhammad Amirul Asyraf bin Kasim]

[Evy Charlyn Masiul]

[Abang Muhammad Fauzi bin Abang Jainal]

[Norhazirah binti Mohd. Salim]

[Mohd. Zulfikree bin Mohd. Sabki @ Abdul Musa]

[Siti Jubaidah binti Kamsin]

[Gerald Joshua A Mosikon]

[Gracia Samuel]

[Nur Natasha binti Hamdan]

[Noreera Sahera binti Amin]

[Siti Hijanah binti Ambelu]

[Suriyana binti Sahari]

[Intan Azwana binti Bakri]

[Nuriahtika binti Juklis]

## **Doa**

Mesyuarat dimulakan dengan membaca doa oleh Timbalan Setiausaha.

**Tuan Speaker:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam Sabah Maju Jaya dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka hendak memberi tahu Dewan yang mulia ini iaitu bahawa Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah memperkenankan enakmen-enakmen yang telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri dalam Mesyuarat Kedua Penggal kedua Dewan Undangan Negeri Yang Keenam Belas yang lalu seperti berikut:-

1. Enakmen Perbekalan (2022, 2021);
2. Enakmen Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pinda (Pindaan) 2021;
3. Enakmen Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah Pindaan 2021;
4. Enakmen Makanan Haiwan 2021.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima surat permohonan cuti untuk tidak menghadiri persidangan pada kali ini daripada Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut:-

1. ADUN N.31 Membakut, pada hari ini sahaja;
2. ADUN N.68 Apas, hari ini hingga 24 hari bulan;
3. ADUN N.52 Sungai Sibuga, hari ini hingga 24;
4. Yang Berhormat ADUN N.26 Moyog, pada hari ini hingga 24;
5. Yang Berhormat ADUN N.35 Sindumin, pada hari ini hingga 24;
6. Yang Berhormat ADUN Dilantik Datuk Raimie bin Unggi, pada hari ini hingga 24;
7. Yang Berhormat ADUN N.17 Darau, pada 16 hari bulan yang lalu;

Dan yang terkini Yang Berhormat ADUN N.61 Segama, dari 21 hari bulan hingga 24 hari bulan, dan saya telah pun melulus permohonan cuti-cuti ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan peraturan-peraturan tetap 17 (1), peraturan-peraturan tetap Dewan Undangan Negeri Sabah. Maka di sini, saya

memaklumkan bahawa risalah-risalah mesyuarat berikut dibentangkan pada persidangan kali ini, iaitu arahan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri mengenai pindaan elaun-elaun dan keistimewaan-keistimewaan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Yang kedua, Laporan Audit Ketua Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Agensi Negeri Sabah tahun 2020 dan yang ketiga Sijil-Sijil Audit Ketua Negara tahun 2019 dan 2020.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini merakamkan ucapan takziah kepada Yang Berhormat ADUN Kundasang atas pemergian bapa yang dikasihi mendiang Gunsalam bin Gunting pada 10 Disember 2021. Yang kedua, Yang Berbahagia Datuk Louis Rampas mantan ADUN kawasan Kiulu dan semua ahli keluarga atas pemergian isteri yang dikasihi mendiang Datin Lily Ng Le Li pada 20 Disember 2021, dan Yang Berbahagia Tuan Haji Asgari bin Tun Mohd Fuad Stephens dan ahli keluarga atas kembalinya ke rahmatullah ibu yang dikasihi almarhumah Toh Puan Rahimah Stephens, mantan ADUN Kiulu pada 14 Mac 2022 bersamaan 11 Syaban 1443.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang dilaksanakan pada sidang lalu kita akan meneruskan amalan mengadakan waktu rehat pada jam 12.30 tengah hari, hari ini dan sidang akan disambung semula pada 2 petang. Ini adalah untuk membagi ruang pada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat urusan-urusan yang diperlukan seperti bersolat, makan dan sebagainya.

Dalam memastikan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Keenam Belas ini, dapat dilaksanakan dalam keadaan lancar dan selamat adalah dimohon agar Prosedur Operasi Standard (SOP) pelaksanaan persidangan Dewan Undangan Negeri fasa 4 yang telah diedarkan pada Ahli-ahli Yang Berhormat dapat dipatuhi sepenuhnya.

Ahli Yang Berhormat dibenarkan untuk membuka pelitup muka hanya ketika berucap di dalam dewan ini dan dikehendaki memakainya semula selepas selesai berucap.



Jika ada Ahli Berhormat yang tidak berasa sihat adalah dinasihatkan untuk membuat saringan kesihatan sebelum hadir ke pers.. ke persidangan atau masuk ke dewan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ujian RTK *Saliva* boleh dibuat di lobi utama luar bangunan Dewan Undangan ini. Mohon kerjasama ahli-ahli...

**21/03/2022 – RAKAMAN 2 [10.10 AM – 10.20 AM] – [DARRYL JUDE] – SD - TRESA**

**Tuan Speaker:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ujian RTK *Saliva* boleh dibuat di lobi utama luar bangunan Dewan Undangan ini. Mohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perkara ini. Untuk makluman juga, dewan sidang ini akan disanitasi lebih awal sebelum mula sidang dan akan disanitasi sekali lagi setiap hari setelah selesai sidang. Oleh itu, mari kita berdoa, mari lah kita berdoa agar ujian pandemik dapat kita atasi dengan jayanya, *insya-Allah*.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, dalam usaha untuk memastikan Ahli-ahli Yang Berhormat mendapatkan perkhidmatan liputan *internet* yang stabil dan akses *internet* yang laju semasa sesi sidang, capaian *internet* telah pun dinaiktaraf dengan diganti fasilitinya bagi menjamin capaian *internet* yang berkualiti. Oleh itu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Sabah dan syarikat-syarikat telekomunikasi yang *responsive* dalam usaha menangani isu capaian internet yang perlahan di bangunan Dewan Undangan Negeri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memaklumkan di sini bahawa tempoh persidangan telah ditetapkan untuk diadakan selama 4 hari sahaja bermula hari ini sehingga 24hb Mac. Walaupun pernah dicadangkan untuk ditambah tempoh persidangan, oleh sebab minggu hadapan adalah merupakan minggu terakhir sebelum *Ramadhan*, saya memberi peluang dan masa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk balik ke kawasan masing-masing mengadakan kenduri-kenduri *Sya'aban* sebelum bulan *Ramadhan* dan *insya-Allah* persidangan akan datang kita akan cuba tambah tempoh persidangan.

Selain itu, selaras dengan Aturan Mesyuarat pada persidangan kali ini, hari perbahasan telah ditetapkan pada hari ini 21hb Mac 2022 dan 22hb Mac 2022. Sementara sesi penggulungan pada 23hb Mac 2022 diikuti dengan sesi pembentangan dan perbahasan Rang Undang-Undang pada 24hb Mac 2022. Saya juga mohon agar Ahli-ahli Yang Berhormat perlu sentiasa berada di Dewan Yang Mulia ini semasa sesi persidangan sedang berlangsung untuk memastikan giliran Ahli-ahli Yang Berhormat berucap dan seterusnya saya juga ingin meminta semua Ahli Yang Berhormat Menteri untuk memastikan kementerian masing-masing mengemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat jawapan-jawapan yang dibangkitkan dalam perbahasan masing-masing sepanjang persidangan kali ini. Setiausaha, sila teruskan.

**Setiausaha Dewan:** Pertanyaan-pertanyaan untuk jawapan lisan.

**Tuan Speaker:** Dijemput soalan 1.

**Tuan Hassan A. Gani Pg. Amir [Sebatik]:** Datuk Speaker, saya diwakilkan untuk mengemukakan soalan nombor 1 bagi pihak ADUN N.61 Segama.

#### **PERJANJIAN KOMERSIAL ANTARA PETRONAS DAN KERAJAAN NEGERI**

\*1. **YB. Datuk Mohamaddin bin Hj. Ketapi [Segama]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, apakah faedah kepada rakyat dan negeri serta keterangan lanjut mengenai Perjanjian Komersial di antara Petronas dan kerajaan negeri yang ditandatangani pada 7 Disember 2021.

**Tuan Speaker :** Sila jawab.

#### **Jawapan**

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan / Menteri Kewangan II [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Terima kasih Datuk Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang dikasihi. Memandangkan soalan nombor 119 dan nombor 47 mempunyai ciri-ciri yang serupa, maka pertanyaan akan saya jawab secara bersama.

Untuk makluman Yang Berhormat Segama dan Kadamaian dan juga Dewan Yang Mulia ini, secara ringkas intipati Perjanjian Komersial *Collaboration Agreement* atau CCA yang telah ditandatangani pada 7 Disember 2021 adalah seperti berikut :

- 1) CCA memastikan negeri Sabah mencapai perkongsian hasil penyertaan dan penguasaan yang lebih besar dalam industri minyak dan gas di Sabah secara komersial sekaligus memastikan negeri Sabah mengekalkan hub perundangannya.
- 2) Negeri Sabah diberi peluang yang cukup luas dalam industri minyak dan gas melalui aktiviti hulu atau *upstream*, LNG atau *Liquefied Natural Gas* dan hiliran atau *downstream*. Senario ini menunjukkan syarikat-syarikat milik kerajaan tempatan yang terlibat dalam industri minyak dan gas diberi peluang untuk menyertai ketiga-tiga aktiviti tersebut. Kerajaan negeri melalui anak syarikat kerajaan negeri juga diberi peluang untuk menyertai peratusan pegangan saham yang lebih tinggi bagi memastikan keuntungan industri minyak dan gas ini dapat memberi peluang atau hasil yang tinggi kepada kerajaan negeri dan seterusnya dapat dinikmati oleh rakyat melalui perancangan pembangunan negeri yang akan merancakkan aktiviti ekonomi di negeri ini.
- 3) Selain daripada itu, pihak PETRONAS akan terus komited untuk membayar tunai atau *cash payment* royalti minyak dan cukai jualan negeri sebagai sebahagian daripada mendapatkan perkongsian hasil yang lebih besar atau dengan izin Tuan Speaker, *greater revenue sharing* dalam industri minyak dan gas.
- 4) Perjanjian ini juga memberi hak kepada Kerajaan Negeri Sabah dalam industri minyak dan gas untuk memudahkan kerjasama komersial dengan anak syarikat kerajaan negeri.

Berdasarkan ringkasan intipati perjanjian tersebut maka dapat kita simpulkan bahawa kerajaan negeri mendapat manfaat dan peluang untuk menyertai lebih banyak aktiviti dan gas di negeri ini. Barangkali Datuk Speaker sebagai menambah kepada maklumat, dengan izin Datuk Speaker *first and foremost, we are bound by confidentiality clause in agreement*. Erti dia ada klausa-klausa yang saya boleh

dedahkan saya kepada orang ramai dan ada pula klausa-klausa atas sebab-sebab tertentu kita tidak boleh umumkan kerana dia melibatkan apa ini yang kekangan-kekangan atau syarat-syarat yang dikenakan oleh *Securities Commission*.

Seperti yang kita sedia maklum, syarikat-syari...anak-anak syarikat PETRONAS ini ada yang syarikat *public listed* jadi ada pengumuman-pengumuman tertentu yang hanya boleh dibuat oleh syarikat-syarikat ini dan sebagainya dan bukan dibuat secara sewenang-wenang. Jadi inilah supaya kita faham dengan izin *i would like to give everything but if you want to insist that you want to get the details, you are more than welcome to see me but it should be purely for our own personal consumption* ya. Bukan untuk dihebahkan kerana *we will lose* orang kata *competitive advantage* dalam rundingan antara satu dengan yang lain *ok*.

Dan sebagai tambahan lah barangkali supaya kita betul-betul faham lah senario perundingan ini. Barangkali sata boleh nyatakan tambahan-tambahan berikut untuk kita sama-sama kongsi lah ya.

- 1) Bagi memudahkan pelaksanaan CCA ini, kedua-dua kerajaan negeri dan PETRONAS telah bersetuju untuk mewujudkan rangka kerja perundingan yang berstruktur. Rangka kerja perunding...rangka kerja perundingan ini akan menyediakan maklumat terkini serta pandangan tetap tentang kemajuan CCA. *There will be a monitoring system to ensure* berapa apa ini kemajuan apa ini pelaksanaan perjanjian ini. Kita pastikan perjanjian ini ada *follow up*, ada *flow.. follow through* dan kerana itu kita tubuhkan dua badan. Satu, apa yang dipanggil di peringkat tertinggi Dialog Strategik Tahunan atau (ESD) di mana dia dipengerusikan bersama oleh Ketua Menteri YB Ketua Menteri dan juga Pengerusi PETRONAS. Dan ini pula akan disokong oleh satu Jawatankuasa Penyelarasan Bersama atau GCC yang akan bermesyuarat sekali setiap 3 bulan. GCC akan dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan Naib Presiden Kanan Strategic Corporate PETRONAS. Di bawah GCC terdapat 6 jawatankuasa kerja bagi setiap bahagian iaitu *upstream*, bekalan gas dalam negeri, pelaburan ekuiti dalam LNG dan perniagaan *downstream*, industri perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas, pembangunan modal insan dan tanggungjawab sosial korporat atau *corporate social responsibility*.

- 2) Saya ingin perelaskan peranan apa ini syarikat milik kerajaan negeri yang baru kita tubuhkan ekoran dengan perjanjian ini. Seperti mana yang Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita telah menubuhkan satu syarikat milik penuh kerajaan negeri dipanggil SMJ Petroleum Sdn. Bhd. ya dan inilah bagaimana kaitan SMJ Petroleum ini dengan perjanjian tersebut. Di bawah CCA ini, petronas telah mengiktiraf aspirasi kerajaan negeri ...

**21/03/2022 - RAKAMAN 3 [10.20 AM – 10.30 AM] – [RUIKA LATAK] – RA – MM**

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan / Menteri Kewangan II [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** .... aspirasi kerajaan negeri untuk menubuhkan sebuah syarikat entiti milik penuh kerajaan negeri yang didedikasikan untuk terlibat secara aktif dalam industri minyak dan gas di Sabah.

Syarikat entiti ini ialah SMJ Petroleum Sdn. Bhd. dan syarikat ini akan bekerjasama dengan Petronas dan mana-mana syarikat minyak dan gas lain untuk mewujudkan persekitaran pelaburan yang kondusif di Sabah serta mengembangkan perniagaan minyak dan gas bersama bagi kepentingan negara, negeri Sabah, dan industri minyak dan gas itu sendiri. Di samping itu, SMJ Petroleum akan menyelaraskan ahh ini, akan menyelaraskan GLC negeri yang sedia ada untuk melaksanakan pelba pelbagai peluang projek yang diadakan di bawah CCA ini. Ini melibatkan penyertaan ekuiti dalam perjanjian penerokaan dan pengeluaran petroleum dalam *offshore* dan *onshore*.

Penyertaan ekuiti tambahan dalam aset Petronas di Sabah dan pelaksanaan pelan induk gas di Sabah. So, kalau dengan izin Datuk Speaker, *basically what happen is that SMJ will be the facilitated by the facilitator. The company is mean to facilitated not only the participation of government owned company but also local owned companies that are in involve in in the oil and gas industry.*

Ketiga, bagaimana kita membantu untuk menyemarakkan industri ini? Kita ada pelan pembangunan vendor dan juga pembekal tempatan Sabah. Jadi ketiga, Petronas akan meneruskan usaha melaksanakan pelan pembangunan yang komprehensif untuk membangunkan vendor atau pembekal tempatan Sabah dalam industri minyak dan gas. Dalam perkara ini, pelan pembangunan tersebut akan

memberi keutamaan dalam meningkatkan keupayaan, kemahiran serta daya tahan dan daya saing syarikat-syarikat Sabah. Pelan ini juga akan membangunkan kepakaran teknikal rakyat Sabah dalam indus industri minyak dan gas.

Oleh itu, adalah diharapkan bahawa lebih banyak kontrak yang bernilai akan diperuntukkan kepada kontraktor dan pembekal kompeten daripada Sabah, *local Sabahan* melalui proses tender dan prosedur tadbir urus Petronas. Kemajuan pelan pembangunan ini akan dipantau di bawah rangka kerja perundingan. Jadi itulah secara aah ringkasnya, aah apa itu aah intipati CCA tersebut dan seperti mana yang saya telah jelaskan tadi, saya dengan senang hati bersedia untuk berjumpa secara persendirian kepada YB Yang Amat Berhormat tertentu, supaya menjelaskan secara *detail*, tapi dengan syarat lah, kita jangan bocor lah kepada *public* kerana kita masih terikat dengan *confidentiality clause*, yang kita telah tandatangani dengan Petronas. Terima kasih, Datuk Speaker.

**Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]:** Tuan Speaker.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat ADUN Dilantik, Datuk Yong Teck Lee.

### **Soalan Tambahan**

**Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih kepada YB Menteri Kewangan kedua kerana memberikan penjelasan. Soalan saya ialah, sama ada *confidentiality clause* itu ada masa yang terhad, iaitu mungkin selepas satu tahun, tiga tahun, boleh lah didedahkan syarat-syarat yang *confidentiality* itu ataupun *confidentiality clause* ini berkuat kuasa selama-lamanya, itu satu.

Kedua, selain daripada ahh diberikan peluang kepada YB secara individu berjumpa dengan menteri, adakah YB Menteri bercadang memberikan taklimat tertutup? Taklimat tertutup untuk semua Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa yang ditetapkan, kerana Ahli-ahli Yang Berhormat ini kita sudah angkat sumpah sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri di bawah Bahagian Tiga Jadual Pertama, apabila kita memulakan tugas sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri ini, kita sudah mengangkat sumpah dan di antaranya ialah mempertahankan perlembagaan dan menghormati rahsia dalam kerajaan. Terima kasih, Tuan Speaker.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan / Menteri Kewangan II [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Terima kasih kepada soalan tambahan daripada ADUN Dilantik. Sukacita saya maklumkan *confidentiality clause* itu sebenarnya biasa dalam perundingan. *We must remember*, dengan izin Datuk Speaker. *This is a business in commercial agreement* dan sepertimana ada seperti komersial dan *business agreement* yang lain, kita tertakluk kepada syarat-syarat yang kadang-kadang kita ti apa itu tidak bocorkan sekarang sehingga dia berlaku. Sebagai misalan lah, sebagai misalan, *so the first ques answer is actually there's no such thing as permanent*, apa itu, apa ini aah *confidentiality clause* lah. Sebagai misalan, misal kata lah, kalau dalam *agreement* kita aah kita diberi hak untuk mengambil alih ekuiti dalam sebuah syarikat, milik Petronas lah misal kata, dia apabila sampai kepada masa kita mengambil alih minyak tersebut, dia akan didedah kepada orang ramai.

Tetapi di sini kadang-kadang mereka ini dalam perniagaan, mungkin mereka ada rakan kongsi yang lain juga, ya, dan dia mahu memastikan kita ada kompetitif *each* dalam usaha kita untuk misal kata lah mengambil alih ekuiti. Jadi satu, kita *confidentiality clause* itu ialah untuk memastikan *advantage, competitive advantage* yang ada pada Sabah yang diberi kepada kita kekal tidak diketahui sehingga dia berlaku, *until it happens* lah, *until it happen*. *So, overtime* kalau saya dengan izin Speaker, *overtime one by one it will be reveal to the public because then there will be an announcement, but until that happen we believe it is important that both side keep their part of the bahagian, so that we continue to hold that competitive edge, a business competitive edge*. Aah itulah dia punya sebenarnya niat dia lah, bukan sengaja tidak apa itu, tidak mahu bagitau atau sesuatu ada sesuatu yang kita mahu simpan takut nanti, *no no such thing*. *I want to assure you* dalam ah dalam mesyuarat dan perundingan tersebut, saya selaku ketua perunding telah dibantu dengan *professional*. *Everything was done very very professional, I can assure you and* sebagai jawapan kepada satu lagi soalan, kalau diizinkan oleh Datuk Speaker dan oleh Yang Berhormat Ketua Menteri, *I will be more than happy to share it with all the YBs in the* barangkali dalam se satu sesi tertutu tertutup lah ya. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Soalan seterusnya, Yang Berhormat Senallang.

### **Soalan Tambahan**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Terima kasih Datuk Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjelaskan tentang usaha pihak kerajaan negeri sekali dengan syarikat yang telah pun diwujudkan, untuk membolehkan supaya manfaat dapat dirasa oleh bukan hanya rakyat negeri Sabah dan saya yakin Yang Berhormat tahu bahawa perkara ini cukup penting tentang hak minyak dan gas, khazanah yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada bumi Sabah, dan saya juga ah apa yang dibangkitkan oleh ADUN Dilantik tentang perlunya ada ketelusan dia. *I think ini abad ke-21, we must be very transparent.*

Kalau sekiranya ianya merupakan satu isu berhubung kait dengan *competitiveness* untuk melindungi supaya ada *advantage* kita. Itu kita faham. *But when you mention dengan izin public listed company. Public list company their duty bound to explain to the public to the shareholders, whatever transpired* tentang isu-isu perjanjian yang dilakukan. Saya harap perkara seumpama ini jangan kita lindungi. Saya setuju dengan apa Yang Berhormat nyatakan perkara yang penting supaya ianya diketahui oleh umum. *We must be very transparent now.* Ketelusan dari segi pemerintahan kita, dari segi pentadbiran khazanah harta negeri Sabah ini. Tidak harus ada kita selaku pimpinan hanya nak melindungi kepentingan Petronas ataupun kepentingan komersial seantaranya.

Tapi kalau saya faham kalau dia *competitiveness, it's okay. There are certain things* yang perlu, tak perlu didedahkan supaya tidak ada keuntungan dia. Cuma saya nak tanya dari Yang Berhormat Menteri tentang komersial perjanjian ini. Pertama, sejauh manakah pihak kerajaan ingin melindungi tentang hak? Contohnya gas. Selama ini gas yang dikeluarkan dari bumi Sabah, berapa jumlah yang kita kenal pasti *extracted* dari bumi Sabah, *boundary* kita punya, lepas itu *they send it to* Bintulu? Adakah pihak kerajaan mengambil tindakan tegas supaya hasil ini diproses, di peringkat negeri Sabah? Kita ada SOGIP, *you are talking about downstream.* Perlu bagi kita untuk memastikan jangan hanya harta kita, hak kita, diproses di luar, pekerjaan di luar, anak Sabah tidak ada kerja. Di Petronas, anak-anak Sabah tidak



punya peluang seadil yang mungkin untuk bertugas, ini lagi hak kita. Saya harap kerajaan negeri dapat bertegas tentang perkara seumpama gas. Satu lagi, saya nak tanya komersial, apa ni perjanjian dengan Petronas. Saya dahulu, saya kenal, saya tahu kita *bided for* projek di Indonesia, Lembayu. *What happen was*, kita punya syarikat *won the bidding*. *But unfortunately*, Petronas *delay*. Apa jadi dengan perkara ini, seumpama ini bila dia membabitkan syarikat yang dimiliki Sabah, *there will be the other process, in spite of they won the bidding*.

**21/03/2022 - RAKAMAN 4 [10:30 AM – 10:40 AM] – [GERALD JOSHUA] – NN – NELL**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** .... *the bidding point*. Ini di antara Indonesia dan juga Kerajaan Malaysia dan ini antara perkara-perkara yang harus kita teliti secara mendalam dan saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa *some technical group must be set up* kerana ini penting kepada kita tentang minyak bukan hanya minyak bahkan juga gas *downstream* yang ada. Selama mana *downstream* yang ada di peringkat negeri Sabah?

**Tuan Speaker:** Soalannya Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Soalan dia, adakah pihak kerajaan negeri akan berusaha seperti apa yang telah dilakukan oleh kerajaan dan Petronas membuat *processing plan* di Pengerang di Johor? Satu botol minyak pun tidak ada di Johor. Tapi mereka mempunyai *plan* berbilion. *Why can't we do it?* Kalau tidak, saya cadangkan syarikat yang diwujudkan berusaha sama dengan syarikat-syarikat antarabangsa seperti Shell dan lain-lain untuk kita katakan ini merupakan minyak dimiliki oleh Kerajaan Negeri Sabah. Terima kasih banyak.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan / Menteri Kewangan II [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Yang Berhormat Senallang, saya faham dan kesimpulan saya daripada semua soalan beliau tadi dia menyokong penuhlah ya. Ini satulah. Kedua juga ialah *confidential ethic clause* yang saya nyatakan ialah seperti kita *public listed company* ya. Dia tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh *security commissions*. Ada perkara yang dia boleh umum awal, ada yang dia

hanya boleh umumkan apabila dia akan terjadi. *I think I'm sure he knows as a as the Economists* ini Datuk.

Kedua ya, pasal gas ini *no worry*. Saya boleh katakan kepada Yang Berhormat daripada Senallang, saya kata saya ini bukan pintar juga. Saya ni orang kampung, orang Dusun dari Ranau lagi, Orang Bukit ya. *I can assure I can tell you during the entire negotiation, I hold my head high. I defend Sabah. I make sure Sabah gets what it deserved. I walk out of the meeting* kalau saya tidak puas hati. Saya tumbuk meja kalau saya tidak puas hati *because to me* yang penting ialah Sabah *and* untuk pengetahuan Yang Berhormat, bercakap pasal gas, Petronas sudah bersetuju untuk menubuhkan *a floating facility* di apa tu di di Sipitang di SOGIP ya. Di SOGIP Sipitang untuk memproses gas. *No more auto win to lead*, dan dia akan dalam perancangan dan dilaksanakan Insya-Allah dalam satu dua tahun ini. Semua dia punya pelan pembangunan sudah dia buat bagi taklimat kepada kerajaan dan kabinet negeri. *I share with you*, ini sudah sampai masanya bagi kita untuk menuntut hak kita dengan syarat *we must have the expertise* satu.

Kedua, *we really know what we are doing instead of just* apa orang kata teriak di luar sana teriak di luar sini *talking about something that we also don't know. So we* kita kena bekalkan diri kita dengan kepakaran orang ada. *That it mean at the time I want to assure* Yang Berhormat daripada Senallang, *we have done we have started and we will be there* Insya-Allah. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Terima Kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya jemput ADUN Dilantik Yang Berhormat Dr. Aliakbar Gulasan.

**Dr. Aliakbar bin Gulasan [ADUN Dilantik]:** Terima kasih Datuk Speaker. Datuk Bung nampaknya muda, soalan saya nombor dua (2).

## **PEMBINAAN PAN BORNEO**

**\*2. YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA:-**

- a) adakah pembinaan Pan-Borneo masih mengikut jadual yang telah ditetapkan; dan

- b) adakah kelewatan mengikut jadual disebabkan oleh pihak kontraktor yang memegang konsesi pembinaan Pan-Borneo.

### **Jawapan**

**Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin]:** Nampak saja. Tuan Speaker, saya akan menjawab secara *transparent*...

**Tuan Speaker:** ...itu baru nampak dia belum tahu yang sebenar.

**Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin]:** Saya akan buat secara *transparent* dan tidak ada yang terselindung. Secara keseluruhannya, pakej untuk 15 pakej Pan Borneo yang sedang berjalan, kemajuan keseluruhan masih mengikut jadual seperti yang dirancangkan dan 15 pakej ini dijangka siap secara berperingkat. Bermula dengan 4 pakej yang dijadualkan siap pada tahun 2 tahun ini juga iaitu pakej WP5, WP15, WP21 dan WP27.

Untuk soalan yang kedua, daripada 15 pakej yang sedang berjalan terdapat beberapa pakej yang mengalami kelewatan disebabkan oleh masalah-masalah di bawah seperti pengambilan ahli tanah dan juga pengalihan *utilities*. Itu antara lain faktor-faktor keterlewatan pakej Pan Borneo ini dilaksanakan.

Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Speaker:** Ada soalan tambahan Yang Berhormat Dr.?

### **Soalan Tambahan**

**Dr. Aliakbar bin Gulasan [ADUN Dilantik]:** Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Memandangkan kita lihat keadaan di lapangan, sebahagian tu kita boleh andaikan berlaku kelewatan. Yang menjadi masalah sekarang, kita melihat sebahagian daripada jalan pakej-pakej itu adalah jalan-jalan yang dinaik taraf. Jadi pengguna menghadapi masalah dari segi *maintenance* jalan yang dinaik taraf ini pecah berlubang dan sebagainya. Jadi kita ingin mendapat kepastian dan juga apa mekanisma yang dibuat oleh pihak Jabatan Kerja Raya ataupun kaedah bagi memastikan jalan-jalan ini sentiasa dalam keadaan baik. Sebab rakyat tetap juga membayar *road tax*, *insurance* dan sebagainya, tetapi

jalan ini dalam keadaan kebanyakannya tidak berada dalam keadaan yang baik.  
Terima kasih Speaker.

**Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin]:** Terima kasih Yang Berhormat begitu prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat dan saya sendiri sudah berulang-alik sebetulnya melihat jalan ini beberapa kali, dan sudah tentu pihak kementerian bekerjasama dengan pihak Jabatan Kerja Raya. Pertama untuk memastikan bahawa setiap kontraktor memastikan bahawa mereka melaksanakan kerja-kerja mereka yang berkualiti, memastikan jalan-jalan yang sedia ada dapat diperbaiki.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat dan seluruh Ahli Dewan ini, iaitu jalan kalau dimaksudkan Jalan Batu 32 Telupid, jalan ini jangka hayatnya tamat pada 2018 dan sudah tentu apabila jangka hayatnya tamat, jalan ini akan mengalami kerosakan. Sebab itu pakej Pan Borneo pakej 28, 29 dan 30 diberi keutamaan di situ. Jadi, kalau untuk di *upgrade* secara keseluruhan sudah tentu menelan belanja beratus-ratus juta sedangkan projek Pan Borneo ini sedang dilaksanakan. Jadi kita kena bersabar dalam 2 tahun 2 tahun setengah. Selepas itu kita akan menikmati lebuhraya yang betul-betul menselesaikan tanpa ada kebimbangan dan keraguan. Sebab saya pun melalui jalan yang sama, saya pun pantau, saya pun lihat saya pun sakit hati tayar pun pecah..

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat duduk.

**Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin]:** ...tetapi saya melihat bahawa tidak ada *choice* yang kita boleh ambil. Sebab jalan ini akan dinaik taraf. Kalau kita buat 200, 300 juta lepas tu jalan itu kita robohkan juga, akhirnya kita apa ni membelanja dalam keadaan yang tidak sesuai. Justeru itu, bagi tahu rakyat di kawasan kita sama-sama bersabar. Insya-Allah, kita akan bagi jalan raya yang baik selepas ini. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Elopura.

### **Soalan Tambahan**

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih. Jadi saya memang faham Datuk Seri yang bilang ada 2 tahun yang baikikan itu jalan

raya untuk seluruh Sabah walaupun di Beluran punya *check point* punya *junction*. Tapi dalam tempoh sekarang, jangan bilang 2 tahunlah sekarang, sekarang jalan raya yang teruk di Sapi Nangoh di kawasan Sandakan kawasan 28 batu 28. Jadi sampai sekarang hari ini masih belum dapat selesaikan, masih belum ada satu jalan yang betul-betul. Sekarang jalan yang batu bukan jalan yang *gravel* jalan yang aspal masalahnya begitu. Sila, *at list something for improve for something for upgrade the road before the Pan Borneo completelah*.

**Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin]:** Terima kasih Yang Berhormat Elopura. Betulnya pihak saya telah mengarahkan pihak kontraktor kalau boleh untuk *minimize* ataupun mengurangkan apa ni kerosakan jalan tersebut. Seperti saya maklumkan tadi, untuk mengurangkan boleh tetapi untuk *repair upgrade* semua tidak boleh sudah sebab jalan ini akan tidak diguna pakai akan diganti dengan jajaran jalan baru. Itu saya kata kena berhati-hati di jalan raya. Perlahan-perlahanlah, saya pun sendiri dapat 5 jam setengah, sekarang 7 jam. Tidak apalah, *for temporary* kita kena *have to accept what is happen on the ground*. Yang Berhormat kena maklumkan bahawa kalau belanja berjuta-juta di jalan itu, akhirnya jalan itu juga akan diroboh bermakna kita akan berbelanja dalam keadaan yang tidak tepat sasaran dia. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Speaker:** Terima Kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Api-Api. *Your microphone is not working*.

**Datuk Liew Chin Jin @ Christina [Api-Api]:** *Sorry*. Maaf ah, soalan saya *number three*.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Menteri.

### **INSENTIF KEPADA IBUBAPA MENDAFTARKAN ANAK UNTUK VAKSINASI**

- \*3. **YB. Datuk Christina Liew [Api-Api]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, adakah kerajaan menawarkan insentif untuk menggalakkan ibu bapa mendaftarkan anak mereka untuk vaksinasi memandangkan kadar vaksinasi yang rendah dalam kalangan kanak-kanak berumur lima hingga sebelas tahun (5 -11) di Sabah.

## Jawapan

**Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Tuan Speaker, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, program vaksinasi untuk kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun bagi negeri Sabah telah bermula pada 3 Februari 2022. Kementerian saya melalui Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sedar bahawa vaksinasi untuk...

**21/03/2022 - RAKAMAN 5 [10:40 AM – 10:50 AM] – [SURIYANA] – TJ – TRESA**

**Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** .... Negeri Sabah sedar bahawa vaksinasi untuk kanak-kanak telah bermula dengan agak perlahan disebabkan oleh beberapa kekangan. Antaranya, adalah sikap ibubapa yang mengambil sikap tunggu dan lihat dan juga penularan khabar-khabar palsu mengenai risiko vaksinasi untuk kanak-kanak. Setakat 16 Mac 2022 seramai 332,103 remaja telah mengambil vaksin dos pertama bersamaan dengan 85.09%. Sekiranya mengikut dominator baru tahun 2020, dan seramai 316,118 orang remaja telah lengkap divaksin bersamaan dengan 80.99%. Pada masa yang sama, hanya seramai 84,163 orang kanak-kanak yang telah mengambil vaksin dos pertama iaitu bersamaan dengan 19.95%.

Tuan speaker, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Adun Api-Api, kerajaan menggalakkan ibubapa mendaftarkan anak-anak mereka untuk menerima vaksin demi memastikan keselamatan kanak-kanak tersebut. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, menyediakan pusat pengambilan vaksin ataupun PPV untuk membantu mempercepatkan Program Vaksinasi khususnya remaja dan kanak-kanak. Pada masa yang sama, kerjasama dari Jabatan Pendidikan Negeri, Persatuan Ibubapa dan Guru-guru sekolah, pengurusan sekolah dan pihak berkuasa tempatan amatlah diperlukan. Pihak PIBG atau pengurusan sekolah juga digalakkan menyediakan jamuan ringan untuk menarik perhatian ibubapa dan kanak-kanak semasa proses pemberian vaksin. Di samping itu, terdapat inisiatif dari pihak-pihak yang terlibat dengan menyediakan *goodies bag* dan maskot sebagai insentif untuk menarik perhatian dan menghiburkan kanak-kanak semasa di PPV. Pada masa ini, sebanyak 183 PPV untuk P-KIDS telah dibuka di seluruh Sabah sama ada secara *walk-in* ataupun temujanji. Di samping itu, penglibatan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan pemberian vaksin kanak-kanak

berusia 5 hingga 11 tahun dan juga dos penggalak adalah dilakukan melalui kaedah-kaedah seperti berikut:-

1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri memantau penerimaan dos penggalak dalam kalangan Perkhidmatan Awam Negeri.
2. Menggalakkan semua kakitangan awam dibawah Kerajaan Negeri untuk mendapatkan booster dos dan membawa anak-anak mereka yang berusia 5 tahun hingga 11 tahun menerima vaksin bagi kanak-kanak.
3. Mengadakan Program Pemimpin Bersama Rakyat bersama dengan Program Pemberian Vaksin juga memberi kemudahan kepada penerima vaksin seperti pengangkutan ke PPV, membantu menyediakan peruntukan kewangan untuk pengoperasian PPV awam di daerah dan menganjurkan kempen vaksin booster dos dan P-Kids di peringkat negeri.

**Tuan Speaker** : Soalan tambahan? Ada soalan tambahan dari yang lain Adun-Adun? Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Adun Nabawan.

**Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]**: Datuk Speaker, soalan saya nombor empat (4).

#### **USAHA KEMENTERIAN MEMBANTU USAHAWAN MEMASARKAN PRODUK TEMPATAN DI PERINGKAT DOMESTIK DAN ANTARABANGSA**

- \*4. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN**, apakah program baru pihak kementerian untuk membantu usahawan-usahawan di kawasan luar bandar yang berpotensi untuk membawa dan memasarkan produk-produk tempatan keluaran mereka ke pasaran peringkat domestik mahupun antarabangsa.

#### **Jawapan**

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Pembangunan Perindustrian [Datuk Dr. Joachim Gunsalam]**: Tuan Speaker, untuk makluman Yang Berhormat dari Nabawan dan ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, kementerian saya bersama Jabatan Pembangunan Perindustrian Penyelidikan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) sentiasa merancang program-

program baru bagi memastikan usahawan luar daerah yang berprestasi dapat berkembang sehingga ke peringkat domestik dan antarabangsa. Sebagai contoh, penyertaan 3 usahawan dari luar daerah ke *World Expo 2020 Dubai* baru-baru ini iaitu :-

1. Syarikat Jalinan Resources Millionair Sdn. Bhd. dari daerah Kota Belud, Kota Marudu *sorry* dengan transaksi jualan bernilai RM300,00.00 dan potensi jualan RM12,000,00.00.
2. Syarikat Magnawave Sdn. Bhd. dari daerah Sandakan dimana *confirm sales* adalah RM60,00.00 dan *potential sales* adalah RM2.7 juta.
3. Syarikat Rosmisnake Industry Sdn. Bhd. dari daerah Tawau dimana *confirm sales* adalah RM35,000.00 dan *potential sales* adalah RM144,00.00

Hasil pencapaian ini adalah datangnya dari beberapa program yang telah dirancang seperti:

1. Pembukaan Pusat Usahawan IKS Sabah. Pembukaan Pusat Usahawan IKS Sabah bertujuan untuk menyediakan ruang bagi mengumpul, mempamer, mempromosi dan menjual produk keluaran tempatan dari seluruh daerah termasuk produk usahawan *informal*. Melalui program ini, usahawan baru boleh menghantar dan memasarkan produk mereka ke pusat usahawan IKS dan pihak DIDR. DIDR akan mengenal pasti produk yang berpotensi untuk dikomersialkan. Kini terdapat 4 pusat IKS yang telah dibuka iaitu di daerah Kota Kinabalu, Beaufort, Ranau dan Papar. Pada tahun ini, 4 lagi pusat usahawan IKS akan dibuka iaitu di daerah Keningau, Sandakan, Tawau dan Kota Marudu.
2. Program Transformasi Usahawan Sabah, program ini membantu usahawan baharu yang mempunyai potensi dengan memberi bantuan dari segi rekabentuk baru dan mencetak pembungkusan termasuk logo, kandungan nutrisi serta kod bar. Tujuan program ini adalah untuk membantu usahawan baru memasarkan produk mereka ke pasaraya tempatan seperti di Pasaraya Bataras dan Kedai Mesra Petronas.



3. Program Pemasaran Produk IKS ke pasaraya tempatan. Kementerian saya melalui Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan bekerjasama sama dengan Pasaraya Bataras dan juga Petronas Sdn. Bhd ataupun Kedai Mesra. Bagi memasarkan produk usahawan IKS Sabah ke pasaraya tempatan, program ini dilihat sebagai inisiatif yang mampu membawa membantu usahawan memasarkan produk ke pasaraya tempatan di seluruh Sabah secara *fastrack*. Melalui kolaborasi bersama Pasaraya Bataras ia turut dilihat memberikan kesan positif terhadap peningkatan ekonomi usahawan dengan pencapaian yang amat memberangsangkan. Hasil jualan program ini pada tahun 2021 telah mencapai RM4.2 juta bagi kolaborasi bersama Petronas Sdn. Bhd. ia turut menghasilkan jumlah sebanyak RM344,311.00 dan berjaya memasarkan produk usahawan IKS di Kedai Mesra dari seluruh Sabah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

Sebagai kesinambungan memasarkan produk IKS Sabah ke pasaraya tempatan, DIDR juga telah bekerjasama dengan KOJASA yang membuka outletnya di Suria Inanam dan Anjung Selera serta Sabah Credit Corporation yang akan membuka sebuah pasaraya iaitu ICC Outlet di Bangunan UTC Kota Kinabalu.

4. Program Pemasaran Produk IKS ke Semenanjung Malaysia. Kementerian saya juga akan menubuhkan pusat produk IKS Sabah ke Semenanjung Malaysia. Ini adalah salah satu inisiatif baru untuk menembusi pasaran ke luar negeri dan seterusnya ke peringkat antarabangsa. Lokasi penubuhan pusat ini telah dikenal pasti bertempat di Pasaraya Segi Fresh dan GM Klang Wholesale City. GM Klang Wholesale City merupakan satu pusat sehenti pemborongan yang mengumpul dan mempamerkan produk dari dalam dan luar negara.
5. Bantuan industri kecil dan sederhana atau dengan singkatan BAIKS. Bantuan industri kecil dan sederhana dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan produktiviti usahawan IKS di Sabah.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Pembangunan Perindustrian [Datuk Dr. Joachim Gunsalam]:** ...produktiviti usahawan IKS di Sabah melalui pemberian bantuan mesin atau peralatan, peningkatan kualiti pembungkusan, pendigitalan, perniagaan dan francais. Program ini dapat membantu meningkatkan keupayaan pengeluaran usahawan IKS, menghasilkan produk berkualiti dan seterusnya meningkatkan pendapatan para usahawan. Seramai 3,343 usahawan IKS Sabah telah menerima bantuan ini semenjak dari tahun 2017 sehingga 2021.

Keenam, penyediaan premis perniagaan dan pusat inkubator. Kementerian saya melalui SEDCO juga telah menyediakan premis perniagaan dan pusat inkubator kepada usahawan baru di kawasan-kawasan yang strategik dengan kadar sewa yang berpatutan. Sebanyak 760 unit premis kedai, 377 unit premis perniagaan kecil, 14 pusat ah *recreation*, 43 unit premis industri ringan dan 18 lot niaga di pusat komersial telah dibangunkan oleh pihak SEDCO. Dengan adanya kemudahan ini, ia dapat membantu usahawan baru yang kurang berkemampuan untuk memulakan perniagaan di sekitar ruang pejabat di lokasi yang strategik.

Ketujuh, pelaksanaan Program Kempen “Belilah Barangan Buatan Sabah”. Kempen “Belilah Barangan Buatan Sabah” telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pada 27 Januari 2022 yang lalu di Daerah Ranau. Kempen ini dilaksanakan bertujuan untuk menyemai semangat patriotisme dan rasa bangga rakyat Sabah terhadap barangan keluaran tempatan. Kempen ini juga dapat membantu usahawan IKS meningkatkan semula hasil jualan dan membantu membuka peluang pekerjaan disebabkan penularan pandemik COVID-19. Kempen ini merupakan salah satu inisiatif di bawah pelan Sabah Maju Jaya dan kementerian saya telah menyusun 17 program yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2022 bagi memastikan produk IKS Sabah dikenali oleh rakyat Sabah khususnya dan rakyat Malaysia amnya.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, “Belilah Barangan Buatan Sabah”. “Mantap ‘baini gaman’”. Jadi, sekian terima kasih.

(tepuk meja)

**Tuan Speaker:** Soalan tambahan.

### **Soalan Tambahan**

**Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]:** Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bagi soalan tambahan saya untuk bagi memastikan eko sistem perniagaan berjalan dengan lebih rancak di luar bandar khususnya. Apakah pihak kementerian ada bercadang untuk membina pusat latihan ataupun ah menambah kursus serta premis perniagaan berteknologi digital untuk membantu meningkatkan pengeluaran produk tempatan usahawan luar bandar? Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Pembangunan Perindustrian [Datuk Dr. Joachim Gunsalam]:** Terima kasih dengan soalan tambahan itu Yang Berhormat. Kita akan cuba ah meningkatkan dan memperbanyakkan lagi pusat IKS di seluruh negeri Sabah dan ah apa ini, tertakluk juga ah dengan keadaan peruntukan yang kita dapat. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Sri Tanjong.

### **Soalan Tambahan**

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Terima kasih ah Datuk Speaker. Tadi YB Menteri ada sentuh tentang ah *strategic marketing*. *Marketing strategy right?* Ah strategi pemasaran. Saya ingin bertanya sama ada ah kementerian YB Menteri ah bersedia untuk memasarkan produk-produk ah khususnya di luar bandar di tempat-tempat ah *port of arrival* sedangkan kami akan mendatangkan lebih banyak ah *visitors* dari sama ada dari *West Malaysia* atau pun luar negara. Jadi ah saya ingin bertanya sama ada kementerian bersedia untuk memasarkan produk di pelbagai *port of arrival* seperti *airport* dan jika ya saya ingin ah bertanya sama ada kementerian bersedia untuk ah membincang dengan *airport berhad* ah supaya sewa boleh ah ditetapkan dengan harga yang ah berpatutan. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Pembangunan Perindustrian [Datuk Dr. Joachim Gunsalam]:** Terima kasih soalan tambahan daripada ah...

**Tuan Speaker:** Sri Tanjong.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Pembangunan Perindustrian [Datuk Dr. Joachim Gunsalam]:** Sri Tanjong. Untuk makluman ah Yang Berhormat dari Sri Tanjong dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Yang Mulia ini, sebenarnya kementerian saya sudah mula ah mengadakan satu ah, apa ini IKS di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan ah kita juga bersedia untuk berbincang dengan Malaysia Airport Berhad atau di mana-mana *port of entry* yang berada di Sabah ini. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Balung.

**Tuan Hamild @ Hamid bin Awang [Balung]:** Terima kasih Datuk Speaker, soalan saya nombor lima (5).

#### **PEMBINAAN MAHKAMAH ANAK NEGERI BAHARU DI TAWAU**

\*5. **YB. Tuan Hamild @ Hamid Bin Hj. Awang [Balung]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, bilakah kementerian dapat membina Mahkamah Anak Negeri yang baharu di daerah Tawau memandangkan Pejabat Mahkamah Anak Negeri Tawau yang selama ini menumpang di bawah Majlis Perbandaran Tawau dalam keadaan serba kekurangan.

#### **Jawapan**

**Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @ Liasnih]:** Terima kasih Tuan Speaker. Untuk menjawab...

**Tuan Speaker:** Sila, sila jawab.

#### **Jawapan**

**Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @ Liasnih]:** ...untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Balung dan juga untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, kementerian saya mengambil maklum keperluan membina Mahkamah Anak Negeri di seluruh negeri Sabah dan ah juga termasuk Daerah Tawau. Setakat ini ah, cadangan tapak bangunan ah Mahkamah Anak Negeri di Daerah Tawau sudah dikenal pasti dan telah pun direkodkan di Jabatan Tanah dan Ukur untuk diwartakan. Jadi memang kita maklum bahawa ah

keadaan Mahkamah Anak Negeri Tawau yang tidak selesa. Bukan sahaja di Tawau tetapi juga di seluruh negeri Sabah. Terima kasih Tuan Speaker.

**Tuan Speaker:** Soalan tambahan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Banggi.

**Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]:** Datuk Speaker, soalan saya nombor enam (6).

**Tuan Speaker:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

## **PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI UNTUK MEMBANTU RAKYAT KAWASAN LUAR BANDAR**

\*6. **YB. Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, apakah program-program pembangunan ekonomi yang khusus untuk membantu rakyat di kawasan luar bandar khususnya bagi daerah-daerah termiskin di Sabah dan berapakah bilangan mereka yang terlibat setakat ini serta sejauh mana keberkesannya.

### **Jawapan**

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Jahid bin Jahim]:** Datuk Speaker, memandangkan pertanyaan nombor 6 yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari N.1 Banggi, pertanyaan nombor 15 pada 22 Mac oleh Ahli Yang Berhormat dari N.18 Inanam dan pertanyaan nombor 19 pada 24 Mac oleh Ahli Yang Berhormat dari N.46 Nabawan adalah berkaitan maka izinkan untuk saya menjawab ketiga-tiga soalan pertanyaan tersebut secara serentak.

**Tuan Speaker:** Silakan.

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Jahid bin Jahim]:** Sesungguhnya beberapa aktiviti dan program telah dirancang untuk dilaksanakan bagi meningkatkan ekonomi rakyat di luar bandar khususnya untuk daerah-daerah yang tersenarai dalam daerah miskin di negeri Sabah. Di antara program yang diperuntukkan adalah seperti berikut:

1. Program Mini Estet Sejahtera (MESEJ). Program ini telah bermula sejak tahun 2006 dan sepanjang pelaksanaannya banyak membantu golongan yang

berpendapatan rendah iaitu seramai 934 orang peserta bagi 52 MESEJ di seluruh negeri Sabah;

2. Datuk Speaker, selain PPRT dan Program Baik Pulih Rumah, Program Rumah Sejahtera Rakyat Sabah (RSRS) adalah juga di antara program yang berorientasikan membantu masyarakat luar bandar yang tergolong dalam miskin tegar untuk menikmati kehidupan yang lebih baik; dan
3. Di bawah kementerian juga sudah mula menerokai aktiviti ekonomi tambahan untuk memfokuskan kepada aktiviti ternakan dan pertanian bagi secara khusus memfokuskan untuk berusaha ke arah membasmi kemiskinan di kawasan-kawasan luar bandar yang tergolong dalam daerah miskin. Terima kasih Tuan Speaker.

**Tuan Speaker:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada soalan tambahan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat ADUN Dilantik, Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee.

**Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor tujuh (7).

**Tuan Speaker:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

## **VACCINATED TRAVEL LANE (VTL) UNTUK PELAWAT NEGARA LAIN KE SABAH**

- \*7. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, adakah kerajaan negeri Sabah bercadang mewujudkan Vaccinated Travel Lane (VTL) untuk pelawat dari negara lain ke Sabah.

### **Jawapan**

**Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Joniston bin Lumai @ Bangkuai]:** Terima kasih ah Datuk Speaker. Izinkan saya untuk ah menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat ADUN Dilantik, bersekali dengan ah soalan nombor 14 daripada Ahli Yang...

**Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Joniston bin Lumai @ Bangkuai]:** Terima kasih Datuk Speaker. Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Adun Dilantik bersekali dengan soalan nombor 14 daripada Ahli Yang Berhormat Luyang dan juga pertanyaan secara bertulis daripada Yang Berhormat N.69 Sri Tanjong memandangkan semua pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah berkaitan.

Datuk Speaker, kementerian saya sedar akan kepentingan perjalanan VTL ini di antara Sabah dengan negara-negara luar untuk kebaikan negeri Sabah di mana ianya sudah tentulah berupaya untuk membantu memulihkan ekonomi daripada pelbagai aspek apabila terbukanya semula rangkaian perniagaan antara Sabah dengan negara-negara luar terutamanya dari segi sektor pelancongan yang terjejas teruk akibat wabak-wabak Covid-19 dan perjalanan VTL memang merupakan rangsangan yang amat diperlukan untuk menyumbang kepada ekonomi negeri Sabah secara positif.

Kementerian saya juga yakin bahawa pengusaha-pengusaha industri pelancongan Sabah telah bersedia untuk menyambut ketibaan pelancong-pelancong luar negara dan dengan adanya Prosedur Operasi Standard (SOP) yang lebih ketat ini boleh mengawal penularan *variant Omicron* di negeri ini apabila pelawat sudah mula masuk di negeri Sabah. Sukacita saya juga ingin menyatakan di sini bahawa kementerian sentiasa mengadakan *engagement* dengan *industry players* dalam soal ini dan sehubungan dengan itu, kementerian telah mengemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Covid negeri Sabah cadangan untuk mempertimbangkan pelaksanaan perjalanan VTL antara Kota Kinabalu dan Singapura.

Dan untuk makluman Dewan Yang Mulia ini juga, proses kita semua tahu proses pelaksanaan perjalanan udara dengan negara-negara luar ini dikendalikan oleh Kementerian Pelancongan Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC), Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan rakan sejawat di negara luar. Manakala dalam perbincangan pada peringkat kebangsaan pula, pihak Sabah diwakili oleh pengarah Hal Ehwal Dalam Negeri dan

Penyelidikan di bawah Jabatan Ketua Menteri. Jadi apabila dalam perbincangan dengan *industry player*, kita tahu bahawa mereka sudah cukup bersedia tetapi kita perlu menyampaikan cadangan ini kepada Jawatankuasa Pengurusan Covid Negeri di mana jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil daripada KKM, MKN dan jabatan dan agensi yang berkaitan. Ini untuk apabila sesuatu cadangan ini untuk mereka menilai dari segi risiko jika kita memulakan VTL ini.

Jadi, kita sudah kemukakan cadangan dan setakat ini belum lagi ada jawapan yang kita harus mulakan VTL ini bagi Sabah ya, dan tapi apa pun selaras dengan perkembangan terkini di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa negara akan membuka sempadannya kepada pelawat-pelawat antarabangsa bermula 1 April, maka saya rasa keperluan untuk membuka perjalanan VTL ini akan tidak ada lagi memandangkan syarikat-syarikat penerbangan akan mula membuat penerbangan ke Sabah.

Walau bagaimanapun, bagi negara-negara serantau yang masih belum membuka sempadan antarabangsa mereka, kementerian akan mengambil langkah-langkah untuk berbincang dengan negara-negara yang terbabit mengenai pelaksanaan pembukaan perjalanan VTL ini. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Soalan Tambahan?

**Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]:** Tambahan.

**Tuan Speaker :** Ya, Datuk Yong.

**Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]:** Terima kasih Tuan Speaker. Minta penjelasan daripada YB pembantu menteri dan YB Menteri yang *last* itu YB cakap pada 1 April Perdana Menteri cakap sudah buka, adakah itu bermaksud mulai April 1 ini tidak lagi VTL? Ataupun bagi negara-negara tertentu mungkin dia punya kes Covid banyak maka lain negara VTL, lain negara terbuka? Ini yang *last* itu saya belum dapat faham. Saya ulangi, sama ada mulai 1 April tidak lagi VTL semua buka ataupun mulai 1 April ada yang buka ada yang belum?



Dan seterusnya apa lagi yang mahu ditimbang-timbang dia punya nilai, kan? Sekarang orang Sabah nak pergi Singapura kena melalui KLIA, Kuala Lumpur, padahal Kuala Lumpur, Selangor punya kes Covid lebih 10 ribu. Kalau kita *transit* Kuala Lumpur mungkin kita kena Covid baru pergi *Singapore*. Di Sabah tidak sampai 1 ribu. Tahniah lah kepada kerajaan negeri dan KKM negeri, kita telah mengatasi ini pandemik ini. Di Selangor, Kuala Lumpur lebih 10 ribu kes. Kita sini tidak sampai 1 ribu, kelmarin dulu baru 400. Jadi apa lagi mahu ditimbang-timbang, nilai-nilai? Ini sangkut ini di Sabah kah di pusat? Kalau di pusat buat lah macam YB Ranau, tumbuk meja keluar dari bilik, ini hak kita. Apa kita mahu pergi *Singapore* melalui Kuala Lumpur, pergi Hong Kong pun melalui Kuala Lumpur? Kerana ada juga penerbangan *direct* dari Zamboanga mahu pergi Kota Kinabalu. Mula-mula pada bulan Mac 2020, *first flight* dari Zamboanga ke Kota Kinabalu itu ditangguh.

**Tuan Speaker:** Soalannya Yang Berhormat, soalannya. Soalan.

**Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]:** Ya. Soalan, apa lagi mahu tunggu-tunggu, timbang-timbang? Buat saja.

**Tuan Speaker :** Ok.

**Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Joniston bin Lumai @ Bangkuai]:** Terima kasih atas soalan tambahan. Saya faham juga Datuk Seri, tetapi seperti mana yang saya nyatakan tadi, kita ada jawatankuasa yang membuat penilaian dan bagi pihak kementerian kita pun sudah bersedia, industri pun sudah bersedia, tetapi kita tertakluk kepada penilaian jawatankuasa ini. Apa pun kita berharap lah ya. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Dilantik dan *we will revisit*. Apa lagi tunggu-tunggu? Betul juga itu. Terima kasih.

**Tuan Speaker :** Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]:** VTL bila dibuka. Yang itu belum jawab.

**Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Joniston bin Lumai @ Bangkuai]:** Dia terbuka kan. Sudah dibuka, tapi ada juga negara-negara yang mungkin merasakan VTL itu masih perlu dikekalkan. Jadi, kita akan berbincang dengan negara-negara ini ya. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Speaker :** Ya, Yang Berhormat Luyang.

### **Soalan Tambahan**

**Tuan Phoong Jin Zhe [Luyang]:** Terima kasih Datuk Speaker. Yang Berhormat Menteri, apakah strategi? Saya rasa tidak dapat dielakkan dalam masa yang terdekat kerana susulan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang sama ada itu akan dibuka. So, soal ialah apakah strategi kita Sabah sebagai satu negeri yang begitu potensi dalam sektor pelancongan kita semua tahu? Apakah strategi kalau dalam 10 hari lagi kita akan buka sempadan? Apakah strategi kementerian telah buat yang telah dilaksanakan bagi persiap sediaan untuk mengambil pelancong-pelancong masuk ke Sabah? Dan keduanya, adakah faktor...

**Tuan Speaker:** Satu soalan saja Yang Berhormat.

**Tuan Phoong Jin Zhe [Luyang]:** Satu lagi, itu faktor vaksinasi yang terendah *Booster Dose* di seluruh negara, Sabah adalah yang terendah antaranya terendah. So adakah faktor ini juga akan diambil kira? Terima kasih.

**Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Joniston bin Lumai @ Bangkuai]:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Luyang. Sebenarnya kementerian, walaupun belum dibuka *we are we constantly* ada *engagement* dengan syarikat-syarikat penerbangan dan selain daripada itu seperti yang saya nyatakan tadi, kita juga ada *regular engagement* dengan *industry players* di Sabah ini. Kita mahu pastikan, kita bersedia dan kita juga ingin pastikan hubungan baik dengan syarikat-syarikat penerbangan itu ada *and we are in consultants* dan untuk maklumat pada ketika ini, beberapa syarikat penerbangan telahpun membuat perancangan yang teguh ya, *firm* keputusan dan bersedia untuk memulakan...

**Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Joniston bin Lumai @ Bangkuai]:** .... bersedia untuk memulakan semula penerbangan langsung dari negara mereka ke Sabah. Ini antara syarikat-syarikatnya ialah penerbangan *Malaysia Airlines, Cebu Pacific Air, Scoot* daripada Singapura, *AirAsia, Jeju Air, Air Seoul, Jin Air, Air Busan* dan banyak lagi. So, itu antara *we are always* apa itu, memastikan kesediaan, tahap kesediaan kita ada dan hubungan kita dengan syarikat-syarikat penerbangan ini dan juga *travel-travel agent* dari luar negara. So itu antara strategi kita. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Ya, sebab kita semua teruja untuk menerima pelancong, saya bagi peluang satu soalan lagi. Soalan tambahan. Okay, Senallang.

#### **Soalan Tambahan**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Datuk Speaker, terima kasih banyak atas ruang yang diberikan itu dan juga jawapan telah diberikan oleh Yang Berhormat dan saya ingin tahu yang sama ada pihak kerajaan juga bukan hanya berunding dengan *airline* di peringkat luar kerana kita sedar dan tahu bahawa sektor *tourism* ini bukan hanya bergantung dengan luar negara, dalam negara juga, dan ini merupakan satu kerangka yang perlu kita tambah baik, malangnya hari ini *within our means* dengan izin, *MAS is under the Government of Malaysia*. Tapi malangnya sistem penerbangan ini terbatas, daripada Kota Kinabalu ke Tawau MAS hanya boleh terbang petang, pagi tidak ada. Balik pun satu dua *flight* sahaja, itu kadang-kadang *cancel*. Ke Sandakan begitu juga sedang pun kita sedar dan tau jalan raya yang ada di negara di negeri Sabah ini cukup teruk, *the worst in the country*. Kalau kita lihat Pahang ka, Perlis ka, *name it, whatever reason you do sixty plus years* dah rosak. Kalabakan ini. Cuma saya nak minta prasarana selain daripada yang kita katakan adakah pihak kementerian ya menegaskan supaya pihak penerbangan Malaysia pertingkatkan ya penerbangan dia, domestik yang ada, kita tidak boleh bergantung hanya dengan AirAsia. Terima kasih banyak.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Jafry bin Ariffin]:**

Terima kasih Senallang, bagi saya saya percaya kementerian punya pendirian, *if there are*, ada *demand* itu ke Tawau, ke mana, saya percaya syarikat penerbangan seperti *Malaysia Airlines* akan pertimbangkan untuk tambah *I think demand* itu *but* memang *connectivity* itu *is very important* untuk pelancongan antara negeri juga domestik kita dan bukan soal Tawau ja, penerbangan daripada negeri-negeri lain pun sudah bertambah, dari Penang, dari Kota Bharu, dari Kuala Terengganu, dari Johor. *So, this are all the efforts that are being made but I think it's a good point. I think Malaysia Airline should if there are demands and are if there is need to increase the number* dengan izin *flights* itu, *I am sure action will be taken. Thank you.*

**Tuan Speaker:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Liawan.

**Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan] :** ..... (Mikrofon tidak berfungsi)

**Tuan Speaker:** Tak dengar. Soalan?

**Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan] :** ..... (Mikrofon masih tidak berfungsi)

**Tuan Speaker:** Soalan nombor lapan (8), Yang Berhormat Menteri.

## **KAWALAN KENAIKAN HARGA RACUN DAN BAJA**

\*8. **YB. Datuk Annuar Datuk Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah perancangan kementerian untuk mengawal kenaikan harga racun dan baja bagi meringankan beban para petani yang terkesan akibat kenaikan tersebut.

### **Jawapan**

**Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Pertanian dan Perikanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kepada dewan dan untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, kenaikan harga baja dan racun ini berlaku kerana kesan kenaikan harga pasaran antarabangsa, perubahan dasar negara *pengekspor* input pertanian, dan

juga logistik yang terhad semasa pandemik Covid-19. Walau bagaimanapun, beberapa langkah sedang dilaksanakan dan dirancang khususnya oleh kerajaan pusat seperti berikut: pertama, pemberian kemudahan pinjaman AgroMakanan tanpa faedah iaitu *zero interest rate* dengan moratorium bayaran balik selama enam bulan melibatkan peruntukan sebanyak 200 juta dan 62 juta bagi pemberian subsidi dan insentif padi di bawah Bajet 2022. Bantuan subsidi racun rosak untuk pesawah juga dinaikkan daripada RM200 kepada RM300 sehektar iaitu untuk satu musim untuk pembangunan tanaman, insentif racun makhluk perosak, dan peng.. Pengurusan Perosak Bersepadu adalah sebanyak RM500 sehektar.

Kedua, kerajaan menggalakkan penggunaan menanam tanaman jangka masa pendek seperti sayur-sayuran di kawasan rumah melalui Program Pertanian Bandar Komuniti dalam bentuk pemberian insentif input pertanian seperti baja organik dan juga peralatan. Program ini melibatkan 900 orang peserta masa kini bersamaan 90 komuniti dengan peruntukan sebanyak RM1 juta. Untuk makluman, kerajaan juga menggalakkan industri pengeluaran baja tempatan sendiri dan mengurangkan penggunaan racun kimia. Langkah-langkah yang lain yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut iaitu menggalakkan petani mengamalkan Pengurusan Perosak Bersepadu atau *Integrated Pest Management* bagi mengurangkan kebergantungan terhadap racun kimia melalui kawalan secara kultural, kawalan fizikal dan kawalan biologi, menggalakkan dan mempromosikan penggunaan input pertanian berasaskan *microorganism* berfaedah seperti *plant booster*, *growth enhancer* dan bokashi atau baja kompos yang dihasilkan melalui proses fermentasi atau peragian bahan organik dengan teknologi efektif *microorganism*. Juga kerajaan menggalakkan penggunaan bahan sisa tanaman seperti jerami padi untuk dijadikan baja kompos dan kita juga menjalankan aktiviti pembangunan bagi mendidik petani untuk menggunakan baja dan racun perosak mengikut keperluan dan sukatan yang tepat, kadang-kadang dorang pakai berlebih-lebihan, dengan teknik-teknik yang betul supaya penggunaan input adalah secara berhemah dan berkesan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Speaker:** Soalan tambahan. Liawan, ada soalan tambahan? Tidak ada. So, Elopura.

## Soalan Tambahan

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, kasih peluang saya. Jadi saya tanya Datuk Seri Menteri jadi tadi menteri bilang sebut ada *composting* atau yang *fertilizer* yang untuk *local* yang *generate* atau *produce* ada adakah langkah-langkah yang jadi kita boleh kurangkan *relies with the import raw material*? Jadi kalau kita kurangkan *raw material* dari luar negara kita boleh *plant* di sini. Contohnya, guna kandang kosong atau yang guna daun-daun kelapa sawit atau lain-lain punya *material* boleh *generate fertilizer* di Sabah. Jadi kita boleh kurangkan kita *eksport raw material* jadi kita boleh kurangkan itu kebun kecil punya itu *costing*. Jadi saya harap saudara Datuk Seri boleh kan cara-cara apa yang kita boleh kurangkan ini ini *fertilizer* dari luar negara. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Pertanian dan Perikanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Terima kasih, ahli daripada mana itu? Senallang ka? Eh, *sorry* (ketawa). Seperti mana yang saya cakap sebentar tadi, kerajaan menggalakkan dan sedang mencari jalan untuk mengeluarkan apa ini baja dan racun sendiri menggunakan bahan-bahan tempatan. Walau bagaimanapun, kita perlu buat kajian di mana yang perlu supaya kita tidak bergantung kepada *import* seperti mana yang kita ada sekarang.

**21/03/2022 - RAKAMAN 9 [11:20 AM – 11:30 AM] – [THEODORA BONIFACE] – NN – MM**

**Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Pertanian dan Perikanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** ... yang kita ada sekarang. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat dari Sekong.

**Tuan Alias Bin Sani [Sekong]:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor sembilan (9).

## PERUNTUKAN KEPADA DUN SEKONG BAGI PROJEK PEMBANGUNAN DAN KEMUDAHAN ASAS RAKYAT

\*9. **YB. Tuan Alias bin Sani [Sekong]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, berapakah jumlah bajet yang diperuntukkan kepada DUN Sekong

bagi projek-projek pembangunan dan pengurusan kemudahan asas rakyat bagi tahun 2022.

### **Jawapan**

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Jahid bin Jahim]:** Datuk Speaker, saya mohon untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat N.53 Sekong, sekali dengan pertanyaan N.22 daripada Ahli Yang Berhormat, pertanyaan nombor 22 daripada Ahli Yang Berhormat N.26 Moyog dan pertanyaan nombor 28 esok daripada Ahli Yang Berhormat N.21 Luyang kerana ketiga-tiga soalan adalah berkaitan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan bagi setiap kawasan DUN sebanyak RM2 juta untuk projek-projek pembangunan dan pengurusan kemudahan asas rakyat bagi tahun 2022. Cuma penyaluran peruntukan itu sahaja yang berlainan. Terima kasih.

**Tuan Speaker :** Soalan tambahan?

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Jahid bin Jahim]:** Maksud saya, kaedah penyaluran.

**Tuan Speaker :** Soalan tambahan Yang Berhormat Silam.

### **Soalan Tambahan**

**Tuan Dumi bin Pg. Masdal [Silam]:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebagaimana kita sedia maklum, KPLB adalah untuk membantu masyarakat luar bandar untuk meningkatkan ekonomi mereka. Saya ingin tahu, apakah status terkini perancangan untuk mewujudkan Mini Estet Sejahtera rumpai laut di Kampung Bong Koruan, Lahad Datu? Terima kasih.

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Jahid bin Jahim]:** Oleh kerana persoalan ini *ad hoc* Datuk Speaker, saya akan memberi jawapan bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Kukusan.

**Puan Rina binti Jainal [Kukusan]:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor sepuluh (10).

### **KOMPLEKS RENANG TAWAU BERTARAF OLIMPIK**

\*10. YB. Puan Rina Haji Jainal [Kukusan] bertanya kepada MENTERI BELIA DAN SUKAN, apakah Kompleks Renang Tawau yang menelan belanja RM11,000,000, mempunyai ciri-ciri kolam renang bertaraf Olympic.

#### **Jawapan**

**Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ellron bin Angin]:** Datuk Speaker, bagi menjawab pertanyaan Ahli Berhormat, Yang Berhormat Kukusan dan untuk pengetahuan Dewan Yang Mulia ini, kolam renang Kompleks Sukan Tawau yang siap dibina pada 20 Disember 2021 belum mencapai status atau ciri-ciri bertaraf olimpik. Walau bagaimanapun, kolam renang tersebut dibina mengikut spesifikasi kolam renang bersaiz olimpik seperti digariskan oleh Badan Renang Antarabangsa, iaitu *International Swimming Federation* atau *FINA*. Kemudahan kolam renang yang telah siap dibina adalah merangkumi kolam pertandingan, kolam kanak-kanak dan kolam kanak-kanak. Kolam pertandingan bersaiz olimpik ini boleh digunakan untuk tujuan latihan dan penganjuran kejohanan sukan renang pada peringkat negeri atau kebangsaan. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Soalan tambahan. Soalan tambahan dari Elopura.

#### **Soalan Tambahan**

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Terima kasih Tuan Speaker, kasih saya peluang lagi. Tentang itu Tawau, apa bajet untuk Sandakan punya kolam renang *upgrade*? Sampai hari ini belum ada bumbung, *tiles*nya masih rosak dan tandas masih belum dibaikikan. Terima kasih.

**Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ellron bin Angin]:** Yang Berhormat, boleh ulang soalan tadikah? Kurang jelas.

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Kolam berenang di Sandakan, *Sport Complex* di Sandakan. Jadi, *tiles* dengan bumbung belum dibaiki dan tandas masih rosak. Jadi ada apa langkah-langkah atau bajet atau apa yang cara-cara atau masa



yang tempoh untuk baikkan *tiles* di kolam renang atau bumbung atau tandas di kawasan di situ. Terima kasih menteri.

**Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ellron bin Angin]:** Ok, soalan tambahan ini kita tidak dapat apa nama, informasi yang terperinci. Kita akan bagi selepas DUN nanti. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Berhormat, sekian saja sesi soal jawab kita pada hari ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, ada usulnya akan dikemukakan?

**Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Kerja Raja [Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin]:** Tuan Speaker, saya memohon mencadangkan bahawa Peraturan Tetap 2 (2) (a), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri sepanjang tempoh persidangan pada kali ini dewan digantung bermula jam 12:30 tengah hari dan hendaklah disambung semula pada jam 2:00 petang.

**Tuan Speaker:** Ada menteri menyokong?

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Yakubah Khan]:** Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker :** Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah sepanjang tempoh persidangan dewan pada kali ini, dewan digantung bermula jam 12:30 tengah hari dan hendaklah disambung semula pada jam 2:00 petang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, katakan “BERSETUJU”,  
Yang tidak bersetuju katakan “TIDAK”  
Lebih suara yang bersetuju, usul dipersetujukan.

**Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]:** Tuan Speaker, boleh bercakap sedikit tentang ini? Semasa biasanya apabila kita menteri-menteri ini membahaskan ataupun mengulung ucapan-ucapan perbahasan, dia sampai tengah malam jam 10, jam 11

pun pernah sampai. Kalau boleh diizinkan hari ini dan besok kita lewatkan ke sebelah malam supaya...

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat, ini ialah usul untuk mengantung tengah hari bukannya...

**Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]:** Ya itu saya setuju... tapi saya memohonlah juga.

**Tuan Speaker:** Duduk. Lebih suara yang bersetuju, usul dipersetujukan.

## **USUL UCAPAN TERIMA KASIH**

**Setiausaha Dewan:** Usul ucapan terima kasih oleh Yang Berhormat dari Tempasuk ke atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri pada hari Rabu bersamaan 16 Mac 2022.

**Tuan Speaker:** Ahli Yang Berhormat dari Tempasuk, sila kemukakan usul.

**Tuan Mohd. Arsad bin Bistari [Tempasuk]:** Terima kasih Datuk Speaker. Saya mohon mencadangkan bahawa usul berikut hendaklah dipersetujui bahawa kami Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sabah melahirkan rasa terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah atas Ucapan Dasar Kerajaan yang telah disampaikan pada hari Rabu bersamaan dengan 16 Mac 2022.

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t. Salam sejahtera, Salam Sabah Maju Jaya, dan Salam Keluarga Malaysia. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Timbalan-timbalan Ketua Menteri Sabah, menteri-menteri, pembantu-pembantu menteri serta sahabat-sahabat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan Yang Mulia ini.

Datuk Speaker, menyentuh Ucapan Dasar Kerajaan yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri Sabah Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Maharuddin. Saya mendengar dengan penuh teliti Ucapan Dasar berkenaan yang mana pada pandangan saya, isi kandungannya telah

menzahirkan keberkesanan peringkat awal Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya yang telah dirangka ketika kita masih berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Kerajaan GRS.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat ada 20 minit ya.

**Tuan Mohd. Arsad bin Bistari [Tempasuk]:** Datuk Speaker, izinkan saya untuk mengulas sedikit mengenai tuntutan hasil Sabah kepada kerajaan persekutuan melalui Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Seperti yang telah disentuh oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah dalam Ucapan Dasar, kita dimaklumkan bahawa Sabah bakal menerima kadar bayaran geran khas tahunan yang telah, yang lebih tinggi melalui peruntukan Artikel 112 (d) Perlembagaan Persekutuan. Ini merupakan satu perkhabaran yang cukup menggembirakan. Namun yang demikian, pada masa yang sama juga saya berharap agar pindaan tersebut bukan hanya satu perubahan kosmetik atas dokumen tapi turut disusuli dengan tindakan pelaksanaan yang sewajarnya.

Selain daripada itu, kadar bayaran baru yang bakal diterima nanti seharusnya benar-benar menepati hak Sabah seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Semakan semula Artikel 112 (d) Perlembagaan Persekutuan yang tidak pernah dibuat semenjak tahun 1974 benar-benar merugikan. Bukan saja dari segi sumber kewangan tapi juga dari aspek pembangunan yang tertangguh mahupun terlewat...

**21/03/2022 - RAKAMAN 10 [11:30 AM – 11:40 AM] – [ADRIAN SOLIUN] – TJ – NELL**

**Tuan Mohd Arsad Bin Bistari [Tempasuk]:** ... tertangguh mahu pun terlewat perlaksanaannya akibat kekurangan dana. Tahniah kepada kerajaan Sabah atas kesungguhan dan kerja keras dalam menuntut haknya.

Datuk Speaker, mengulas sedikit ulasan Bajet 2022.

Saya juga menyokong penuh hasrat kerajaan Sabah untuk meneruskan rundingan bersama kerajaan Persekutuan berkenaan beberapa lagi tuntutan hak Sabah.

Mungkin sebelum ini, tuntutan tersebut dianggap tidak mempunyai asas kuat dari segi perlembagaan. Tetapi pindaan Perlembagaan Persekutuan berkaitan Perjanjian Malaysia 1963 yang diluluskan pada tahun lepas telah mengukuhkan lagi kedudukan Sabah dan Sarawak dalam konteks Persekutuan Malaysia. Sabah kini sebuah wilayah yang setanding dengan Semenanjung dan bukan lagi hanya setaraf negeri Perlis ataupun Melaka.

Perubahan status QUO (KO) Sabah dalam Perlembagaan Persekutuan boleh memudahcara dengan lebih efektif dalam proses tuntutan yang melibatkan bayaran royalti. Saya berharap agar hak Sabah dihormati, ditunai serta dilaksanakan demi memartabatkan semangat Perjanjian Malaysia 1963 berlandaskan nilai-nilai setiakawan Keluarga Malaysia.

Datuk Speaker, Belanjawan dan agihan peruntukan pembangunan Tahun 2022.

Kemampuan daya belanja bajet pembangunan Sabah buat masa ini hanya dalam sekitar RM1 bilion sahaja. Jumlah ini amat terbatas dan tidak mencukupi kepada keperluan Sabah. Tetapi nilai ini mampu mencecah puluhan bilion ringgit setahun jika mengambil kira tuntutan Sabah dalam Perlembagaan Persekutuan yang merangkumi bayaran cukai import, cukai eksport penggantian royalti dan juga cukai jualan. Peruntukan terbesar ini pasti dapat membantu Sabah melakukan lonjakan perubahan yang ketara dalam konteks pembangunan menyeluruh. Bukan sahaja di kawasan bandar seperti Kota Kinabalu, malahan turut melibatkan kawasan-kawasan luar bandar yang masih ketinggalan.

Saya juga ingin menyentuh perihal agihan bajet pembangunan kerajaan persekutuan. Dalam Belanjawan 2022, Menteri Kewangan Malaysia telah mengumumkan peruntukan pembangunan RM77 bilion bagi tahun 2022, tetapi Sabah cuma menerima peruntukan sebanyak RM5.2 bilion. Satu jumlah yang cukup kecil dan tidak sepadan dengan sumbangan Sabah kepada ekonomi negara. Lebih-lebih lagi sesudah statusnya dikembalikan sebagai salah satu daripada tiga wilayah di Malaysia.

Kadar bajet pembangunan ini merupakan satu isu yang perlu diperhalusi pada masa hadapan. Tetapi ada perkara lain yang lebih penting ditekankan di sini Datuk

Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan Yang Mulia ini. Menurut pemahaman saya, perbelanjaan pembangunan untuk Sabah akan disalurkan menerusi kementerian-kementerian ataupun agensi-agensi persekutuan. Ia bukan disalurkan terus kepada kerajaan negeri yang memberikan Sabah kuasa urus tadbir autonomi dan menentukan keutamaan peruntukan dan mengurus agihan.

Sekiranya perancangan atau jenis pembangunan yang masih lagi ditentukan oleh kerajaan persekutuan, bukankah ini menambah birokrasi dan menimbulkan isu ketidakpadanan di antara kemahuan *federal* dan aspirasi negeri Sabah? Ini juga sekaligus menyumbang kepada percanggahan arah tuju pembangunan di antara kerajaan Sabah dan Persekutuan yang boleh mengakibatkan perancangan dan strategi sasaran ataupun tergendala.

Datuk Speaker, dengan kawalan bajet dan perbelanjaan. Lebih menyukarkan lagi, peruntukan ini lazimnya tidak disalurkan secara pukal. Ia boleh mengakibatkan kelewatan dan pelaksanaan projek oleh sebab wujudnya keperluan birokrasi yang berlapis-lapis. Sebagai contoh, sebahagian daripada peruntukan tersebut terpaksa dipohon semula pada tahun-tahun berikutnya dan proses berulang ini menyumbang kepada kitaran kelewatan yang panjang dan berlanjutan.

Mari kita lihat rekod prestasi pelaksanaan projek pembangunan jalan raya dan jambatan negeri Sabah di bawah Kementerian Kerja Raya Persekutuan. Pada tahun 2020, RM412 juta telah diperuntukkan tetapi hanya RM127.81 juta atau 31% yang dapat digunakan. Sejumlahnya RM153.52 juta diperuntukkan pada tahun 2021, tetapi hanya dapat dibelanjakan sebanyak RM66.22 juta atau 43%. Kecekapan pelaksanaan boleh dipertingkatkan dengan teratur sekiranya kerajaan negeri diberi mandat untuk mengurus secara lebih autonomi.

Dengan mengambil kira status Sabah sebagai sebuah Wilayah berdasarkan kepada pindaan Perlembagaan Persekutuan baru-baru ini, saya berharap agar kerajaan negeri dapat duduk berbincang bersama dengan kerajaan persekutuan bagi memperkenalkan mekanisme agihan pengurusan bajet pembangunan yang lebih munasabah.

Datuk Speaker, menyentuh pembangunan infrastruktur berimpak tinggi.

Usaha pelaksanaan pembangunan infrastruktur berimpak tinggi seperti pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo, Pembangunan Sektor Pertanian dan Pembangunan Sektor Nelayan ini sewajarnya dipuji kerana matlamat yang ingin menyokong pertumbuhan ekonomi Sabah dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Namun demikian apa yang berlaku sekarang seperti projek Pan Borneo Sabah jauh ketinggalan berbanding Projek Pan Borneo Sarawak dari segi pelaksanaan akibat masalah pembayaran. Bahkan kelewatan projek Pan Borneo ini juga telah mengakibatkan bencana alam seperti banjir kilat terutamanya di kawasan laluan sungai seperti Penampang, Tuaran, Kota Belud dan kawasan-kawasan yang terlibat. Sering kali juga kita baca rungutan dan kemarahan rakyat Sabah di media sosial dengan keadaan tapak pembinaan yang tidak teratur, lampu jalan yang tidak hidup serta jalan yang berlubang di sana sini sehingga membahayakan pengguna jalan tersebut.

Datuk Speaker, saya percaya pihak kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan sedang berusaha keras termasuk mencari penyelesaian luar kotak bagi mengatasi masalah pembiayaan projek Pan Borneo dan projek-projek berimpak tinggi yang lain. Saya juga ingin mencadangkan agar lantikan kontraktor yang baru nanti haruslah terdiri daripada syarikat bumiputera yang berdaftar di Negeri Sabah, mempunyai modal mencukupi serta berpengalaman dalam sektor pembinaan pembangunan infrastruktur yang berimpak tinggi bagi mengelak daripada berlakunya isu kelewatan kerja disebabkan oleh kontraktor yang tidak mempunyai pengalaman dalam melaksanakan skop kerja projek.

Datuk Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan Kesejahteraan Rakyat dan Pembasmian Kemiskinan Negeri Sabah.

Bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat, kerajaan perlu terus menyediakan keperluan asas kepada semua penduduk setempat. Agenda kerajaan dalam pelaksanaan pelbagai projek pembangunan infrastruktur dan utiliti haruslah diberikan sokongan sepenuhnya, terutamanya dengan keperluan asas penduduk luar bandar yang masih belum menerima bekalan air bersih, elektrik, jalan raya dan kemudahan teknologi komunikasi.

Akses jalur lebar dan kemudahan internet juga harus melalui proses penaiktarafan dan penambahbaikan. Pada masa kini, kemudahan internet sudah dianggap keperluan asas, bukan lagi sekadar satu kehendak pada masa sekarang. Transaksi pembayaran dan pembelian banyak dilakukan melalui aplikasi-aplikasi internet termasuk merancakkan lagi ekonomi digital. Malah kepentingannya dalam pendidikan juga semakin kritikal apabila pembelajaran secara PDPR mula diperkenalkan sewaktu pandemik Covid-19. Bagaimana nasib anak-anak kita yang ingin belajar tetapi tidak mempunyai kemudahan gajet serta akses internet yang baik?

Justeru, saya menyambut baik usaha kerajaan dalam perancangan untuk memasang kemudahan Internet Teknologi Satelit di 300 lokasi pada tahun ini. Ini jelas menunjukkan kegigihan Kerajaan Sabah yang tidak meminggirkan penduduk di kawasan pedalaman dan menikmati kemudahan komunikasi dan internet.

Dasar kerajaan dalam pembasmian kemiskinan sememangnya topik perbualan rakyat marhaen dan harus diberikan perhatian sewajarnya. Keprihatinan kerajaan dalam memperkenalkan dan meningkatkan program-program untuk mengurangkan kadar kemiskinan tegar di kalangan masyarakat perlu diberikan pujian dan sekaligus mengeluarkan Sabah dari negeri termiskin di Malaysia. Selain itu, saya mencadangkan agar senarai e-Kasih perlu diteliti semula agar lebih telus dan tepat bagi memastikan rakyat yang benar-benar layak menerima tidak tercicir dan mendapat hak bantuan daripada kerajaan.

Saya juga setuju dan menyokong penuh langkah kerajaan dalam mempergiatkan usaha membangunkan sektor ekonomi mega, yang melibatkan industri skala besar dan pelabur-pelabur gergasi dari luar. Usaha ini penting bagi mencipta lanskap industri yang mampu menjana limpahan pertumbuhan ekonomi yang lebih efektif. Namun ...

**21/03/2022 - RAKAMAN 11 [11:40 AM – 11:50 AM] – [CHARITY] – RL – TRESA**

**Tuan Mohd. Arsad Bin Bistari [Tempasuk]:** ... yang lebih efektif. Namun begitu, saya juga ingin mencadang agar kerajaan turut memberi tumpuan khusus kepada gerakan sosio ekonomi yang berteraskan akar umbi. Sebagai contoh, perlu ada

dasar yang signifikan untuk memudahcara aktiviti-aktiviti ekonomi yang dipacu agenda sosial atau *social enterprise* dengan izin.

Perusahaan-perusahaan seumpama ini yang majoritinya menggunakan konsep *contract farming* dengan izin, mampu menjadi agen perubahan secara langsung yang jauh lebih berkesan dalam meningkatkan taraf kehidupan komuniti di peringkat akar umbi. Pendekatan ini boleh diterapkan dalam Program Pembasmian Miskin Tegar Fasa 1 Tahun 2022, yang akan dilancarkan pada April nanti. Usaha ini juga amat menepati aspirasi SMJ yang bertunjangkan pembangunan inklusif dan pengagihan kemakmuran yang saksama kepada semua kelompok masyarakat.

Datuk Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada dalam dewan yang mulia ini, berkenaan perpindahan ibu kota Indonesia daripada Jakarta ke Kalimantan.

Ini jelas menunjukkan potensi sebenar Pulau Borneo ini dari segi laluan perdagangan dunia, pelaburan serantau serta rentasan teknologi inovatif, sekiranya Sabah tidak cukup bersedia berhadapan dengan perubahan dinamik dan perubahan lanskap ekonomi di Borneo akibat kewujudan Nusantara ini. Inilah ketika yang sangat penting dan kritikal, bagi kerajaan Federal memperkasakan Sabah dan Sarawak dengan fokus pembangunan yang lebih tinggi. Sokongan seperti ini pasti akan meningkatkan kemampuan Sabah dan Sarawak untuk bersaing serta mendampingi pembangunan di Kalimantan. Ini seterusnya dapat membawa kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia secara keseluruhan.

Oleh yang demikian, saya yakin kerjasama erat di antara kerajaan Sabah dan kerajaan Persekutuan serta kesediaan untuk pembangunan negara yang lebih seimbang. Sabah pasti akan.. tidak akan ketinggalan lagi.

Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada dalam dewan yang mulia ini.

Mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya ingin menyatakan sokongan saya kepada inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Sabah, dalam mengadakan program-program meningkatkan agenda ekonomi melalui peruntukan belanjawan yang lebih saksama dari pihak Kerajaan Persekutuan, penambahbaikan



perbelanjaan dan kawalan peruntukan bagi memastikan pelaksanaan pembangunan secara berkesan. Namun demikian, penjawat-penjawat awam terutama sekali penjawat-penjawat awam negeri Sabah turut dan perlu memainkan peranan yang penting dalam membantu pihak kerajaan sebagai badan pelaksana kepada dasar yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri untuk memastikan keperluan rakyat dalam negeri ini dapat disasarkan sepenuhnya.

Selain itu, ianya akan memastikan Sabah dapat mencapai pembangunan khususnya pembangunan untuk infrastruktur-infrastruktur pertanian dan perikanan yang memberikan manfaat dan meningkatkan kualiti hidup penduduk Sabah, serta sebagai *platform* penggerak kepada ekonomi negeri.

Oleh itu Datuk Speaker, saya mohon mencadang. Sekian terima kasih.

**Tuan Speaker:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat yang menyokong? Usul?

**Datuk Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar [Kawang]:** Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:** Terima kasih Yang Berhormat Kawang.

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan dewan ini ialah bahawa usul yang berikut hendaklah dipersetujui.

Bahawa kami Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sabah melahirkan rasa terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri atas ucapan Dasar Kerajaan yang telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama pada hari Rabu bersamaan 16 Mac 2022. Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat usul tersebut dibuka untuk dibahas sekarang.

Dengan itu, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Senallang untuk menyampaikan ucapan.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:**

Terima kasih Datuk Yang Dipertua memberi ruang bagi saya untuk membahaskan ucapan..

**Tuan Speaker:** Masa 20 minit ya..

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** 20 minit?

**Tuan Speaker:** Ya.

11:45 pagi

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Ucapan Tuan Yang Terutama, ucapan dasar di dewan yang ketiga ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama dan terima kasih kepada Datuk Speaker, untuk memberi ruang kepada saya walaupun masanya agak pendek 20 minit. Saya melihat bahawa persidangan pada kali ini, saya ingin memberi sedikit pandangan ya.. cadangan. Itu pun cadangan bukannya.. kalau diterima, baik. Telah melihat proses sistem dewan-dewan yang ada bukan hanya di negara kita bahkan juga di peringkat antarabangsa, malahan di Dewan Undangan Negeri Sabah pada hari ini. Memandangkan kita sudah pun mempunyai jumlah yang begitu besar iaitu 79 saya ingat..Dewan Undangan Negeri yang tengah bersidang dan saya mencadangkan seboleh-bolehnya seperti jua apa yang telah dinyatakan oleh Datuk Speaker di peringkat awal tadi, bahawa pada kali ini..kalau masa yang singkat bulan puasa jadi kita kadar semkan *on template* dengan izin supaya persidangan ini kita lanjutkan.

Bayangkan di Dewan Rakyat kita mempunyai 222 Ahli Parlimen yang ada. Terkadang itu, kita bersidang bukan hanya 1 bulan. Kita bersidang 3 bulan daripada bulan 10, bulan 11, bulan 12. Dekat-dekat Krismas pun. Pasal apa? Ini merupakan satu perkara yang penting. Kerana ini adalah merupakan tiang sendi dari segi pemerintahan negara kita iaitu selain daripada Parlimen, selain daripada Monarki dan lain-lain pada eksekutif ia juga *judiciary* dan Dewan ini merupakan salah satu badan yang mulia untuk menggubal undang-undang yang ada, dasar-dasar yang ada untuk dilaksanakan di masa akan datang. Dan jadi saya ingin mencadangkan seboleh-bolehnya kalau dapat, supaya milenial untuk melanjutkan sekurang-kurangnya sebulan kerana saya sedar dan tahu ada beberapa Rang Undang-

Undang, enakmen yang ada di peringkat negeri yang perlunya ditambahbaik banyak isu di peringkat bawah.

Bukan hanya bersoalan harga barangan, soalan pengangguran, soalan dari segi kemudahan infrastruktur. 60 tahun di negeri Sabah ini, apakah cadangan, apakah pendapat, apakah suara, apakah langkah yang perlu pemerintah di peringkat negeri ini untuk memastikan supaya kerangka ini dapat disusun atur dengan baik. Bukan hanya kita tepuk meja, kita keluar dari mesyuarat seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi tu.. kita kena *be very focus, be very reform, realistic. We must get it done. We must convey message to* pimpinan di peringkat Nasional bahawa perkara ini penting. Jadi badan ini merupakan badan yang mulia.

*Datuk Speaker, I am very tempted to call Sandakan town “The Forest City” similar to the is tender Forest City of Johor due to the constant over hanging shrubs growing at the back of many buildings in the town centre. The shrubs appear to have grown naturally. The constant blocked sewerage system and all fueling sewerage at 5 feet way in the town have been a constant nightmares to building occupiers, businesses and general public. The constant brickbats between Local Authority and sewerage maintenance Department added to the burden of building or-nous on occupiers, not to mention the health and hygienic issues surrounding them. The problem remains for months. I’m also amazed at how restaurants remain able to run businesses in that conditions.*

*Water supply in Sandakan has also been a nightmares to many businesses and residents of buildings. In between September 2021 to February 2022 there have been 96 notices of water supply disruptions and that short 6 months due to various reasons. Hence, water supply were disrupted for days. Water Treatment Plants require gen set to operate in the pump water constantly. Serely..surely there should be more than one gen set to ensure uninterrupted supply of water to consumers. The constants water supply disruption problems not only caused adverse impact on the quality of lives of consumers, they also subject each household or business owners to added burden by having to install water tanks (if permitted) and or the purchase treated water.*

*Datuk Speaker, there’s only 1 general hospital in Sandakan and no private hospital except for a maternity ward. Many do not have choices when come to major operations. There are more Government Hospitals in Kota Kinabalu. As for the majority who utilise the hospitals find a serious lack of parking space. Hence, becomes a stressful time for each patients or family members or friends. This issue*

*is not peculiar to Sandakan alone. It is also a big issue in both Hospital QE1 as long as Hospital Wanita dan Kanak-Kanak in Kota Kinabalu. In line with the Government State Government to revamp and to overall, overall public facilities I suggest the State Government should urge the Federal Ministry of Health to provide additional parking facilities in the respective hospital.*

**Timbalan Speaker [Datuk Ahmad Abdul Rahman]:** Yang Berhormat, try to ee gulung you can aa.

**Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]:** Thank you. In line...

**21/03/2022 - RAKAMAN 17 [02:10 PM – 02:20 PM] – [NORHAZIRAH] – SD – MM**

**Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]:** Thank you. In line with the state government and to improve on existing public facilities, I urge state government to erect and provide public restaurant in gen restaurant in general in particular in Sandakan town. In this respect as system should be in place to ensure that these facilities will continue to be made available before interruption whatsoever to the general public, tourist as well as the stall operators at all times. Improvement to public facilities are certainly overdue.

*In general... general in Sandakan general markets, the whole building needs a major overhaul and that an additional lift ought to be installed to cut down on inconveniences to operators as well as patrons.*

*I applaud the government pledge to continue to erect balance of 1,998 units of Low Cost Housing (PKR) (PPR) sorry, within the next 5 years. In addition, the state government should put up more to assist many of our poor. In these days, many newlyweds find difficult to buy a house and to raise a family as such I propose to the state government with vast lands bank should consider to erect apartment for newlyweds to for rent to them for a certain period of not more than 5 years for them to save enough money to buy a house and to raise a family.*

*Datuk Speaker, as fasting month is coming near I also would like to take this opportunity to wish all our Muslims friends Selamat Menunaikan Ibadah Puasa. Thank you, Datuk Speaker.*

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Papat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Api-Api. Silakan.

2:12 petang

**Datuk Liew Chin Jin @ Christina [Api-Api]:** Terima kasih kepada Tuan Speaker memberi peluang saya untuk membahas dalam persidangan hari ini. Pertama sekali, saya menyokong cadangan oleh Yang Berhormat Senallang iaitu panjangkan masa untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat berbahas di Dewan Yang Mulia ini oleh sebab kita jarang bermesyuarat. Masa untuk masalah-masalah masa untuk berbahas yang pendek tidak cukup untuk setiap Ahli-ahli Yang Berhormat membawa soalan atau masalah kepada Dewan Yang Mulia ini. Mereka adalah wakil rakyat daripada kawasan-kawasan dan bagi masa tolong bagi masa sesuai supaya mereka boleh hantar soalan atau masalah ke Dewan Yang Mulia ini. Terima kasih.

Datuk Speaker, izinkan saya membincangkan isu pendatang tanpa izin dan warga asing... asing tambah kerakyatan termasuk anak-anak mereka yang telah lama berlarutan di Sabah. Saya mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan agar kerajaan negeri diberi autonomi sepenuhnya untuk mengendalikan dan menangani isu ini yang menjadi duri dalam daging bagi Sabah selama beberapa dekad sejak tahun 1970-an. *If the federal government is unable to take out the issue and settle the issue after 63 years*, maka hanya dengan cara ini Sabah akan dapat menyelesaikan masalah ini untuk selamanya. Sudah tiba masanya kita membuang duri ini.

Datuk Speaker, Jawatankuasa Khas Pekerja Asing Tanpa Dokumen dan Warganegara Asing yang diketuai oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Dr. Jeffrey Kitingan harus diberi kuasa untuk berurusan secara khusus dengan semua pihak berkepentingan dan bertindak tanpa rasa takut atau pilih kasih dalam mencari penyelesaian kekal termasuk penghantaran pulang pendatang tanpa izin Indonesia dan Filipina. Saya cadang ada perwakilan dalam jawatankuasa khas ini daripada

Jabatan Hal Ehwal Luar Filipina, Konsulat Jeneral Republik Indonesia di Kota Kinabalu dan badan-badan lain yang berkaitan dengan warga asing yang lain.

Selama bertahun-tahun Sabah telah mendesak supaya Pejabat Konsulat Filipina dibuka di Kota Kinabalu tetapi tidak berjaya. Kedua-dua kerajaan Barisan Nasional dan Pakatan Harapan di peringkat persekutuan ketika itu telah berusaha untuk memujuk Filipina supaya menubuhkan sebuah konsulat di Sabah. Memandangkan pejabat konsulat tidak boleh ditubuhkan di Sabah disebabkan atas apa-apa alasan, kami berharap kerajaan Sabah akan meneruskan usaha untuk menubuhkan pusat pemudah cara *passport* Filipina yang dicadangkan di Sabah. Saya difahamkan bahawa perbincangan sedang berjalan antara kedutaan Filipina di Malaysia dan Manila mengenai cadangan itu sejak tahun 2019. Dipercayai terdapat kira-kira sejuta warga Filipina di Sabah yang kebanyakannya tidak mempunyai *passport* atau tidak memperbaharui *passport* kerana terlalu mahal untuk mereka pergi ke Kuala Lumpur bagi tujuan memohon atau memperbaharui dokumen tersebut.

Datuk Speaker, *to be inclusive* saya berpandangan bahawa pembangkang juga harus menganggotai Panel Pekerja Asing Tanpa Dokumen dan Warganegara Asing untuk memberikan *input* dan mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan. Jelas sekali, saya mendapat tahu ramai orang di Sabah tidak menyokong cadangan untuk mengeluarkan kad pengenalan warga asing kepada warga asing yang menetap lama di Sabah termasuk anak-anak mereka. Ramai daripada kanak-kanak imigran ini kini berkeliaran di jalanan mengemis penduduk tempatan, ada mengganggu pengunjung untuk mendapatkan makanan atau wang. Kad khas ini dikhuatiri akan membuka jalan kepada warga asing itu untuk memperoleh taraf kewarganegaraan Malaysia pada masa hadapan.

Datuk Speaker, paling penting semua pihak berkepentingan perlu ada kemahuan politik untuk mematuhi keputusan atau melaksanakan cadangan yang akan dibuat oleh jawatankuasa khas ini. Jelas sekali, Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai pendatang asing tanpa izin di Sabah yang ditubuhkan pada tahun 2012 telah gagal menyelesaikan masalah itu kerana kekurangan kemahuan politik untuk bertindak mengikut banyak cadangan RCI itu. *Due to the lack of political will to act on the numerous recommendations of the RCI* dengan izin.

Datuk Speaker, seterusnya saya ingin menyatakan bahawa saya akan menyokong kerajaan negeri jika ia bercadang untuk menamakan semula jawatankuasa ketua Kerajaan Sabah daripada Ketua Menteri kepada *Premier* seperti yang berlaku di Sarawak. Cadangan pertukaran gelaran daripada Ketua Menteri kepada *Premier* adalah bersesuaian dengan (Pindaan) Perlembagaan Persekutuan baru-baru ini untuk memulihkan *status* Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi sama rata dalam Persekutuan Malaysia di bawah Perjanjian Malaysia 1963, MA-63. Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2021 yang mencadangkan untuk memulihkan Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi sama rata kepada Tanah Melayu dalam Persekutuan Malaysia selaras dengan Perjanjian Malaysia 196...

**21/03/2022 - RAKAMAN 18 [02:20 PM – 02:30 PM] – [ZULFIKREE] – RA – MM**

**Datuk Liew Chin Jin @ Christina [Api-Api]:** ... dengan Perjanjian Malaysia 1963 MA63 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 14 hari bulan Dis, Disember tahun 2021. Penggunaan gelaran *premier* adalah amalan di banyak negara lain termasuk Kanada, China, dan Afrika Selatan serta negeri termasuk *New South Wales* di Australia dan lain-lain negara.

Datuk Speaker, akhir sekali saya menggesa kerajaan negeri untuk berterus terang mengenai 16 projek sakit di Sabah seperti yang di seperti yang di datakan oleh menteri di Jabatan Perdana Menteri Ekonomi, Datuk Seri Mustapa Mohamed baru-baru ini. Menurutnya, Sabah mempunyai bilangan projek sakit tertinggi iaitu 16, antara negeri yang terjejas.

Soalan saya, di mana silapnya? Mengapa projek, projek 16 adalah paling tinggi antara negeri-negeri, Sabah. Menurutnya, Sabah mempunyai bilangan projek sakit terlampau tinggi. Saya mahu ingin tanya *what is the government going to do with this 16 project* sakit? *Are we going to selesaikan masalah ini as soon as we can? Because the people want to see that the project or the funds of the project are to be used ah utilize ah as soon as we can, so that the people will be benefited from this project and not always*, bikin malu saja 16 sakit, projek sakit yang paling tinggi *among all the states*. Apa masalah ini? *What's going on with the government?* Kerajaan mesti terus dan mendedah, mendedahkan semua projek kerana perkara ini adalah kepentingan negeri. Jangan nak rem mega **mereka** masalah ini. Adakah

kerajaan negeri telah mengambil tindakan untuk menangani dan memperbetulkan projek-projek yang tertangguh ini?

*If the government is doing something about it whether it's federal government or state government please be transparent and tell us. Tell the people and so that we can understand what is the problem and that we would try to understand and be patience if there's ah ah delay or of incompletion of project.*

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Yang Berhormat Api-Api ada....

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan / Menteri Kewangan II [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** *Can I just ah just, supaya barangkali agar apa ini sekadar untuk maklumat Yang Berhormat daripada Api-Api, hampir keseluruhan projek ini adalah projek persekutuan. It's a federal projects so the moment I say federal project, I think you know what that that implies lah and it's been brought in the apa itu state action in committee meeting for the relevant federal, federal department and ministries to sought out, just for your information lah ya.*

**Datuk Liew Chin Jin @ Christina [Api-Api]:** *Thank you, Datuk Menteri. I just want to pick out one project, such project that was funded fully supposed to be by the federal government under the health department...*

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Ah, ah Yang Berhormat. Yang Berhormat ....

**Datuk Liew Chin Jin @ Christina [Api-Api]:** *...under the health department...*

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** *I give you 3 more minutes, go on.*

**Datuk Liew Chin Jin @ Christina [Api-Api]:** *Okay, okay. Give me 3 minutes.*

*Under the Ministry of Health, it has to be completed actually by last year but it was not. It's only completed 63% and that project is suppose to be under the preview of*

*the JKR and that is why the question is, can our ah JKR Minister bring this issue to his counterpart in federal level? That's my issue. I know, I understand, a lot of this project are funded, itu lah saya sakit hati. Funds are there and yet its not completed, what is wrong? This is itu lah saya mahu tanya. Funds are from federal, yes. But how come it's not the completed. Are we doing anything proactive to make sure that the project are going on and that it will complete even if it's not on time at least within a certain short time and not delay for 2 3 years and become a white elephant at the end of it. Siapa yang susah, rakyat yang susah begini. Thank you very much ah Datuk Menteri.*

*Itu lah. I thank you for your bringing up. I know that this a federal funded project tetapi saya mahu tahu juga kerajaan negeri telah mengambil tindakan untuk menangani ini dan mempepet, memperbetulkan projek-projek yang tertangguh ini. Because it's funded by federal doesn't mean that the state government has no right to follow up. I think the state government also or the relevant department should follow up with them lah. This is what I mean. Rakyat ingin tahu apakah langkah-langkah...*

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Yang Berhormat...

**Datuk Liew Chin Jin @ Christina [Api-Api]:** ... sampaikan yang telah diambil untuk mempercepatkan pelaksanaan...

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Yang Berhormat (pelapor tidak nyatakan siapa yang bercakap)

**Pembantu Menteri Kerja Raya [Datuk Limus bin Jury]:** Api-Api...(pelapor tidak menyatakan siapa yang bercakap ketika ini)

**Datuk Liew Chin Jin @ Christina [Api-Api]:** ...dan menyiapkan projek-projek ini, dengan ini saya mohon menyokong Ucapan Dasar Kerajaan oleh Yang di-Pertua Negeri Sabah. Sekian, dan terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Ah, ah yang, Yang Berhormat saya ingat dia sudah habis.



**Pembantu Menteri Kerja Raya [Datuk Limus bin Jury]:** Tuan Speaker, Api-Api *this* Api-Api juga **MP** di Tawau dan projek ini, projek *federal* dan di *supervision* dia pun daripada Kementerian Kerajaan Malaysia dan bolehkah Yang Berhormat Api-Api *highlight* perkara ini di Parlimen? Terima kasih.

**Datuk Liew Chin Jin @ Christina [Api-Api]:** *Okay, this has been highlighted in both lisan and writing and jawat ah jawapan dari Minister of Health ah Datuk Seri I think Khairy, he answered and he stated and confirmed the delay and he came to Tawau last year to inspect the incompleteness of the Tawau hospital and still we have to follow up. I did twice, I mentioned in the Parliament and once in writing and he reply and so this ah the kind of thing but of course I am not in government I can only follow up. The government is the one that has to follow up more effectively, isn't? Thank you, YB.*

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** *Thank you, YB Api-Api.*

**Pembantu Menteri Kerja Raya [Datuk Limus bin Jury]:** *Because, because the...*

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Ah, ah Yang Berhormat, *I think I have to step* akan berhentikan di sini nanti kita tak habis kita punya perbahasan. Nanti penggulungan boleh bawa nanti, ya. Terima kasih, Yang Berhormat.

Ah saya sekarang menjemput ADUN Dilantik ah, YB Dr. Aliakbar bin Gulasan, silakan.

2:27 petang

**Dr. Aliakbar bin Gulasan [ADUN Dilantik]:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, ah terima kasih kepada Datuk Speaker. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah atas ucapan perasmian yang disampaikan pada 16 Mac yang lepas.

Ah beberapa perkara yang berkaitan ya, yang akan saya timbulkan di sini, yang pertama, sepertimana isu yang baru saja kita hadapi sehari dua ni berkaitan dengan

rumah atas air. Saya melihat em, isu ini isu yang lama ada tiga perkara penting yang berkaitan dengan isu perumahan ini, yang pertama isu penyusunan rumah atas air, yang kedua berkaitan dengan *squatters colony* dengan izin ataupun setinggan dan juga pendatang asing tanpa izin. Saya beranggapan kerajaan negeri perlu ada satu rangka pelan tindakan yang komprehensif.

Saya masih ingat ketika mana kita pergi ke Landung Ayang dalam kerja operasi selepas seminggu daripada itu berlaku kebakaran dan saya turun semula dalam operasi menyampaikan sumbangan, di antara yang kita *interview* masa itu, terdapat kalangan orang lama yang sudah 64 tahun membina rumah di atas kampung air dan tidak disusun atur dengan baik oleh kerajaan selepas daripada itu. Jadi saya kira perkara ini perlu diambil perhatian oleh kerajaan dan saya ingat satu masa dulu saya pernah soal dalam sesi Dewan Undangan Negeri yang lepas, kerajaan pernah satu masa meletakkan suatu sasaran setinggan sifar menjelang 2015 tetapi pelan apa ini *zero squatters policy* itu tidak tercapai dan kita tidak mempunyai satu *policy* yang jelas selepas daripada itu.

Saya kira di antara perkara yang penting untuk menjadikan Sabah ini sebagai sebuah kawasan yang tersusun sama ada bandar ataupun luar bandar, fenomena rumah tanpa penyusunan atur yang baik ini perlu ditangani segera dan sebahagian daripada tempat kawasan-kawasan perumahan ini, kita melihat orang tempatan sudah menjadi seolah-olah golongan meno...

**21/03/2022 - RAKAMAN 19 [02:30 AM – 02:40 AM] – [SITI JUBAIDAH] – NN – NELL**

**Dr. Aliakbar bin Gulasan [ADUN Dilantik]:**...seolah-olah golongan minoriti dan dikuasai oleh pendatang asing tanpa izin. Saya juga pernah timbulkan di sini, tidak jauh daripada kita misalnya di Kg. Numbak bersebelahan dengan 1 Borneo, ADUN Karambunai lebih maklum keadaan itu. Bila kita pergi ziarah orang tempatan sudah menjadi golongan minoriti dan terpinggir dan dikuasai oleh golongan-golongan pendatang tanpa izin. Perkara sudah terlalu lama dan saya ingat kerajaan perlu mengambil tindakan segera dan juga ada satu polisi yang lebih komprehensif. Itu yang pertama.

Yang kedua Datuk Speaker, saya juga ingin mengambil maklum mengenai kemudahan asas yang banyak sudah ditimbulkan. Di antara perkara yang cukup penting dia berkaitan dengan kakitangan kerajaan. Bila saya melihat kepada satu laman *Facebook*, JKR misalnya yang dia meletakkan suatu bukan amaran dia tutup ruangan komen, Jabatan Air juga perkara yang sama. Saya kira dalam konteks menangani isu-isu semasa, jabatan kerajaan tidak sepatutnya bertindak seumpama ini. Sebab daripada *Facebook* media sosial inilah menjadi di antara tempat luahan ataupun tempat laporan kepada perkara-perkara yang berlaku dalam masyarakat. Maka saya kira, laman *Facebook* khususnya perlu diguna pakai.

Saya mengambil contoh misalnya di peringkat *federal Facebook* Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), menterinya cukup proaktif. Daripada ruangan komen aduan-aduan, menteri turun sendiri ke kawasan-kawasan yang diadukan di ruangan komen itu. Jadi saya kira itu perkara yang cukup penting. Kita minta kerajaan khususnya laman-laman agensi-agensi kerajaan ini diperkasakan dan diperbaiki dan janganlah menjadikan apa ni media sosial sebagai bahan untuk menutup ruang bicara interaktif di antara masyarakat dengan kerajaan.

Yang seterusnya, apa ni Datuk Speaker, saya ingin juga mengangkat isu yang berkaitan dengan judi. Saya melihat dan saya yakin sebahagian daripada wakil rakyat juga mungkin perasan, di bahagian-bahagian perbandaran khususnya ada kedai-kedai yang dibuka yang saya difahamkan di situ diadakan pembelian ataupun jual beli judi *online*. Kedai-kedai ini dia tidak bernama.

Saya mohon kepada PBT khususnya dan juga kementerian dan Jabatan Ketua Menteri Hal Ehwal Agama untuk melihat perkara ini dengan lebih serius termasuklah juga yang kita melihat semakin serius juga pertumbuhan kedai-kedai judi di pasar-pasar raya. Saya cuba melihat yang disebut sebagai *claw machine*. Ini latihan-latihan yang sangat tidak sihat untuk anak-anak kita budak-budak kecil dan juga masyarakat Sabah khususnya. Kita kena mengambil cakna dan juga apa ni mengambil peduli. Jadi saya minta kerajaan melihat dengan sesungguhnya kedai-kedai judi ini ataupun ruangan-ruangan judi ini seboleh-bolehnya kita tutuplah daripada melatih dan membiasakan masyarakat.

Datuk Speaker, tidak lama lagi kita akan masuk bulan Ramadhan. Bulan Ramadhan datang ayat Allah Taala *kutiba 'alaikumush-ṣiyām* diwajibkan pada kamu berpuasa. Dan saya tidak yakin tidak pasti sama ada SOP kita tahun ini membenarkan ataupun tidak bazar Ramadhan. Tapi saya jangka mungkin dibenarkan. Saya melihat keadaan sebelum daripada ini di bazar-bazar Ramadhan, di antara perkara yang perlu ditambah baik. Sebab bazar Ramadhan ini kadang-kadang yang balik daripada tempat kerja sampai waktu maghrib terutama yang bekerja menjual di bazar Ramadhan, mereka tidak punya kemudahan-kemudahan tempat beribadah.

Saya sarankan kepada pihak berkuasa, kalau boleh sediakan surau-surau sementara khususnya pada yang tersekat ataupun pada peniaga di kawasan-kawasan bazar Ramadan. Jadi memudahkan mereka tidak perlu berkejar mencari surau dan sebagainya boleh mereka menguruskan perniagaan mereka dalam masa yang sama mereka tidak meninggalkan ibadah mereka yang diwajibkan ke atas mereka selain daripada berpuasa juga untuk bersembahyang 5 waktu sehari semalam.

Datuk Speaker, di antara perkara juga yang saya melihat kita untuk mencapai suatu pemikiran masyarakat yang bersih ataupun negeri yang bersih dalam konteks negeri Sabah. Saya untuk mendapatkan *confirmation* daripada Kementerian Kerajaan Tempatan, saya rasalah pada pandangan saya kita tidak ada lagi satu *pilot project* untuk memberi kesedaran yang baik kepada masyarakat untuk membuang sampah yang berdasarkan kepada konsep *recycle* ataupun mengasingkan sampah. Saya beranggapan sudah sampai masanya kita melatih masyarakat kita khususnya di taman-taman perumahan ataupun di mana-mana kampung kalau boleh diwujudkan ruang ataupun *pilot project* peringkat awal ini supaya masyarakat kita sudah mula memikirkan soal kebersihan dan juga mengasingkan sampah sarap secara teratur dan sistematik.

Datuk Speaker, yang terakhir saya akan ucap sampaikan pada petang ini, mungkin ini berkaitan dengan kebajikan pekerja-pekerja Muslim khususnya di kedai-kedai serbaneka. Saya tidak membacakan hadis yang panjang tetapi kita semua maklum khususnya masyarakat Muslim bila kita bekerja orang Islam bekerja di kedai-kedai yang tertentu yang berkaitan dengan arak, maka di situ ada tanggungjawab terutamanya tidak boleh terlibat secara langsung sama ada dengan menyusun,

menjual, mengira di kaunter. Saya memohon kepada kerajaan khususnya yang berkaitan dengan agama. Soalan saya, adakah kerajaan mengambil maklum keadaan seumpama ini dan apakah rangka pelan tindakan dan juga program yang disusun untuk memberi kesedaran. Kita bukan menghalang mereka daripada bekerja tetapi apa kesedaran yang perlu kita bagi terhadap majikan dan juga terhadap pekerja yang terlibat dalam sektor yang dimaksudkan itu.

Datuk Speaker, saya kira itu di antara perkara-perkara yang saya ingin bangkitkan pada petang ini. Akhirnya, saya ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadhan yang lebih kurang dalam tempoh 2 minggu lagi. Datanglah dan kunjungilah masuklah dalam bulan Ramadhan ini dengan ilmu, belajarlah ilmu puasa khususnya. Mudah-mudahan kita termasuk dalam ayat yang Allah Taala sebut *Laallakum Tattakun* dalam kalangan mereka yang bertakwa kepada Allah S.W.T.. Akhirnya saya menyokong penuh Ucapan Dasar Kerajaan yang sudah disampaikan pada 16 Mac yang lepas. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Yang Berhormat Elopura.

2:38 petang

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Datuk Speaker. Salam sejahtera kepada Datuk Speaker, YB-YB yang berada dalam Dewan Yang Mulia ini. Saya doa semoga semua yang sihat. Sebelum saya memulakan ucapan saya pada hari ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Datuk Speaker kerana telah memberikan saya peluang dalam Dewan Yang Mulia ini.

Soalan bahas untuk Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Di sini saya ingin membahas mengenai geran perumahan flat di kawasan Elopura. Seperti yang sedia maklum bahawa kawasan Elopura mempunyai sebanyak 17 perumahan flat yang kesemuanya masih tidak dapat geran-geran dalam hari ini. Lebih 30 tahun pun ada. Sampai ini saya rasanya cukup masa yang dapat geran yang untuk yang flat-flat yang di dalam Elopura ini. Jadi saya harap menteri dapat secepat mungkin

keluarkan geran untuk flat yang di kawasan Elopura ini. Soalan yang kedua, bilang harap dapat bahaskan untuk kerja di flat tempatan ini. Kalau bilang dapat geran...

**21/03/2022 - RAKAMAN 20 [02:40 AM – 02:50 AM] – [GRACIA] – TJ – TRESA**

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** ... bilang dapat geran di dalam flat ini, apakah langkah-langkah untuk kementerian agar PPR Harmoni yang tidak diabaikan kerana jika melihat kawasan tersebut masih lagi tidak menjaga dan tidak atur. Sampah sarap atau yang paip-paip yang bocor. Saya harap menteri dapat menjagakan PPR di Taman Harmoni tempatkan sampah sarap atau yang tempatkan sekuriti di tempat yang PPR yang Taman Harmoni ini.

Jadi saya, kawalan keselamatan di kawasan tersebut juga tidak terjaga dan sering berlaku kes kecurian dan pecah masuk rumah dan kereta diakibatkan keluar masuk orang yang tidak dikenali tidak kawal dengan baik. Saya harap agar kawasan ini dapat kalau boleh dapatkan satu pihak pengurusan *management* yang baik agar kawasan PPR Taman Harmoni menjaga lebih teratur dan cantik demi keselamatan dan kesejahteraan warga di Taman Harmoni ini.

Soalan ke-3, Kementerian Kerja Raya. Di sini saya ingin membahaskan mengenai tekanan air yang semakin kurang dan rendah. Apakah menyebabkan dan punca utama hal sedemikian sering berlaku? Kerana ia membuat rakyat sengsara dengan keadaan tekanan air yang tersebut tadi. Apakah cara yang perlu dilakukan untuk mengelak hal seperti ini untuk meneruskan di dalam masa yang panjang? Hal ini kerana amat mengganggu aktiviti harian orang ramai lebih-lebih jika mereka yang tinggal di kawasan yang tinggi atau flat yang tinggi mereka kurangkan tekanan sampai rumah yang atas itu. Seperti restoran, tempat cuci kereta kerana kurangkan tekanan air atau kurangkan air untuk *business*. Mereka pun dapat mereka pun tidak dapat *business* yang lancar atau *business* yang teruskan. Saya harap pihak kementerian yang berjawab boleh dengan segera menangani masalah tersebut demi selesa dan selesai masalah-masalah yang tersebut.

Soalan yang ke-4 bahas untuk Ketua Menteri. Di sini saya ingin membahaskan mengenai pendatang tanpa izin. Pendatang asing tanpa izin di dalam negara Negeri Sabah. Sejak 40 tahun yang lalu, masalah ini pun berada di sini. Saya harap ini

akan mendapatkan satu cara atau satu langkah yang selesaikan pendatang asing tanpa izin ini. Oleh yang demikian, pelaksanaan Pas Sementara atau status atau identiti untuk yang... yang PTI ini. Kebaikan-kebaikan yang banyak saya yang sebutkan di sini yang berada seperti cop jari, rekod jumlah keseluruhan golongan untuk memudahkan banci, kos tenaga buruh atau yang ekonomi menaikkan ekonomi tempatan atau kita akan kurangkan kos yang menggunakan pendatang tanpa izin ini. Jadi saya rasanya lebih 10 kebaikan untuk orang Sabah kalau kita yang kasih status atau yang selesaikan masalah ini.

Yang memang ini bukan satu keluar IC, saya sebut saya ulang bukan keluar IC yang *at least* kasih dia status atau yang kasih dia identiti untuk jumlah keseluruhan berapa orang ada di dalam Negeri Sabah. Jika pas ini diluluskan, pertanian pertanian *construction* atau yang perikanan pun dapat hasil pun dapat lebih pekerja yang dalam bidang-bidang yang tersebut. Memang saya bilang pertahanan *borderline* mesti mahu kuat dan *borderline* mesti mahu katakan jika kita lancarkan ini pas dalam 40 tahun yang masalah-masalah ini. Selain itu, pihak yang berwajib juga harus untuk mencari tahu apakah punca dan menyebabkan berlakunya menambahkan PATI ke dalam Sabah yang mencari jalan menyelesaikan untuk masalah-masalah terkena seperti contohnya...

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Ya, terima kasih Speaker. Dalam... dalam Sabah ini dan soalan kedua untuk Ketua Menteri, di sini saya apakah cara yang perlu diambil kira agar pekerja di ladang-ladang kecil tidak berkurangan dan sesuai untuk kelulusan... keluasan ladang yang dapat menilaikan buah tempat pada masa yang tidak membiarkan buah menjadi terbiar buruk atau membazir sekiranya biar begitu sahaja. Ladang kelapa sawit adalah mengeluarkan 100 ekar yang bawah jadi kurangkan pekerja kalau tidak dapat dia *renew* atau menyambungkan pekerja-pekerja yang lebih 10 tahun. Saya harap menteri dapat selesaikan masalah-masalah untuk kebun yang 100 yang ekar yang bawah atau yang pekerja-pekerja untuk *construction* atau pekerja untuk perikanan di kawasan Sandakan atau kawasan *East Coast*.

Dan soalan ketiga untuk Ketua Menteri. Saya ingin membahaskan mengenai pembinaan keretapi berkelajuan tinggi di Sabah sediakan KTM untuk rakyat Sabah sebab banyak faedah yang akan memberi impak yang besar terhadap Malaysia khususnya di Sabah. Tujuan utamakan adalah untuk memudahkan urusan berniaga sebagai menghantar barang atau luar negara dan *import* untuk Sabah. Jadi ini adalah satu cara atau satu projek yang baru selepas Pan Borneo. Kita mesti mahu *focus* keretapi yang satu cara yang bagus *link* sekali dengan Kuching untuk masuk ke Sandakan atau dari luar negara seperti Ibu Negara Indonesia yang baru iaitu Kalimantan. Hal ini semestinya akan membuka peluang ekonomi yang besar untuk Sabah, Sarawak dan Indonesia.

Mampu untuk menaikkan lagi perhatian orang luar untuk berniaga kemudahan Sabah mampu untuk menaiktaraf perniagaan di mata dunia yang Sabah, Sarawak dan Indonesia mampu untuk membangunkan lagi industrinya. Jadi saya di sini saya banyak terima kasih seluruhan dalam Dewan Yang Mulia ini, YB-YB, saya harap kita mesti mahu selalu jaga yang Borneo, yang jaga Sabah yang kawasan *East Coast*. Jadi di sini saya memang terima kasih seluruh YB-YB dapat 2 minggu yang lepas kita ada kes hilang taufan untuk kampung saya dan baru-baru pun ada kes di kawasan Tawau, saya harap kebajikan atau kerajaan memang dapat tolong rakyat di *East Coast* ini. Jadi saya terima kasih Tuan Speaker kasih saya peluang kasih saya masa dalam bahas. Terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Terima kasih Yang Berhormat. Menjemput Yang Berhormat dari Nabawan.

2:49 petang

**Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]:** Terima kasih Datuk Speaker, kerana memberi peluang saya untuk mengambil bahagian untuk membahaskan ucapan dasar kerajaan dan saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas ucapan dasar kerajaan oleh yang oleh Tuan Yang Terutama Negeri Sabah. Saya ada beberapa perkara yang saya akan tekankan yang pasti ia dekat dengan isi hati dan luahan rakyat di negeri ini. Terus kepada inti utama mengenai sektor pertanian. Memetik ucapan dasar kerajaan tempoh hari saya menyokong dasar kerajaan untuk terus memberikan tumpuan kepada program pembangunan komoditi tanaman. Ia adalah usaha yang boleh..



**Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]:** ...perubahan rakyat di negeri ini, terus kepada inti utama mengenai sektor pertanian. Memetik Ucapan Dasar Kerajaan tempoh hari, saya menyoso... menyokong Dasar Kerajaan untuk terus memberikan tumpuan kepada “Program Pembangunan Komoditi Tanaman”. Ia adalah usaha yang boleh dibanggakan bersama selari dengan hala tuju “Sabah Maju Jaya”. Ini kerana Agensi-agensi Kerajaan adalah tonggak utama dalam melaksanakan dasar-dasar ini seperti SLDB, kami sudahpun memulakan penanaman skala kecil dan sederhana. Tanaman kontan seperti nanas, MD2 kelapa dan halia yang kami sifatkan sebagai aktiviti ekonomi tambahan (AET).

Selain itu, kami juga telah melaksanakan projek bersepadu pembangunan ekonomi kampung atau PROSPEK. Persoalannya, adakah kerajaan bersedia atau bercadang untuk meneliti, untuk memberi suntikan yang membolehkan program sedemikian boleh diperbesarkan dengan skala yang menjurus kepada meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar sekaligus membantu dalam isu pembasmian kemiskinan.

Apa yang menjadi keutamaan adalah dalam sektor perta, pertanian ataupun industri berasaskan makanan. Adakah meka mekanisme baharu daripada kerajaan negeri dalam memastikan pertanian moden dapat diadaptasikan sesuai dengan tenaga kerja serta kemahiran yang kita ada? Kerana kita ingin bergerak seiring dengan negeri-negeri lain untuk memastikan hasil pertanian yang berkualiti dan koken kuantiti yang maksima dapat dikeluarkan.

Oleh itu, adalah menjadi harapan saya adalah agar Agensi-agensi Kerajaan mahupun syarikat-syarikat di bawah Kerajaan Negeri Sabah diberi peluang dan suntikan yang sewajarnya khusus dalam memastikan sektor pertanian maju seiring dengan era kini.

Datuk Speaker, walaupun demikian saya percaya negeri tidak tergantung sepenuhnya kepada sektor pertanian semata-mata kerana sektor lain juga adalah penyumbang utama dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri ini. Selanjutnya adalah menjadi tanggungjawab saya untuk mengu.. mengupasi

mengenai isu-isu pembangunan, pen...penaik tarafan mahupun penyeliaan infrastruktur awam di seluruh kawasan khususnya di kawasan luar bandar dan pendalaman di negeri ini. Selari dengan Pelan Haja Tuju "Sabah Maju Jaya" 1.0.

Pada hemat saya, adalah wajar sekiranya kita memberikan tumpuan yang lebih kepada membangun infrastruktur awam seiring dengan mempergiatkan daya usaha dalam memastikan usaha pertumbuhan ekonomi terus bergerak. Contohnya jalan-jalan kampung, jalan-jalan pertanian dan Lebu Raya Pan Borneo perlu diberi tumpuan untuk terus dibangunkan dengan lebih konsisten kerana ianya sebagai perintis kepada pembangunan infrastruktur lain. Maksudnya infrastruktur berimpak tinggi memberi respon positif kepada aktiviti-aktiviti ekonomi di negeri ini.

Saya faham, perkara ini seringkali dibangkitkan oleh para sahabat Ahli Dewan Yang Mulia ini. Namun demikian kita perlu sepakat, sebulat suara mencari solusi dan menumpukan usaha supaya konsisten, konsis...konsistensi dalam pelaksanaan menggalakkan daripada pembangunan yang tertangguh dan dalam kesempatan ini juga mengambil contoh di kawasan saya di Nabawan sendiri. Jalan-jalan kampung dan jalan-jalan pertanian amat lah daif kerana masih banyak yang belum dinaik taraf walaupun sudah disuarakan. Walhal, penduduk di sana mempunyai hasil pertanian yang berpotensi untuk dipasarkan seperti komoditi sawit dan getah, sayur-sayuran, hasil ternakan dan sebagainya.

Selain itu, kedaifan jalan-jalan kampung ini menyebabkan aktiviti sosial seperti sesi persekolahan anak-anak juga turut terganggu apabila musim tengkujuh. Jelasnya di sini bahawa infrastruktur adalah pemangkin kepada kestabilan aktiviti ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Oleh itu, saya berharap perkara ini dapat dipertimbangkan sewajarnya demi kesejahteraan bersama.

Saya juga ingin bertanya, apakah errr.. apakah errr niat ataupun perkembangan kerajaan negeri melalui Kementerian Kerja Raya untuk mengambil alih jalan-jalan bekas balak ini, khususnya di kawasan ataupun di Daerah Nabawan ini?

Datuk Speaker, saya ingin mengucapkan syabas juga kepada kerajaan negeri kerana dengan usaha kerajaan negeri urusan pentadbiran berkaitan tanah di negeri ini akan lebih mudah dan pantas dengan wujudnya sistem berkomputer

pembangunan tanah dan *Technology Global Navigational Satellite System* yang telah mula digunakan. Namun menjadi persoalan saya, apakah kerajaan negeri telah meneliti secara holistik isu-isu tanah penduduk bumi err bumiputera di negeri ini untuk diberi geran kerana masih ramai penduduk bumiputera yang belum memiliki geran tanah.

Selain itu, apakah wajar sekiranya Agensi-agensi Kerajaan diberi kuasa terhadap penguasaan tanah khususnya agensi-agensi yang mengusahakan sektor pertanian, penternakan mahupun pemeliharaan dan pemuliharaan di negeri ini. Urusan-urusan penyelesaian seperti pemilikan tanah, tukar syarat tanah, pecah bagi tanah dan urusan lain berkaitan dengannya yang lebih mudah dilaksanakan melalui dengan teknologi moden.

Pada hemat saya, respon terhadap hal-hal ini akan lebih cepat dan mudah. Harapan saya keutamaan perlu diberi perhatian kepada kawasan luar bandar ataupun kawasan pendalaman supaya isu-isu tanah dapat diselesaikan sesegeranya kerana urusan seperti aktiviti pertanian dan apa-apa pembinaan dan perancangan kerajaan akan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur oleh agensi-agensi pelaksana kerajaan sendiri.

Tuan Speaker, mengambil peluang kali ini suka juga saya menyentuh sedikit mengenai Ucapan Dasar Kerajaan tempoh hari. Perkara ini penting kerana ia adalah keutamaan sebagai Wakil Rakyat di kawasan saya sendiri berkenaan dengan pembangunan bandar sempadan yang telah dikenal pasti seperti di Tawau dan juga sekitarnya. Saya berharap kawasan Pegalungan di Nabawan ini juga dikaji dengan lebih teliti kerana kawasan laluan, laluan iaitu sempadan antara Malaysia dan Kalimantan, Indonesia juga terletak di sana. Adalah menjadi harapan saya supaya pihak kerajaan dapat mempertimbangkan dengan sewajarnya untuk menyegerakan pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan keselamatan (ICQS) agar ianya akan jadi perintis kepada pembangunan infrastruktur lain. Selain, sebagai persediaan terhadap perpindahan Ibu Kota Indonesia ke Kalimantan supaya ekosistem, aktiviti sosial mahupun ekonomi dapat dikawal dengan lebih terjamin.

Mengakhiri ucapan, rumusan daripada ini inti ucapan ialah mengenai keutamaan terhadap pertumbuhan ekonomi yang mana sektor pertanian perlu diberi perhatian sewajarnya demi memastikan konsistensi pertumbuhan ekonomi terus maju ke hadapan.

Selain itu, saya telah menekankan pembangunan infrastruktur lebuhraya dan jalan-jalan kampung perlu diberi perhatian dari segi pelaksanaan yang konsisten dan berterusan. Di samping itu juga, saya telah menyentuh sedikit mengenai isu mempercepatkan pengeluaran geran tanah penduduk bumiputera di negeri ini. Selain memberi peluang dan pertimbangan kepada Agensi-agensi Kerajaan yang berperanan dalam bidang pertanian untuk mengusahakan tanah-tanah kerajaan yang ada dan sesuai.

Mengakhiri ucapan saya, saya titipkan pantun untuk semua.

*Sungguh harum daun pandan,  
Buah kurma dari Mekah,  
Marhaban Ya Ramadan,  
Bulan suci penuh berkah.*

Selamat menyambut kedatangan bulan Ramadan dan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua umat Islam.

Sekian. Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat dari Usukan. Silakan.

2:59 petang

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh Tun Said [Usukan]:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ucapan Dasar Kerajaan oleh Tuan Yang Terutama banyak menyentuh secara terperinci pelbagai aspek pembangunan dasar, tindakan dan pelan Kerajaan Negeri Sabah yang diholistik di bawah Pelan Pembangunan “Sabah Maju Jaya”. Dunia kini, sekarang berdepan dengan konflik perang di antara Rusia dan Ukraine yang bakal membawa krisis baru kepada

ekonomi dunia. Walaupun kita di Sabah, kita pasti akan merasakan kesan konflik ini. Susulan sekatan kewangan dan tekanan diplomatik yang dikenakan ke semua pihak terlibat. Pertumbuhan ekonomi dan pasaran eksport dan import kita pasti terjejas...

**21/03/2022 - RAKAMAN 22 [03:00 PM – 03:10 PM] – [SITI HIJANAH] – SD – NELL**

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh Tun Said [Usukan]:**....dan import kita pasti terjejas juga.

Sehubungan dengan itu, kita perlu memastikan Sabah dapat bersedia sebaiknya mengharungi masa depan yang mencabar ini. Izinkan saya menyentuh perkara yang wajar diberi perhatian iaitu pengukuhan modal insan Sabah.

Seperti yang saya katakan sebelum ini, Pelan Ekonomi SMJ merupakan langkah yang tepat untuk menyemarakkan semula ekonomi Sabah. Kita perlu mendapatkan jenis pelaburan domestik atau asing yang berimpak tinggi. Kita juga perlu menjadikan Sabah mesra perniagaan atau *business friendly* semestinya kita kena mengurangkan birokrasi memudahkan pengurusan untuk para pelabur.

Tambahan daripada itu, pada hari ini sudah tiba masanya kita juga mengutamakan pengukuhan modal insan atau *human capital*. Perkara ini penting kerana kelancaran aspek pelaksanaan Pelan SMJ akan bergantung juga dengan tahap kesediaan dan kebolehan tenaga pekerja kita. Dalam bidang ekonomi, modal insan merujuk kepada kelompok orang yang bekerja untuk atau memenuhi syarat bekerja untuk sebuah organisasi apa yang dinamakan tenaga kerja.

Namun konsep modal insan itu lebih daripada sekadar tenaga kerja secara fizikal. Ianya terdiri daripada pengetahuan, kemahiran dan kesihatan yang dilaburkan oleh tenaga pekerja kita dalam merealisasikan potensi sebagai ahli masyarakat yang produktif. Oleh itu, bila kita berbincang mengenai pengukuhan modal insan, kita perlu memikirkan aspek kesihatan kita seperti diet dan pemakanan, penjagaan kesihatan dan aspek pendidikan dan penyediaan pendidikan berkualiti, penyediaan peluang pekerjaan dan peningkatan kemahiran yang berterusan.

Menurut teori modal insan, pelaburan yang mencukupi pada manusia akan menghasilkan pertumbuhan ekonomi. Teori ini berasal dari ‘Bapa Pengasas Ekonomi’ Adam Smith yang menerangkan sebagai “kemampuan yang diperolehi dan berguna bagi semua penduduk atau anggota masyarakat”. Seperti yang dinyatakan dalam laporan *World Development Report 2009, The Changing Nature of Work*, jurang di antara kemahiran bergerak dengan pantas membawa peluang dan risiko, terdapat bukti sahih bahawa kegagalan mengukuhkan modal insan akan menyebabkan negara tidak dapat mencapai pertumbuhan ekonomi inklusif yang mampan.

Ini kerana tenaga pekerja sedia ada tidak akan bersedia untuk pekerjaan yang lebih berkemahiran tinggi pada masa hadapan. Akhirnya masyarakat kita tidak dapat bersaing secara berkesan dalam konteks ekonomi global. Yang Berhormat Menteri Kewangan II juga kelmarin eh tadi pagi telah menyentuh perkara ini. Penting bagi kita untuk menyediakan anak-anak Sabah yang berkemahiran terlatih dalam bidang-bidang yang tertentu.

Selain ekonomi, pembangunan modal insan yang berkesan akan juga menjadi kunci untuk menamatkan kadar kemiskinan tegar dan juga mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif. Dalam konteks Sabah, kita wajar memberikan perhatian kepada elemen utama pembangunan modal insan kita iaitu pendidikan dan kesihatan.

Dari segi pendidikan, kita perlu memberi keutamaan untuk mendidik tenaga pekerja kita dan juga generasi masa depan mengenai jenis pekerjaan yang baru yang akan datang. Menurut *Job Street Malaysia*, jenis pekerjaan yang mempunyai permintaan tinggi pada 2022 adalah seperti berikut:

- 1) *Information Technology dan Software Development*
- 2) *Digital Marketing*
- 3) *Finance*
- 4) *Project Managers*
- 5) *Business and Sales Executive*
- 6) *Medical Professional*
- 7) *Educators*
- 8) *Customer Service Executive*

Oleh sebab itu, kita perlu ambil pendekatan menyeluruh dan tumpukan perhatian kepada jenis pendidikan yang meningkatkan kemahiran masyarakat kita, menguasai jenis pekerjaan dan juga teknologi baru yang lebih bersifat digital, automasi dan mengganggu atau *destructive*.

Menurut pertumbuhan buruh antarabangsa hampir 300 juta pekerjaan berisiko akibat pandemik Corona Virus daripada mereka yang hilang hampir 40% tidak akan kembali. Menurut penyelidikan oleh *University Chicago*, mereka akan digantikan dengan automasi untuk menyelesaikan kerja dan lebih selamat dan cekap. Terutamanya berisiko adalah pekerjaan yang dipanggil barisan hadapan, perkhidmatan pelanggan, juruwang, pembantu runcit dan pengangkutan awam sebagai beberapa contoh.

Pada masa yang sama, Forum Ekonomi Dunia dalam Laporan Masa Depan Pekerjaan 2020 mendapati bahawa 94% syarikat di UK akan mempercepatkan pendigitalan operasi mereka akibat wabak pandemik dan 91% mengatakan mereka akan menyediakan lebih banyak fleksibiliti di sekitar rumah atau kerja jauh.

Peranan kerajaan adalah kunci untuk mengembangkan kemahiran dan tahap pendidikan masyarakat. Sesetengah kerajaan terlibat secara aktif dalam meningkatkan modal insan dengan menawarkan pendidikan tinggi kepada rakyat tanpa sebarang kos. Kerajaan-kerajaan ini menyedari bahawa pengetahuan yang diperolehi rakyat melalui pendidikan membantu membangunkan ekonomi dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Pekerja yang mempunyai lebih pendidikan atau kemahiran yang lebih baik cenderung untuk memperolehi pendapatan yang lebih tinggi yang seharusnya meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui pembelajaran penggunaan tambahan.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, seperti yang diumumkan sebelum ini, kita bakal memasuki fasa endemik wabak Covid-19. Kita berharap bilangan kes akan terus menurun dan keadaan berubah lebih stabil. Selain dari diri membiasakan dengan norma baru, kita mempunyai peluang emas untuk mengkaji semula peranan kesihatan dalam masa depan pasca pandemik.

Jika kita menjadikan kesihatan satu keutamaan, ini akan membolehkan kita meningkatkan kedayatahan, mengurangkan jurang kesihatan dan meningkatkan keadaan ekonomi dan sosial. Bagaimana ia boleh dilakukan? Terdapat beberapa cadangan daripada saya, Tuan Speaker. Kita kena memastikan kesihatan menjadi sebahagian daripada perbincangan pertumbuhan ekonomi.

Walaupun kesihatan telah lama diiktiraf sebagai aspek utama pembangunan, keputusan pelaburan mengenai kesihatan terlalu kerap dinilai semata-mata sebagai kos bukan sebagai pelaburan dengan pulangan ekonomi. Ini adalah satu kesilapan kerana meningkatkan kesihatan adalah keperluan utama untuk kemakmuran. Orang yang lebih sihat, lebih produktif pada tahun-tahun kerja utama mereka dan lebih penting lagi melabur dalam kesihatan kanak-kanak dan mewujudkan usahawan, pengetahuan dan pekerjaan mahir pada masa hadapan.

Kerajaan boleh mengambil pendekatan bersepadu untuk kesihatan, agenda kesihatan yang paling berkesan mengimbangi kesihatan persekitaran, sosial dan tingkah laku serta penjagaan pencegahan di samping keperluan rawatan. Kita perlu mengenal pasti keutamaan berbeza di seluruh mukim dan daerah, kita perbaiki sanitasi, kita menghadkan pencemaran dalaman dan meluaskan akses kepada vaksinasi kepada kanak-kanak dan rawatan penyakit berjangkit. Ini penting dan masih mencabar di kawasan berpendapatan terendah. Kerajaan perlu proaktif dan bekerjasama dengan pihak badan bukan kerajaan berkaitan untuk merapatkan jurang kesihatan kepada mereka yang terjejas agar mereka sekurang-kurangnya mendapat latihan untuk penjagaan asas yang komprehensif serta penjagaan diri yang lengkap dengan sokongan berterusan.

Bagi ekonomi yang sedang pesat membangun, inovasi dalam penyampaian penjagaan kesihatan akan diperlukan untuk membawa campur tangan ini pada kos yang rendah kepada orang yang tidak memiliki hari ini. Ini bermakna modal pendanaan dan perolehan baharu perkongsian dan kerjasama yang lebih luas dan sektor utama bersama yang lebih luas.

Teknologi juga boleh memainkan peranan penting terutamanya dalam meningkatkan skala akses. Kerajaan boleh bekerjasama dengan syarikat teknologi farmasi dan perubatan untuk mengurangkan kelewatan masa perkhidmatan. Akhir sekali Datuk



Speaker, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadhan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang beragama Islam. Dengan ini, saya mohon mencadang, menyokong.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Terima kasih Yang Berhormat Usukan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sebatik, silakan.

03:10 petang

**Tuan Hassan A. Gani Pg. Amir [Sebatik]:** Bismillahirrahmanirrahim...

**21/03/2022 - RAKAMAN 23 [03:10 PM – 03:20 PM] – [AZYATUL] – RA – TRESA**

**Tuan Hassan A. Gani Pg. Amir [Sebatik]:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, dan Salam Sabah Maju Jaya. Terima kasih Datuk Speaker dan semua Ahli Dewan Yang Mulia ini. Sebagai wakil rakyat Sebatik, buat kesekian kalinya saya akan terus meluahkan rasa hati kehausan dahaganya para penduduk Sebatik kepada infrastruktur bertaraf antarabangsa.

Saya sampaikan hasrat semua dengan lengok bahasa seloka,

*Walau ianya cerita lama,  
Kisah jalan raya kami belum sempurna,  
Cerita hospital di pulau masih tiada,  
Soal capaian internet sukar melata, dan  
Penduduk Sebatik tak sabar mahu segera.*

Di Dewan Yang Mulia ini, saya ulang semula cerita yang sama. DUN Sebatik perlukan bekalan air bersih, harapan melihat empangan loji air Sebatik yang didalamkan dan penyaluran paip air ke Kampung Berantian, Sungai Udin dan beberapa kawasan lain, dengan harapan saya memohon dipertimbangkan dan diluluskan dengan segera.

Datuk Speaker dan Ahli Dewan yang mulia ini, kini sudah sampai masanya Pulau Sebatik mempunyai jeti konkrit yang moden, kukuh, besar, luas, dan indah bagi

kemudahan pemungghahan hasil pertanian penduduk serta eko-pelancongan yang akan datang. Menyentuh soal pelancongan di kawasan pulau bagi di negeri Sabah ini, saya mencadangkan agar pihak kerajaan negeri mengadakan perkhidmatan *Hyperbaric Chamber Oxygen Therapy* di kawasan Pantai Timur Sabah kerana ianya sangat penting.

Maklumat yang kita terima, TLDM ada menyediakan perkhidmatan ini, tetapi sudah agak begitu lama tidak berfungsi. Oleh yang demikian, perlu ada inisiatif dan usaha untuk memastikan keselamatan para pelancong kita sebab mengikut data daripada *Scuba Travel* pada 12 hari bulan April 2021 *United Kingdom* dan data ini masih kekal sehingga 2 Mac 2022 bahawa Pulau Sipadan merupakan destinasi menyelam nombor 1 dunia dan di antara 10 yang terbaik.

Namun hanya Pulau Sipadan yang tidak mempunyai perkhidmatan *Hyperbaric Chamber Oxygen Therapy* ini. Jadi kemudahan ini akan menjadi pemangkin perkembangan ekonomi dalam bidang pelancongan dan juga menjadi pemangkin kepada ekonomi masyarakat di kawasan pulau dan juga ekonomi negeri Sabah.

Datuk Speaker dan Ahli Dewan semua, kini generasi peneroka FELDA di Sabah telah pun bercambah menjadi generasi kedua, ketiga, dan keempat. Sementara FELDA mempunyai ladang kosong tanpa peneroka seluas negeri Sembilan, termasuk di FELDA Umas dan Kalabakan. Sudah sampai masanya pihak kerajaan negeri memohon kepada pihak FELDA agar dapat memberi ruang sekadar 10% dari keluasan ladang-ladang ini untuk mengambil peneroka yang berkelayakan termasuk generasi baru peneroka bagi seluruh negeri Sabah.

Dalam sektor pendidikan, sebagai tambahan cadangan dan permintaan saya dalam perbahasan penggal yang lepas, saya mengharapkan pula kewujudan sekolah-sekolah berasrama penuh di seluruh pulau-pulau, termasuk Pulau Sebatik dan Tanah Besar terutama di daerah Kalabakan memandangkan daerah Kalabakan ini sebuah daerah penuh, bukannya daerah kecil. Ini kerana lokasi sekolah menengah yang agak jauh dan sangat menyukarkan pelajar dan ini merugikan dalam usaha mereka untuk mendapat kemudahan pendidikan yang terbaik.

*Sangat lelah diperjalanan,*

*Boleh tertidur dalam kelas pembelajaran,  
Cubalah mereka kita kumpulkan,  
Pastinya hebat pencapaian keputusan.*

Datuk Speaker, seolah jadi cara hidup bagi setiap dari kita asyik leka menghadap telefon bimbit sebagai usaha mengalihkan sedikit tumpuan keterlaluan para remaja dan pasca remaja ini, pembinaan gelanggang permainan untuk sepak takraw, bola tampar, dan lain-lain permainan adalah menjadi pilihan yang boleh kita buat dan mudah kita buat sebenarnya asalkan ada peruntukan daripada kerajaan negeri dan persekutuan.

Datuk Speaker, untuk makluman, masih sangat ramai rakyat Sabah yang mempunyai hanya satu rumah untuk 2, 3 hingga kekadang 4 keluarga. Anak-anak yang berkeluarga terpaksa tinggal bersama di rumah orang tua masing-masing. Senario ini pasti menimbulkan banyak konflik dan masalah, dengan ini saya mencadangkan pembinaan rumah PPRT untuk setiap DUN ditingkatkan jumlahnya terutama di kawasan-kawasan pedalaman, perlu ditambah untuk meningkatkan jumlah bilangan rumah PPRT dalam setiap DUN dan sentiasa dipermudahkan ataupun diperhalusi segala syarat kelayakan terutama permohonan eKasih, bantuan kebajikan, rumah PPRT, dan bantuan-bantuan lain dan ini sangat dituntut dan diharapkan.

Kita bersyukur dan berterima kasih atas usaha kerajaan menyediakan perumahan melalui berbagai agensi contohnya, LPPB. Namun, dalam kita berdepan dengan pandemik COVID-19 ini, ramai yang gagal membayar ansuran bulanan dan ada yang sudah mendapat surat amaran untuk mengosongkan rumah kediaman mereka. Ditambah dengan kadar faedah 19% setahun yang saya anggap sangat membebankan. Jadi harapan saya agar golongan ini diberi ruang dan peluang untuk mereka menyelesaikan hutang mereka. Sebagai tanda solidariti kepada golongan wanita dan mencadangkan dan saya mencadangkan diwujudkan bantuan khas kepada peniaga wanita dan kelorong, kelonggaran tertentu bagi pemohon wanita untuk mendapatkan lesen-lesen perniagaan.

Datuk Speaker, saya dengan ini mencadangkan kewujudan pentadbiran Majlis Daerah Kalabakan dan Daerah Kecil Sebatik yang berautonomi iaitu seperti ada

kebenaran untuk mewujudkan kaunter pembayaran pelbagai cukai ataupun pelbagai lesen dan kuasa-kuasa pentadbiran daerah yang sepatutnya. Langkah ini juga akan dapat membuka peluang kepada siswazah menganggur dalam kawasan-kawasan DUN Sebatik. Untuk makluman dewan, bilangan mereka yang ramai dan semakin meningkat, saya mohon dengan ikhlas agar nasib siswazah anak negeri ini diperhatikan dan dibantu melalui program-program yang sesuai.

Datuk Speaker dan Ahli Dewan yang mulia ini, keunikan pelbagai adat budaya terutama orang asal Sabah adalah harta istimewa dan hebat bagi negeri Sabah. Namun, kemodenan pembangunan telah banyak menghapus kelebihan itu, terutamanya keupayaan anak-anak rakyat Sabah bertutur dalam bahasa nenek moyang mereka. Dengan ini saya mencadangkan diwujudkan peruntukan khas di bawah kementerian-kementerian yang sesuai bagi melaksanakan usaha *back to roots* dengan izin secara serius melalui pelbagai pendekatan sesuai yang boleh kita bincangkan dan fikirkan bersama kelak.

Datuk Speaker,

Sabah dikelilingi oleh ratusan pulau kecil dan masih banyak yang belum diterokai. Walaupun ada kajian penyelidikan oleh UMS, laporan ini hanya akan tinggal dalam simpanan mereka. Saya mencadangkan satu dana khas bagi tujuan pembiayaan penyelidikan dan penerbitan dokumentasi yang kita berikan kepada pusat kajian pulau-pulau...

**21/03/2022 - RAKAMAN 24 [03:20 PM – 03:30 PM] – [NUR NATASHA] – NN – MM**

**Tuan Hassan A. Gani Pg. Amir [Sebatik]:** ...pusat kajian pulau-pulau kecil, Fakulti Sains dan Sumber Alam, Universiti Malaysia Sabah kepada seluruh pulau-pulau di Sabah ini dan tolonglah mulakan kajian ini di kepulauan Sebatik bagi Kajian Potensi Geologis Sumber Alam dan Pemetaan.

Data ini, amat berguna untuk kajian ekonomi dan juga simbol kedaulatan Sabah kepada pulau-pulau sekitarnya terutama pulau-pulau yang hampir dengan garisan sempadan antarabangsa. Jangan sampai Peristiwa Batu Putih di Johor berlaku pula di Sabah pada masa akan datang. Seni dan budaya bukanlah satu frasa yang

baharu dalam kehidupan masyarakat Malaysia terutamanya di negeri Sabah yang kaya dengan hasil seni dan tradisi budaya yang unik untuk kepelbagaian suku kaum yang terdapat di negeri tercinta ini. Namun begitu, proses globalisasi menyebabkan kegiatan kesenian dan kebudayaan semakin lesu dan mungkin tidak lagi diamalkan dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Oleh yang demikian, sebagai Wakil Rakyat adalah menjadi tanggungjawab saya untuk mengetengahkan isu ini untuk kestabilan dan kemakmuran bersama dalam aspek seni budaya. Pihak kerajaan perlu memikirkan kaedah ataupun pelaksanaan program yang berkesan dalam mengangkat semula isu seni budaya di negeri Sabah supaya negeri yang kita sanjung ini tidak kehilangan harta warisan budaya yang lahir daripada nenek moyang terdahulu. Antara program yang boleh dilaksanakan adalah sambutan Hari Seni Kreatif Sabah, Karnival Kebudayaan dan lain-lain lagi. Adalah menjadi hasrat rakyat Sabah terutamanya di DUN Sebatik agar perkara ini dapat diambil peduli dan pelaksanaan program-program yang berkaitan dengan kesenian dan kebudayaan dapat direalisasikan demi kepentingan bersama sekaligus memberi impak baik kepada anak cucu kita pada masa akan datang.

Datuk Speaker, dalam bidang sukan, dalam isu ini riadah dan sukan juga merupakan salah satu aspek penting dalam kehidupan masyarakat kita. Namun begitu, semenjak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di negara ini, semua aktiviti terkait dengan perintah tersebut termasuklah sektor sukan. Oleh yang demikian, setelah bertarung dalam pandemik ini sudah sampai masanya kita mengangkat semula sektor sukan dan riadah supaya memberi impak positif kepada semua masyarakat. Antara program-program yang boleh diketengahkan adalah sukan liga untuk semua di peringkat DUN di dalam negeri Sabah ini yang ada dengan menganjurkan sukan teras ataupun sukan yang popular di suatu kawasan.

Selain itu, pihak kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah juga boleh memainkan peranan untuk mengurus dana peruntukan berbentuk geran pelaksanaan program-program sukan dan riadah di peringkat akar umbi.

Datuk Speaker dan untuk kesekian kalinya juga saya dengan ini memohon apa ini, menyokong Ucapan Dasar Kerajaan Negeri dan saya akhiri dengan ucapan selamat

menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak kepada seluruh Ahli Dewan Undangan Negeri yang beragama Islam. Sekian. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Yang Berhormat Sekong.

3:27 petang

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]** Terima kasih Tuan Speaker.

(Yang Berhormat Sekong membaca doa)

Alhamdulillah, kita berada di Dewan yang mulia ini, moga dapat kita maknakan apa yang terkandung di dalam ayat yang saya bacakan tadi yakni dalam rangka sama ada di pihak kerajaan ataupun bukan kerajaan dalam rangka memenuhi amanah kepercayaan rakyat di 73 DUN di negeri Sabah yang kita cintai ini terhadap kepimpinan yang kita ingin tawarkan kepada mereka, yang mana taklif atau tanggungjawab kepimpinan ini gunung-ganang pun tidak sanggup memikulnya namun sekarang kita 73 Wakil Rakyat memikul beban yang berat ini.

Tuan Speaker, Sekong ingin mengambil kesempatan untuk mengutarakan dua isu, yakni isu *micro local* dan juga isu *micro* berkaitan NCA. Mewakili rakyat Sekong, saya melahirkan rasa kecewa kami kerana sepanjang hampir dua tahun kami di Sekong tidak merasakan agenda “Sabah Maju Jaya” yang menjadi slogan kepada kerajaan pada ketika ini. Saya pernah menyatakan di Dewan Yang Mulia ini bahawa jika kerajaan Sabah dengan slogan “Sabah Maju Jaya” ingin mengukur KPI mereka, KPI kerajaan maka Sekong boleh dijadikan antara kad laporan kerajaan.

Tuan Speaker dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian, beberapa isu rakyat dan kawasan yang dalam tanggungjawab kuasa kerajaan dan agensinya di Sekong, tidak lebih baik pada ketika ini bahkan tidak keterlaluan jika saya katakan berada dalam keadaan yang teruk. Argumentasi kenyataan ini merujuk kepada beberapa isu *fundamental* yang berlaku di Sekong. Saya ambil contoh yang pertama berkaitan isu letrik dan juga air. Di Sekong, kawasannya berselerak, besar dari kawasan bandar sehingga luar bandar dan di Sekong terlalu banyak kampung-kampung setingan dan saya ingin nyatakan Tuan Speaker bahawa ada 2 kampung

yakni Kampung Bakau dan Kampung Sundang yang majoriti penduduknya adalah warganegara Malaysia, yang 2 kampung ini hanya memerlukan 10 minit perjalanan pengangkutan bas daripada pusat bandar.

Namun rakyat Sabah, rakyat Malaysia yang ada di kampung ini telah melalui catuan letrik lebih dari setahun. Kita berbincang tentang bilion ringgit, berbincang tentang “Sabah Maju Jaya” itu ok. Tapi apa yang berlaku di masyarakat akar umbi sana sangat memprihatinkan. Jadi catuan letrik ini, Tuan Speaker berlaku siang hari selama lapan jam dari jam 7 sehingga jam 5 petang. Jam 5 petang, letrik ini akan dihidupkan sehinggalah keesokannya jam 7 pagi. Apa yang berlaku, aktiviti rakyat di siang hari di kampung-kampung berkenaan terjejas teruk. Mengapa terjejas teruk? Bayangkan, masjid di 2 kampung, ada 4 masjid di 2 kampung. Bila solat jumaat, khutbah tidak kedengaran. Azan pun sayup-sayup tapi YBnya Islam, UPPM nya Islam, menteriya Islam, pegawai berkaitan Islam, SESB, Menteri Kerja Raya Islam, ketua menteri Islam, TYT Islam. Jadi ini yang sangat memprihatinkan. Saya harapkan supaya kita komited. Tidak kira pembangkang...

**21/03/2022 - RAKAMAN 25 [03:30 AM – 03:40 AM] – [JOHARI] – TJ – NELL**

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]** : UPPM nya Islam, Menteriya Islam, pegawai berkaitan Islam SSB, Menteri Kerja Raya Islam, Ketua Menteri Islam, TYT Islam. Jadi ini yang sangat memprihatinkan saya harapkan supaya kita komited tidak kira pembangkang kah, kerajaan kah, isu rakyat tidak payah kita cerita pasal *billion* ini dulu. Kalau saya di Sekong, kita cerita isu kemudahan asas yang melingkari rakyat di kawasan Sekong barangkali kawasan lain sama ada OKU, orang tua, anak yatim yang terjejas lain lagi terjejas aktiviti-aktiviti lain seperti produktiviti perniagaan kecil-kecilan di dalam kawasan kampung berkenaan.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]**: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya tidak mahu ganggu tadi tetapi sebutan yang Tuan Yang Terutama Yang di-Pertuan Negeri tidak harus disebut. Saya minta tarik balik.

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]**: Baik, Tuan Speaker saya tarik balik perkataan saya tadi. Minta maaf banyak-banyak.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** Sama-sama.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Teruskan.

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** Berkaitan isu air, memang kita tidak salahkan 100% kepada apa yang berlaku di pundak kerajaan kerana di negara, di negeri lain seperti di Kelantan bahkan negeri maju Selangor isu atau krisis air pun berlaku. Namun di Sabah, saban tahun bertukar kerajaan bertukar YB bertukar menteri tapi krisis air ini masih lagi berlaku dan mewakili rakyat Sekong saya ingin menyatakan kekesalan kami kerana dalam tahun ini sepanjang awal tahun ini ada di antara kawasan di Sekong yang air mereka tidak dapat bekalan air ada yang tiga minggu ada yang satu bulan. Ada di antara yang memaki-maki dengan saya, memaki-maki dengan kerajaan jadi kita pergi turun kemudian kita minta kerjasama Jabatan Air untuk hantar lori tangki. Kita berada 59 tahun dalam *Federation of Malaysia but we are still facing with this fundamental* isu. Ini yang saya sangat tidak dapat terima, saya tidak menyalahkan tapi mari kita sama-sama memikir sama ada blok pembangkang atau kerajaan apa *crisis management* kita untuk mengatasi ini kerana di Sekong bila ada yang tiga minggu tidak ada air ianya menyusahkan urusan orang yang hidup bahkan jenazah.

Tuan Speaker, yang mahu dimandikan pun kekurangan air, wallahi ini berlaku. Jadi saya mohon agar penjelasan daripada kerajaan tentang loji di Segaliud, loji di Kinabatangan dan sebagainya supaya saya sebagai wakil rakyat boleh membantu memberi penerangan kepada rakyat berkaitan isu yang berlaku di Sekong berkaitan air. Kerana hal kemudahan asas dan air ini yang teruk ini biasa berlaku di negara-negara dunia ketiga seperti di negara-negara tertentu di Afrika tetapi malang sekali masih berlaku di Sabah dan inilah cabaran kepada kita semua.

Tuan Speaker Yang Dihormati, di Sekong juga ada kawasan dipanggil penempatan *container* Kampung Gas. Lebih seratus keluarga menempati *container* ini dengan keluasan 8x16, 8 kaki lebar 16 kaki panjang dan mereka telah tinggal di *container* ini lebih daripada dua tahun mangsa kebakaran Kampung Gas. Di situlah mereka



makan di ruang 8x16, di situlah kalau ada meninggal diuruskan jenazah dan menurut laporan Jabatan Kesihatan Daerah Sandakan bahawa ketika mereka memeriksa kawasan penempatan ini mereka membuat kesimpulan Tuan Speaker, dan mereka membuat laporan bahawa tempat berkenaan tidak sihat dan tidak selamat untuk di duduki. Lalu saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah langkah yang telah dilakukan oleh kerajaan dan entitinya untuk membantu rakyat Sabah lebih 100 keluarga di penempatan *container* yang serba daif itu sekarang.

Tuan Speaker, Sekong juga mempunyai taman perumahan iaitu Taman Perumahan Sibuga dan juga Taman Perumahan Mawar. Dan sepanjang menjadi wakil rakyat setahun lebih saya membuat rondaan siang dan malam dan mendapati terlalu banyak isu seperti yang dilontarkan oleh kawasan-kawasan yang lain, tiang lampu ada tapi tidak hidup, parit tersumbat, sedikit saja turun hujan tiga jam di maki kita oleh rakyat. Kemudian isu rumput panjang daripada tinggi orang kita tidak nampak. Sepanjang jalan Batu Sapi kalau kita pergi ke sana lampu tidak hidup bahkan ada yang melibatkan kemalangan nyawa dan perkara lampu ini telah diadukan kepada pihak PBT. Malang sekali saya tidak tahu apa yang berlaku dalam PBT MPS sana sehingga aduan ini dari dulu lagi sampai sekarang masih belum dapat diatasi. Saya mohon menteri yang menyelia PBT boleh melihat perkara ini supaya dapat diperbaiki lagi.

Speaker, berkaitan modal insan menurut rekod Kementerian Pelajaran Malaysia yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Dr. Mah Hang Soon menyatakan sepanjang Mac sehingga Disember 2020 seramai 11,301 pelajar telah berhenti daripada persekolahan dan saya percaya Sekong tidak terkecuali daripada ini tidak termasuk lagi yang tidak ada dokumen *undocumented* tapi mereka adalah warga Sabah. Jadi apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi isu keciciran modal insan di Sekong ini. Selain daripada itu, isu polemik di antara pemandu bas, penumpang berkaitan S.O.P dan harga tambang juga perlulah dapat ditengahi ataupun diatasi dibenahi oleh kerajaan untuk kebaikan semua.

Tuan Speaker, saya ingin pergi kepada isu yang berkaitan NCA ataupun *Nature Conservation Agreement* ketika ianya dibahaskan ataupun dijelaskan oleh YB Menteri tahun lalu saya tidak berada di dewan kerana berada di Tanah Suci untuk...

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Yang Berhormat apa yang telah lalu tidak boleh disebut ketika ini oleh kerana itu melibatkan tidak itu saksi, jadi kalau boleh jangan sebut NCA kerana Ucapan Dasar tidak sebut NCA pada tahun ini, pada kali ini. Minta maaf. Jelas ya.

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** Terima kasih Tuan Speaker, dan Tuan Speaker saya ingin lanjutkan bahawa beberapa perkara yang berkaitan dengan masalah rakyat Sabah di Kepulauan Sekong. Kepulauan Sekong melibatkan keluasan yang besar namun isu kesihatan yang mereka hadapi jika mereka sakit mereka perlu melalui laut ataupun Teluk Batu Sapi untuk pergi ke Hospital Sandakan. Saya mengharapkan agar kerajaan boleh mengambil inisiatif dalam memastikan kewujudan sebuah klinik kesihatan

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Gulung saya kasih 2 minit lagi ya. 2 minit.

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** Baik, agar kerajaan boleh mengambil inisiatif untuk mewujudkan sebuah klinik untuk kepulauan-kepulauan Sekong bagi kemudahan rakyat Sabah di Sekong. Tuan Speaker dan rakan-rakan Ahli Dewan Yang Dihormati sekalian, kami rakyat Sekong sama ada bumiputera Sabah, Cina, India dan lain-lain bangsa tidak meminta berlian atau emas sebesar Gunung Kinabalu daripada kerajaan. Kami rakyat Sabah di Sekong hanya minta kerajaan memastikan untuk dapat memberikan kami kemudahan asas yang diurus dengan cekap, lampu kasih hidup, jalan dibaiki, bekalan air diterima dan bantu rakyat sepenuh hati. Bukankah objektif kepimpinan politik dan keberadaan kita dalam Dewan Yang Mulia ini adalah semata-mata untuk menjaga agama, masyarakat dan dunia. Tuan Speaker, Sekong mohon menyokong. Terima kasih.

**21/03/2022 - RAKAMAN 26 [03:40 AM – 03:50 AM] – [GERALD] – RL – TRESA**

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** ...mohon menyokong terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Yang Berhormat, Sekarang saya menjemput ADUN Dilantik Tuan Jaffari Waliam, silakan.

3:40 petang

**Tuan Jaffari Waliam [ADUN Dilantik]:** Terima kasih Datuk Speaker, Bismillah irramannirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam hormat kepada sidang dewan sekalian. Salam Sabah Maju Jaya.

Datuk Speaker, mendengar ucapan Dasar Kerajaan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Juhar Bin Datuk Haji Mahiruddin Yang di-Pertua Negeri Sabah pada hari Rabu 16 Mac 2022 bersempena dengan istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Sabah yang Ke-16. Dengan dasar-dasar yang dibentangkan oleh Tuan Yang Terutama, merupakan Dasar Kerajaan yang sangat baik dan merangkumi semua aspek dengan tujuan diberi keutamaan kepada rakyat dalam menuju Sabah Maju Jaya.

Datuk Speaker, pada persidangan kali ini, saya ingin membawa beberapa masalah atau isu yang dihadapi oleh rakyat di kawasan Libaran dan juga kawasan Sandakan.

Beberapa masalah ingin saya bangkitkan dalam persidangan kali ini agar ianya mendapat perhatian dan tindakan yang sewajarnya daripada Agensi atau jabatan kerajaan yang terlibat dan juga daripada pihak kerajaan negeri Sabah di bawah Kementerian yang berkaitan.

Pertama, saya ingin mengutarakan masalah berkaitan dengan perlunya mewujudkan dan membina dua buah *fly over* di kawasan jalan bulatan Helang Batu 7 menghala ke jalan Lapangan Terbang Sandakan dan ke Bandar Batu 8. Kedua, adalah di kawasan Jalan Bulatan Buaya menuju ke Bandar Batu 8. bagi makluman dewan ini, kedua-dua *fly over* ini adalah amat diperlukan oleh warga Sandakan memandangkan jalan yang sedia ada sudah tidak dapat menampung peningkatan kenderaan yang ada di atas jalan raya terutamanya ketika waktu bekerja dan hari persekolahan.

Bagi makluman sidang dewan yang saya kasihi sekalian, sebelum ini juga saya sudah pernah membawa isu ini dalam perbahasan saya ketika kerajaan lepas, saya sekali lagi membawanya dalam persidangan ini agar pihak kerajaan negeri melalui daripada Kementerian Kerja Raya Sabah akan dapat melihat secara serius serta melakukan kajian dan seterusnya menyediakan peruntukan khusus agar cadangan pembinaan *fly over* akan dapat dibina, tujuannya adalah untuk mengurangkan

kesesakan dan juga memberi keselesaan kepada para pengguna jalan raya melalui kedua-dua jalan ini pada setiap hari.

Kalau *fly over* ini dibuat di kawasan yang saya sebut tadi, dua kawasan dia akan mengurangkan kesesakan lalu lintas, contohnya kita akan dapat menarik pelancong untuk datang ke Sandakan, mereka tidak perlu lagi ahah begitu mengambil masa yang terlalu jauh lama untuk sampai ke destinasi yang dituju seperti ke tempat-tempat pelancongan di Batu 19 *Proboscis Monkey* di Sukau, kalau kita ada *fly over* akan mempercepatkan dan mengurangkan kesesakan lalu lintas. Ini juga satu ekonomi dan memperancarkan lagi pelancongan di kawasan daerah Sandakan.

Datuk Speaker, yang kedua adalah masalah berkaitan dengan para peniaga. Peniaga kedai gunting rambut di sekitar Daerah Sandakan. Bebera pengusaha kedai gunting rambut telah berjumpa dan menghubungi pihak saya membuat aduan tentang masalah yang mereka hadapi, mereka mengeluh disebabkan kadar sewa yang dikenakan adalah berdasarkan kepada jumlah kerusi yang mereka ada di dalam premis perniagaan mereka.

Dalam keadaan kita masih bergelut dengan pandemik yang menyebabkan ekonomi terjejas, ianya sudah pasti membebankan para pengusaha kedai gunting ini dengan jumlah pendapatan yang tidak seberapa. Mereka memohon agar pihak kerajaan negeri melalui daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat mengkaji semula kadar sewaan ini agar dapat mengurangkan kos beban yang mereka hadapi dalam mereka memulihkan kembali sumber ekonomi diri dan keluarga mereka selepas pandemik yang sukar kita lalui sejak dua tahun yang lalu. Saya yakin pihak kerajaan negeri sentiasa mendengar keluh kesah rakyat yang berada di bawah.

Datuk Speaker dan sidang dewan yang saya kasihi sekalian, dalam kesempatan ini juga, saya ingin menyentuh berkaitan keadaan jalan Telupid - Sandakan. Kita tidak boleh sangkal tentang keadaan jalan ini yang sering kali mengalami kerosakan disebabkan beberapa faktor dan menyebabkan para pengguna jalan raya yang menggunakan jalan ini mengeluh dan memberi respon ketidakpuasan hati mereka kerana keadaan jalan yang sangat teruk sehingga ada dari kalangan pengguna jalan ini mengalami kerosakan pada kenderaan mereka. Saya mencadangkan kepada Jabatan Kerja Raya, untuk memasang papan tanda memaklumkan di kawasan 100

meter atau 500 meter di kawasan berhampiran mengalami kerosakan, jadi kenderaan-kenderaan yang melalui kawasan itu akan memperlambatkan kenderaan mereka dan mengelakkan kepada kerosakan dan kemalangan.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Jabatan Kerja Raya melalui daripada Kementerian Kerja Raya, jabatan yang sudah pun mengambil tindakan dan berusaha sehabis daya untuk memperbaiki jalan ini walaupun tidak semua dapat dibaiki secepatnya, namun kita dapat melihat usaha yang mereka lakukan agar memberi keselesaan kepada semua pengguna jalan raya yang menggunakan jalan ini berulang-kali terutamanya mereka yang berada di Pantai Timur. Saya yakin Kementerian Kerja Raya Sabah akan dapat memperbaiki keadaan jalan ini dengan sebaik yang mungkin begitu juga dengan keadaan jalan-jalan yang lain di daerah ini.

Baru-baru ini minggu..empat hari yang lalu di Batu 10 di kawasan P.184 Libaran mengalami kesesakan lalu lintas pada jam 7 pagi disebabkan kontraktor yang dilantik untuk memperbaiki jalan yang rosak, saya minta kepada kontraktor tu ataupun kementerian bagi satu cadangan kepada kontraktor untuk membuat jalan itu diperbaiki pada waktu malam bukan pada waktu masa pejabat.

Baru-baru ini semua penduduk di kawasan terutama yang bekerja di kawasan bandar Batu 8 dan di tempat yang lain marah pada jam 7 pagi mereka turun bekerja jalan itu dari Batu 10 sampai ke batu simpang ke Batu 12 mahu mengalami sampai 1 jam lebih hingga 2 jam. Jadi saya minta kepada kontraktor cuba ambil inisiatif yang begitu mementingkan kepada masalah rakyat, kenapa pada waktu petang jam 7 malam baru jalan-jalan itu dibuat, untuk keselesaan pengguna jalan raya dan jangan membebaskan masalah pengguna jalan raya untuk hari bekerja seperti hari Isnin dan hari Jumaat ambil lah masa pada hari Sabtu dan hari Ahad untuk memperbaiki jalan itu. Tidak mengakibatkan kesesakan lalu lintas.

Isu ke- 4 yang ingin saya sentuh adalah berkaitan dengan Tugu Batu Sapi yang ada berdekatan dengan kilang Sinora Sandakan. Kita sedia maklum bahawanya kawasan ini sebenarnya mampu menjadi tarikan dan tumpuan pelancong dari dalam dan luar Sabah, dan satu ketika dahulu. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar Tugu Batu Sapi ini akan dapat diselenggara dan diperbaiki, keadaan

landskapnyia perlu pengubahsuaian agar sesuai dengan keadaan pada hari ini. Tujuannya agar kita dapat melihat satu perubahan untuk menarik kembali pelancongan supaya datang ke kawasan Batu Sapi dan kawasan Libaran

Datuk Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kawasan Parlimen Batu Sapi...

**21/03/2022 - RAKAMAN 27 [03:50 AM – 04:00 PM] – [NURIAHTIKA] – SD – MM**

**Tuan Jaffari Waliam [ADUN Dilantik]:** ...kawasan Parlimen Batu Sapi dan juga, dan juga pulau-pulau di kawasan Parlimen Libaran ini merupakan kawasan pesisiran pantai dan mempunyai banyak pulau yang menarik. Ianya perlu diketengahkan dan kawasan eko-pelancongan negeri Sabah agar dapat membantu meningkatkan sumber pendapatan negeri dan juga dapat dimanfaatkan oleh pihak kerajaan bagi membantu meningkatkan taraf hidup anak-anak tempatan di masa akan datang.

Seterusnya, isu yang kelima adalah masalah jalan di kawasan perumahan yang ada di sekitar Sandakan. Untuk makluman Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKT&P) kebanyakan kawasan perumahan di kawasan Daerah Sandakan seperti Taman Rajawali ini memerlukan menaik taraf jalan memandangkan rata-rata jalan ini sudah lama tidak diselenggarakan. Namun amat malang sekali, keadaan jalan yang ada di kawasan tersebut sudah rosak menyukarkan pengguna yang melalui dan sudah tiba masanya dinaik tarafkan.

Datuk Speaker, saya memohon juga kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKT&P) untuk perumahan PPR di kawasan Sungai Manila, Batu 7 diperbaiki. Ada yang rumah yang telah diduduki oleh penghuni di PPR di Sungai Manila, rumah-rumah mereka terutamanya tangki air di atas dia tu, kebanyakan dia punya simen konkrit sudah jatuh dan kita mengelakkan daripada tangki itu jatuh mengena kepada penduduk di perumahan itu, kita mengelakkan daripada kejadian yang berlaku. Dan catnya kebanyakan sudah pudar, sudah berjatuh semua cat-catnya. Jadi saya minta kepada kementerian mengambil tindakan. Saya mohon agar ianya dapat diselenggarakan kerana ianya adalah amat mendesak sekali bagi penduduk di kawasan setengah kawasan perumahan untuk kesejahteraan rakyat dan

bagi mencapai sasaran untuk Daerah Sandakan dan direalisasikan kepada sebuah bandar raya.

Akhir sekali, saya ingin membawa masalah rakyat berkaitan dengan masalah perparitan yang dihadapi. Bagi maklumat, di kawasan Libaran terdiri daripada Sungai Memanjang, Batu 16 Gum-Gum, Batu 12 Sungai Manila dan Pasar Batu 8, apabila tibanya masa hujan atau tengkujuh ada kawasan yang dengan tibanya mudah dinaiki air. Keadaan ini disebabkan oleh masalah perparitan yang tidak diselenggara dengan sebaik. Banjir kilat sering berlaku disebabkan keadaan parit dan longkang yang tersumbat disebabkan tiadanya penyelenggaraan yang berterusan.

Saya mohon kepada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran supaya dapat melakukan penyelenggaraan dan saluran parit dan longkang yang tersumbat dan tidak berada dalam keadaan baik untuk mengelakkan berlakunya banjir kilat secara berulang ketika hujan lebat. Selain perlunya menaik taraf parit yang ada kepada konkrit dan juga membina saluran longkang yang baru bagi membantu melancarkan aliran air hujan yang berlaku bertakung ke sungai-sungai yang berdekatan, mohon agar pihak kerajaan negeri melalui daripada Jabatan Ketua Menteri (JKM) dapat memberi peruntukan yang khususnya untuk tujuan tersebut memandangkan kita berhadapan dengan keadaan cuaca yang sudah tidak menentu.

Saya juga turut tertekan agar Jabatan Pengairan dan Saliran turut mengambil tindakan bagi kawasan perkampungan yang mempunyai aliran sungai agar turut dibersihkan bagi memudahkan aliran air hujan dapat mengalir dan keluar daripada longkang dan parit yang ada di sekitar bandar dan kawasan perumahan. Ianya penting untuk mengelakkan air hujan bertakung terlalu lama dan menjadi punca kenapa berlakunya banjir kilat berlaku.

**Tuan Speaker:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Jaffari Waliam [ADUN Dilantik]:** Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi saya ruang masa ini untuk saya membawa suara dari rakyat bahawa agar diambil perhatian oleh sidang dewan dan pihak kerajaan negeri. Saya mendoakan semoga kita semua diberikan kesihatan agar kita

Wakil Rakyat dapat memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat negeri Sabah yang tercinta ini.

Datuk Speaker, di kesempatan ini saya mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak kepada semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, kakitangan kerajaan, swasta dan semua rakyat Sabah yang beragama Islam. Datuk Speaker saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Kadamaian.

3:56 petang

**Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin memulakan perbahasan saya dengan menyentuh berkenaan keputusan Penimbang Tara Sepanyol, Gonzalo Stampa supaya Kerajaan Malaysia membayar (USD 14.92 bilion) ataupun lebih kurang RM62.59 bilion kepada pihak yang mendakwa waris Sultan Sulu. Berita ini mengemparkan rakyat Sabah. Ianya berkaitan dengan perjanjian yang dibuat di antara Sultan Sulu dengan Baron de Overbeck dan Alfred Dent pada tahun 1878.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat dengar dulu sekejap. Kita ini mengucap apa ini, menyentuh kepada Dasar Kerajaan yang telah disampaikan.

**Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]:** Ya. Dia akan berkaitan.

**Tuan Speaker:** Ah, saya tidak nampak ada berkaitan. Kerana tidak ada kesentuhan, ya.

**Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]:** Dia ada kaitan tapi inilah terlampau awal dicelah. Tidak apa, tidak apa. Saya akan skip ini...

**Tuan Speaker:** Tunggu, saya bukan untuk apa ini untuk mengganggu, tetapi untuk memberikan perjalanan yang lebih baik pada hari ini. Terima kasih, teruskan.



**Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]:** Tidak apa, saya meneruskan dan sebab itu kerana ini *concern* rakyat Sabah saya meminta kita menyokong ketua menteri yang mengatakan kita tidak mengiktiraf tuntutan Filipina itu. Sebab itu kita perlu buat ketetapan di dalam DUN ini untuk menyokong itu, melengkapkan pernyataan ketua menteri, perlu dibuat di DUN ini. Itu kaitannya.

Tuan Speaker, kita perlu mengambil ikhtibar daripada peristiwa perjanjian tersebut supaya tidak seharusnya ada perjanjian baharu yang mengikat rakyat Sabah dengan masalah baharu. Perjanjian Malaysia 1963 itu sendiri gagal dilaksanakan daripada yang sepatutnya. Takkan lah selepas 50 tahun perjuangan menuntut MA63 itu baru permit aktiviti laut dalam yang diperoleh oleh Sabah. Perjanjian Petronas yang ditandatangani oleh kerajaan negeri dengan Petronas pada tahun 1976 yang memberi hak *exclusive* kepada Petronas untuk membangun dan mengaut keuntungan buat selama-lamanya sumber gas dan minyak di Sabah merupakan satu kesilapan besar yang telah membantutkan kemajuan Sabah buat selama-lamanya. Demikian juga, kebimbangan saya terhadap *Nature Conservation Agreement* yang ditandatangani di antara kerajaan negeri dengan syarikat...

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, perjanjian itu telah pun dibatalkan, telah pun disebut oleh akauntan, kita punya Peguam Besar. Jadi disebut-sebutkan perkara itu di sini akan membuang masa kita. Tolong, saya minta tadi pun saya sudah memberitahu. Cuba tolong janganlah sebut ya.

**Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]:** Kalau dia sudah dibatalkan syukur lah.

**Tuan Speaker:** Bukan, kita semua sudah tahu yang *the exact word to quote the agreement is impotent*.

**Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]:** Itu sebab kita bahas. Dia berkaitan dengan dasar, dia disebut di sini.

**Tuan Speaker:** Jangan, jangan sebut. *Please don't* sebut lagi. Kerana perkara ini sudah dalam perbincangan. *Please* ah.

**Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]:** Yang saya ingin mengatakan Tuan Speaker, tidak harus ada perjanjian yang mengikat rakyat Sabah dengan masalah baru.

**Tuan Speaker:** *Please don't, don't. Please* jangan, jangan membawa saya dalam *argument* ini. Ya, tolong.

**Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]:** Ya. Ya. Saya *skip*. Saya *skip*. Tuan Speaker, di Dewan Rakyat baru-baru ini Menteri Kewangan Persekutuan telah menjawab soalan daripada Ahli Parlimen Penampang yang juga ADUN Moyog bahawa perkara berkaitan pemberian semula 40% hasil bersih persekutuan dari Sabah seperti mana dalam perlembagaan ataupun Perkara 112(c) dan (d) Perlembagaan Persekutuan tidak lagi terpakai kerana ada perundingan baharu dicapai di antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.

Oleh sebab itu, saya minta pihak kerajaan menjelaskan di dewan ini apa mekanisme atau formula baharu yang telah dipersetujui tersebut sepertimana dinyatakan oleh Menteri Kewangan Persekutuan. Jika ianya tidak lebih baik daripada formula asal 40% tersebut, maka ianya sesuatu yang sangat tidak wajar dan merugikan rakyat Sabah. Saya ingin mengingatkan semula Ahli-ahli Dewan ini sepertimana apabila kita mengangkat sumpah menjadi Ahli Dewan ini...

**21/03/2022 - RAKAMAN 28 [04:00 PM – 04:10 PM] – [ANNETY] – RA – NELL**

**Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]:** ...mengangkat sumpah menjadi Ahli Dewan ini sebelum ini kita telah melafazkan sumpah mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan juga Perlembagaan Negeri Sabah. Perlembagaan Persekutuan masih dengan jelas menyatakan pemberian 40% hasil bersih persekutuan daripada Sabah dan ini perlu ditunaikan bukan dihapuskan.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan / Menteri Kewangan II [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Datuk Speaker, boleh saya mencelah sekejap ya. Kebetulan saya juga mengetuai apa itu apa ini *team* untuk perundingan 40% dan saya boleh nyatakan di sini *we have never surrendered that basic stand*. Apa yang berlaku ialah ada perkara yang kita sudah setuju dan ada perkara-perkara yang masih dalam perbincangan. *What we are saying* yang 40% mekanisma itu *is*

*not negotiable*. Itulah yang sebenarnya berlaku ba. Jadi kepada Yang Berhormat janganlah kluatir. *I will be the last one to do that and I will never do that*.

**Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Itu sebab perlu dijelaskan sebab perkara ini telah di ah dijawab di Dewan Rakyat pada minggu lepas dan ianya menjadi suatu *concern* kepada rakyat Sabah. Kalau Yang Berhormat Menteri mahu tumbuk meja, biar kita sama-sama tumbuk meja tapi ianya perlu dijelaskan kenapa dia tidak boleh dirunding 40% itu di bawah Perkara 112 C dan D. Kita perlu ada sebab untuk menumbuk meja bersama-sama.

Tuan Speaker, dalam sidang yang lepas, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah menyatakan bahawa tidak akan ada dokumen pengenalan diberikan kepada pendatang asing yang telah menerima suntikan vaksin. Tetapi kita telah digemparkan dengan cadangan baharu pemberian dokumen pengenalan kad warga asing. Nampaknya Menteri Dalam Negeri begitu bertekad melaksanakan dokumen pengenalan ini. Justeru saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan sama ada ianya masih di peringkat cadangan atau sudah dimuktamadkan di peringkat jawatankuasa pengurusan pendatang asing Sabah di mana Ketua Menteri adalah Pengerusi bersama. Apa beza dokumen pengenalan ini dengan cadangan dokumen lama iaitu Pas Sementara Sabah ataupun Pas Residen Sabah yang juga dikemukakan oleh kerajaan terdahulu yang disebut juga dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai pendatang asing di Sabah. Apa ciri, siapa kumpulan sasaran, dan apa kepentingannya? Siapa yang membiayai pengeluaran dokumen ini? Berapa kos terlibat dan adakah pendatang asing yang akan menerima dokumen pengenalan ini akan terikat dengan undang-undang baharu? Saya sebenarnya ingin melihat tekad Menteri Dalam Negeri menghantar “kumpit-kumpit” balik ke negara asal, bukannya tekad beliau untuk memberi dokumen pengenalan baharu kepada pendatang asing.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Yang Berhormat...

**Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]:** Apa pun inilah yang perlu dijelaskan.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Yang Berhormat, saya minta tangguh sekejap kerana ada usul penangguhan. Ahli-ahli Yang Berhormat ada usul penangguhan yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Sook.

**Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ellron bin Angin]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Tetap (2) (1b) Peraturan-Peraturan

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Ahmad Abdul Rahman]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan seperti mana yang dicadangkan.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan bersetuju. Yang tidak bersetuju katakan tidak. Lebih suara yang bersetuju, usul dipersetujukan. Yang Berhormat Kadamaian, teruskan.

**Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Di media sosial, seseorang yang menggunakan nama *facebook* sama dengan nama Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Kerja Raya menyatakan bukan tugas menteri untuk membina jalan raya, tugas menteri hanya menjaga dasar. Saya tahu Yang Berhormat Menteri juga telah menyatakan suara di Dewan Rakyat berkenaan dengan kelewatan pelaksanaan projek infrastruktur seperti projek menaik taraf jalan di Sabah. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dari segi dasar. Tidak bolehkah dasar itu ditambah baik supaya prosesnya dapat dipercepatkan agar rakyat menikmati kemudahan jalan dengan lebih cepat juga? Kenapa perlu dua hingga tiga tahun, malah ada yang lebih lama baru kerja-kerja sebenar lapangan membina di kerja-kerja sebenar di lapangan bermula? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan di dewan ini agar menambah baik dasar-dasar dan proses-proses tadbir urus yang berkaitan supaya projek yang diluluskan dalam satu-satu *rolling plan* dapat dimulakan pada tahun *rolling plan* itu juga. Saya nyatakan demikian kerana rakyat Kadamaian belum lagi melihat kerja-kerja sebenar di lapangan bagi projek menaik taraf Jalan Mandap Kinasaraban Doluoh dan Jalan Tengkurus Lahanas yang telah diluluskan dalam *rolling plan* sebelum ini. Begitu juga dengan Jalan Sayap Mansulit dan Jalan Tambulaung Podos yang telah diluluskan juga. Saya mengemukakan persoalan bertulis berkaitan ini dan berharap

ianya dapat dijelaskan supaya *update* semasa mengenai projek-projek ini juga dapat saya bantu pihak kerajaan untuk jelaskan kepada rakyat Kadamaian.

Tuan Speaker, dalam Belanjawan Sabah 2022 yang diluluskan di dewan ini, kita telah memberikan kerajaan sebanyak RM173 juta peruntukan berkaitan pandemik Covid-19 dan pasca Covid-19. Seperti mana sebelum-sebelumnya, bantuan Covid tersebut meliputi antara lainnya program bantuan bakul makanan, bantuan tunai kepada pelbagai kumpulan rakyat yang disasarkan, dan bantuan-bantuan lain yang berkaitan. Susulan pengumuman kerajaan persekutuan bahawa kita akan memasuki fasa endemik bermula pada 1 April ini, maka saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri selaku Menteri Kewangan adakah peruntukan 173 juta khusus untuk Covid dan pasca Covid ini akan diteruskan dan dilaksanakan mekanismanya sebelum ini? Adakah peruntukan Sentuhan Kasih kepada semua wakil rakyat akan diteruskan untuk membantu rakyat di kawasan masing-masing yang terkesan akibat COVID-19 semasa fasa endemik ini?

Tuan Speaker, saya juga berharap soalan-soalan bertulis yang dikemukakan itu dapat dijawab oleh semua kementerian terutama yang berkaitan dengan isu-isu pembangunan di kawasan, isu-isu tanah, dan semua isu yang telah saya bangkitkan melalui soalan bertulis dapat juga dijelaskan oleh pihak kerajaan dan dibantu kemudiannya oleh saya, dipanjangkan kepada rakyat Kadamaian.

Tuan Speaker, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di atas kelulusan rasmi gabungan politik baharu yang nampaknya tidak melibatkan semua anggota asal termasuklah Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri di sebelah beliau. Apa pun, Yang Amat Berhormat masih boleh memperkenalkan banyak agenda *reform* dan pembaharuan dalam tadbir urus yang boleh menarik sokongan rakyat dan juga sokongan di dalam dewan ini. Dewan ini untuk mewakili kepentingan rakyat Sabah, bukan untuk digunakan mewakili kepentingan blok politik. Mudah-mudahan rakyat Sabah mendapat pencerahan sewajarnya pelbagai isu yang telah dibangkitkan di dewan ini termasuklah yang tadi yang tidak boleh dibahas itu, NCA dan Tuntutan Sulu, perlu kita buat ketetapan. Mereka menanti-nantikan tekad politik yang boleh dibanggakan, yang boleh menyatukan kesemua Ahli Dewan walaupun kita berbeza parti yang digunakan. Mari doakan, mari beri teladan dan legasi yang boleh dibanggakan oleh rakyat

Sabah, khususnya di kawasan yang kita wakili. Dengan ini, saya mengakhiri perbahasan saya dengan mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa dan seterusnya Hari Raya Puasa kepada semua rakyat Sabah khususnya Ahli-ahli Dewan ini dan juga Kotobian Tadau Tagayo Do Kaamatan yang kita akan rayakan bersama pada bulan 5 nanti.

Sekian dan terima kasih. Saya mendoakan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah akan terus diberi kesihatan dan kesejahteraan selepas ini selepas dan saya menzahirkan penghargaan ke atas Ucapan Dasar yang telah beliau sampaikan di dewan ini pada 16 Mac yang lepas. Terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk George Anthony Ginibun]:** Terima kasih, Kadamaian. Saya jemput N.72 YB daripada Merotai. Terima kasih.

**Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]:** Datuk Speaker, minta maaf Datuk Speaker. Giliran saya sebenarnya esok. Saya rasa skrip saya belum bersedia lagi, Datuk Speaker.

**Timbalan Speaker [Datuk George Anthony Ginibun]:** Kalau begitu, saya panggil YB daripada N.30 Bongawan.

4:10 petang

**Tuan Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat....

**21/03/2022 - RAKAMAN 29 [04:10 PM – 04:20 PM] – [EVY CHARLYN] – NN – TRESA**

**Tuan Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]:** ...Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izinNya maka dapatlah kita berhimpun dalam Dewan yang mulia ini untuk membahas Ucapan Dasar Kerajaan yang telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama pada Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Keenam Belas.

Datuk Speaker, seperti mana yang telah dinyatakan tahun 2022 merupakan tahun kedua Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) dimana kita akan lebih menfokuskan kepada pembukaan semula sektor ekonomi dan aktiviti sosial serta pelaksanaan pelbagai inisiatif dan projek pembangunan berimpak tinggi dibawah Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya tahun 2021 hingga 2025. Saya sebagai wakil rakyat DUN Bongawan ingin mengusulkan beberapa perkara yang dapat memberi manfaat kepada penduduk N.30 Bongawan. Pertama sekali, ingin, saya ingin mengucapkan terima kasih atas ruang dan peluang yang telah diberikan kepada saya pada hari ini untuk turut sama dalam membahaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Datuk Speaker, saya ingin menyentuh pembangunan infrastruktur yang ada di kawasan saya. Di mana kawasan saya amat kurang dibangunkan terutama kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, elektrik dan juga air. Keadaan ini sangat teruk dan terhad, ada beberapa perkara yang ingin saya kongsi bersama ada beberapa perkara yang ingin saya kongsi bersama. Kemudahan jalan raya di kawasan terutama di kawasan pedalaman iaitu di Jalan Bukit Manggis yang meliputi beberapa kampung terutama Kampung Lumangar Sumbiling, Kampung Tibabun, Kampung Talantang, dan Mansaluk. Jika hujan kawasan tersebut sukar untuk dilalui, hal ini memberi kesan kepada penduduk sekitar untuk melaluinya dan juga membawa hasil pertanian. Kadang tanah merah yang lecek, berlumpur dan berlubang-lubang dan menyukarkan perjalanan serta boleh mengakibatkan kemalangan. Saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk menaikkan taraf ini walaupun pada tahun yang sebelum ini, dewan ini ada dikemukakan bahawa proses untuk tender ini sudah dikeluarkan. Tapi sehingga hari ini tidak ada khabar beritanya. Saya juga dimaklumkan bahawa kawasan ini merupakan laluan utama yang menghubungkan antara kawasan ke kawasan yang lain dan terdapat juga 3 sekolah rendah iaitu sekolah SK Viging, SK Sumbiling, dan SK Ulu Lumagar.

Datuk Speaker, satu kawasan yang berupaya untuk kita bangunkan adalah salah satu destinasi pelancongan yang berasaskan pada alam semula jadi di kawasan Sirung Sumandak merupakan kawasan air terjun. Kita dapat menjadikan kawasan tersebut sebagai salah satu destinasi pelancongan dan menyediakan kemudahan seperti Inap Desa, tempat perkhemahan dan pelbagai aktiviti seperti kayak, *hiking* dan sebagainya. Selain itu, ianya sekaligus dapat memajukan bidang pertanian

kerana memudahkan pengusaha untuk menghantar ataupun membawa keluar hasil pertanian mereka.

Datuk Speaker, selain itu, Muara Bongawan pernah menjadi salah satu tarikan pelancong yang paling terkenal bagi pelancong luar negara sebelum berlakunya pandemik COVID-19. Sekarang kita telah memasuki fasa peralihan endemik. Ianya akan membuka semula pelancongan luar negara datang berkunjung ke kawasan tersebut. Kita tidak mahu kawasan tersebut terbiar dan tidak dicantikkan kerana kawasan Muara Bongawan berpotensi untuk menjana pendapatan yang lumayan kepada penduduk setempat serta dapat melonjakkan lagi sektor pelancongan di negara kita. Pada masa ini di sepanjang laluan ke muara, banyak gerai-gerai yang telah dibangunkan dan hal ini akan menjadi tambah nilai kepada Muara Bongawan. Yang menjadi permasalahannya sekarang ini ialah kemudahan asas yang tidak ada seperti air dan elektrik. Diharapkan agar pihak kerajaan dapat membantu untuk menyediakan kemudahan tersebut. Selain itu, jalan yang menghubungkan kawasan tersebut juga perlu dinaiktaraf untuk memudahkan akses laluan kepada pelancongan.

Tuan Speaker, selain daripada itu, saya mengharapkan agar projek pertanian atau tanaman padi yang pernah kita usahakan pada tahun 2019 diteruskan semula kerana ianya sangat memberi impak kepada penduduk setempat. Projek ini telah pun terbengkalai sejak 2 tahun yang lalu. Adalah diharapkan agar kerajaan meneruskan usaha ini.

Datuk Speaker, kebanyakan sumber rezeki penduduk tempatan adalah berasaskan perikanan. Adalah diharapkan agar pihak kerajaan dapat membantu untuk membuka kawasan pembiakan ikan seperti membina atau pun membuang banyak tukun tiruan di dasar di laut di kawasan Bongawan ini supaya lebih banyak kawasan pembiakan ikan dapat dibuat. Dalam memperkasakan modal insan, adalah diharapkan agar sebuah *training* TVET dapat dibina di kawasan Bongawan ini. Ini dapat membantu anak-anak kita terutamanya lepasan SPM, belia-belia dan mempelbagaikan kemahiran mereka dan lain-lain dan hal ini sekali gus bukan sahaja dapat membantu anak-anak sekitar mendapatkan kemahiran malahan juga di luar kawasan Bongawan.



Datuk Speaker, dalam Ucapan Dasar Kerajaan, pihak kerajaan akan terus komited dalam membantu penduduk miskin dengan melaksanakan pelbagai pembasmian kemiskinan. Bagi membantu penduduk miskin tegar di kawasan saya adalah diharapkan kerajaan menyediakan kemudahan asas seperti pemasangan meter air, tiang elektrik dan juga meter elektrik kerana ini menyukarkan bagi rakyat-rakyat kita yang di luar bandar yang tidak mempunyai pendapatan yang rendah dan mereka sering mengadu kepada Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah ini. Di kawasan saya sebenarnya setiap bulan, saya sediakan asas ini kerna melalui saya punya apa ini peruntukan, gaji daripada ADUN ini. Ini juga kadang-kadang menyukarkan kita, kerana rakyat mahu supaya mereka ini diberi kemudahan ini. Tidak guna ya, tidak guna mencapai kemerdekaan jika masih ada penduduk yang tidak dapat menikmati kehidupan yang lebih baik.

Datuk Speaker, selain itu untuk membantu menangani masalah banjir di kawasan Bongawan adalah diharapkan agar pihak kerajaan dapat melebarkan ataupun mendalamkan lagi sungai-sungai utama iaitu Sungai Kimanis, Sungai Mandahan dan juga Sungai Bongawan supaya dapat mengelakkan berlakunya banjir.

Akhir sekali, adalah diharapkan kawasan Bongawan ini terus dimajukan dengan pembangunan jalur lebar iaitu kemudahan internet. Liputan internet amat-amat teruk terutama sekali di kawasan pedalaman. Ianya memberi impak kepada pelajar khususnya dalam menjalani pembelajaran secara atas talian dan ianya menyulitkan ataupun menyukarkan usahawan-usahawan untuk mempromosikan barangan-barangan mereka secara *online*. Diharap agar pihak kerajaan dapat memberi perhatian dan mengenal pasti kawasan yang kurang mendapat liputan internet dan menaikkan taraf kemudahan jalur lebar supaya dapat mengakses maklumat dengan lebih pantas.

Datuk Speaker, jika kita lihat negara-negara maju, kemudahan infrastruktur adalah perkara utama yang dititik beratkan kerana ianya merupakan asas yang penting dalam kemajuan. Hal ini menunjukkan dengan menaik taraf jalan akan membuka banyak peluang kepada pembangunan...

**Tuan Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]:** ...banyak peluang kepada pembangunan seperti sektor pertanian, pelancongan dan juga perikanan. Hal ini sekaligus dapat menaik taraf kehidupan penduduk setempat. Adalah diharapkan agar peruntukan dana yang saksama perlu diberikan kepada semua rakyat sama ada pihak kerajaan mahupun pihak pembangkang.

Kita selaku Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat haruslah berusaha berganding bahu untuk bersama-sama merealisasikan impian mereka bagi mendapatkan apa yang sepatutnya mereka perolehi tanpa mengira status dan pandangan sesama kita. Akhir sekali, pada yang beragama Islam saya ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan dan juga selamat menyambut hari raya puasa, dengan ini saya ingin menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk George Anthony Ginibun]:** ADUN Dilantik YB Datuk Amisah Yassin dipersilakan.

4:24 petang

**Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]:** Bismillahirrahmanirahim, assalamualaikum warahmatullahita'alawabarakatuh, "Salam Keluarga Malaysia" dan "Salam Sabah Maju Jaya". Datuk Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terima kasih Datuk Speaker kerana memberi kepada saya untuk berucap pada hari ini setelah sekian lama kita berada dalam suasana pandemik yang mencabar ini. Isu-isu yang saya akan bawa pada, pada sidang hari ini adalah mengenai perkara-perkara yang dekat di hati rakyat ataupun pengguna.

Datuk Speaker, bekalan telur dan ujian kit ujian pantas antigen, saya ingin merujuk kepada laporan media, beberapa minggu lalu mengenai bekalan telur ayam di pasaran yang didapati berkurangan menyebabkan orang ramai dan pengguna sukar untuk membeli di kedai dan pasaraya untuk keperluan seharian. Justeru saya meminta pihak yang bertanggungjawab agar memastikan keperluan telur mencukupi memandangkan telur pada masa kini sudah menjadi bahan makanan asas yang wajib ada di setiap rumah, bahkan telur turut menjadi bahan utama dalam pembuatan

roti, kek, kuih-muih dan pelbagai aneka masakan lagi menjadikan salah satu keperluan utama kepada para peniaga.

Sehubungan itu, saya berharap pihak Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Persekutuan serta Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna, serta peneliti masalah tersebut supaya dapat supaya tidak berulang kembali, malah kita meminta demi menjaga kemaslahatan orang ramai pada masa depan kementerian terbabit perlu menyediakan satu perancangan atau pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang supaya isu seperti kekurangan bekalan telur serta kenaikan harga telur di pasaran dapat ditangani dengan lebih efisien dan berkesan.

Saya juga di sini ingin membangkitkan isu kekurangan bekalan kit ujian pantas ataupun RTK Antigen di pasaran yang menyebabkan bilangan pengguna terpaksa mengunjungi 4 atau 5 kedai untuk membelinya. Semua ini berlaku apabila orang ramai mula bimbang selepas kes jangkitan wabak kembali meningkat sekaligus meningkatkan kesedaran bagi membuat ujian sendiri status kesihatan masing-masing. Malangnya, bekalan kit ujian berkenaan begitu terhad di pasaran menyebabkan masing-masing begitu kecewa dengan keupayaan kerajaan untuk memastikan bekalan berkenaan sentiasa ada bagi memenuhi keperluan semasa, malah jika ada sekalipun ada kedai yang menaikkan harga sekitar 10 ringgit ke atas berbanding kebiasaannya harga sekitar 5 ringgit hingga 6 ringgit.

Oleh itu, saya di Dewan yang mulia ini memohon kepada pihak-pihak berkenaan agar melakukan sesuatu bagi memastikan bekalan RTK Antigen sendiri ini sentiasa cukup di pasaran selain memastikan tidak ada pihak yang cuba menaikkan harga. Begitu juga pihak berkuasa perlu memastikan tidak ada pihak yang cuba mengeluarkan produk-produk palsu serta tidak mendapat kelulusan kerajaan atau ada orang tengah yang cuba mengaut keuntungan secara mudah. Saya turut ingin mengesa pihak-pihak bertanggungjawab agar mengawal *charge* bagi ujian RT PCR di klinik-klinik swasta memandangkan harganya berbeza-beza antara klinik malah ada yang cuba mengambil kesempatan sehingga 200 ringgit bagi satu ujian. Rakyat kini dalam keadaan tertekan dengan wabak yang tidak berkesudahan dan sewajarnya mereka tidak lagi dibebani dengan kos-kos ujian pengesanan COVID-19 ini.

Datuk Speaker, geran tahunan. Saya di sini turut ingin merakam ucapan tahniah kepada kepimpinan kerajaan negeri kerana bakal menerima geran tahunan 5 kali ganda lebih banyak berbanding yang di terima sebelum ini. Mengikut laporan media, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili memberitahu bahawa perkara ini telah dipersetujui selepas perbincangan dengan Kementerian Kewangan Negeri dan Persekutuan baru-baru ini. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas berita gembira tersebut sekaligus membuktikan bahawa hubungan baik dan kerjasama erat antara negeri dan persekutuan amat penting dalam meningkatkan kesejahteraan dan kemajuan negeri Sabah. Kita berharap kerjasama dan jalinan persefahaman antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat akan berterusan sehingga bila-bila dalam kita semua berkongsi kemakmuran ekonomi dan kemajuan kita juga berharap geran-geran tersebut mampu melonjakkan lagi kemakmuran kehidupan rakyat Sabah itu sendiri.

Datuk Speaker, krisis Perang Rusia dan Ukraine. Melihat kepada peperangan yang meletus, meletus antara Rusia dan Ukraine pada sidang Dewan Yang Mulia ini saya ingin melahirkan kebimbangan terhadap kesan yang bakal melanda negara dan negeri Sabah. Hal ini kerana sedikit sedikit sebanyak konflik dan peperangan pasti bakal memberi kesan kepada rantai bekalan makanan dan lain-lain keperluan di negara kita khususnya jika ada yang berkaitan dengan kedua-dua negara tersebut.

Merujuk kepada laporan media, negara kita didapati turut bergantung terhadap produk atau barangan dikeluarkan negara berkenaan termasuk kesan terhadap industri agro makanan kerana Rusia merupakan pengeluar utama baja kimia dunia manakala Ukraine pula antara pengeluar bijiran utama dunia.

Sehubungan itu, saya meminta agar pihak-pihak berkaitan agar tidak menunggu keadaan menjadi buruk baru kita mahu mengambil tindakan penyelesaian memandangkan perang sudah pun berlaku dan sewajarnya kita sudah mempunyai pelan tindakan pemulihan untuk mengatasinya. Jangan nanti apabila bidang pertanian kita sudah tenat atau terputus sumber input baru kita terkial-kial mahu melaksanakan tindakan alternatif sedangkan kita ketika ini sudah tenat dan bekalan makanan mula kehabisan.

Bayangkan dalam keadaan sekarang bekalan makanan kita seperti ayam, telur, minyak masak bersubsidi serta sayur-sayuran pun kadangkala kehabisan, manakan kita mampu berdepan krisis bekalan makanan lagi selepas ini. Kita khuatir jika industri asas tani negara tidak mampu mengeluarkan bekalan makanan mencukupi disebabkan perang di Ukraine, tambahan pula kita telah berhadapan dengan pelbagai ujian daripada wabak COVID-19 yang masih membelenggu negara diikuti dengan banjir besar di beberapa negeri yang menjejaskan sektor pertanian sehingga sektor berkenaan kerugian beratus juta ringgit. Saya berharap Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah serta agensi-agensi berkaitan untuk mengambil berat perkara tersebut.

Datuk Speaker, menjamin kecukupan makanan ataupun *food-security*. Menyentuh mengenai aspek kebekalan bekalan makanan kita dalam suasana ekonomi masa kini, aspek tanaman makanan dan produk tempatan amat perlu dipertingkatkan bagi menjamin kecukupan makanan ataupun *food-security* dengan izin dan memastikan masyarakat mendapat makanan yang bermutu dan berkhasiat demi menjamin kehidupan masyarakat yang sihat.

Pada masa pandemik ini dan masa endemik pada April ini, kita akan terus banyak bergantung kepada makanan luar ataupun eksport yang sudah diproses. Jika hasil tanaman segar tempatan tidak diberi perhatian untuk dipasarkan secara meluas, tiba masanya untuk negeri Sabah melalui Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah mengorak langkah memajukan pertanian selaras dengan Hala Tuju “Sabah Maju Jaya” agar dapat menghasilkan makanan sendiri dan tidak banyak bergantung kepada eksport. Tanah-tanah ladang yang berhampiran jalan raya, bandar-bandar kecil juga perlu diperuntukkan untuk tanaman makanan untuk memudahkan pengangkutan dan mengurangkan pembaziran lepas tuai atau pun *first harvest*...

**21/03/2022 - RAKAMAN 31 [04:30 AM – 04:40 AM] – [THEODORA] – RL – NELL**

**Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]:** ...lepas tuai ataupun *post harvest wastage* dengan izin. Program-program Taman Kekal Pengeluar Makanan juga perlu dirancarkan semula dengan menggalakkan para belia dan beliawanis yang benar-benar ingin maju dalam bidang pertanian.

Datuk Speaker, kajian persempadanan semula kawasan Parlimen baru-baru ini seorang Ahli Parlimen dari Sarawak meminta kerajaan memperhalusi cadangan pindaan berkaitan penambahan jumlah kerusi Parlimen bagi Sarawak dan Sabah. Memetik kenyataan Ahli Parlimen Hulu Rejang Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong di Dewan Rakyat baru-baru ini, beliau menyatakan bahawa Sabah dan Sarawak wajib diberi 1/3 daripada 222 kerusi Parlimen agar agihan kuasa dalam Parlimen tidak hanya bergantung kepada 1 pihak iaitu Semenanjung sahaja. Sehubungan itu saya di sini menyatakan sokongan terhadap saranan tersebut dan meminta anggota Dewan Negeri memberikan sokongan penuh terhadap keperluan melakukan persempadanan semula kawasan Parlimen bagi negeri Sabah. Umum menyedari bahawa kali terakhir persempadanan kawasan Parlimen di Sabah dilakukan adalah pada tahun 2003 iaitu kira-kira 19 tahun yang lalu. Oleh kerana Sabah sendiri telah melalui banyak perubahan berbanding 19 tahun lalu termasuk dalam aspek populasi dan pelbagai keperluan rakyat maka sudah tiba masanya bagi Suruhanjaya Pilihan Raya melaksanakan persempadanan semula kawasan Parlimen di negeri ini. Kita amat berharap dengan persempadanan semula ini dapat melancarkan lagi proses perkhidmatan wakil-wakil rakyat memandangkan ada kawasan Parlimen di Sabah ini terlalu besar malah...

**Timbalan Speaker [Datuk George Anthony Ginibun]:** YB tolong gulungkan.

**Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]:** berkaitan rakyat dapat disuarakan oleh rakyat. Datuk Speaker, sebagai penutup saya amat berharap berkat kesepakatan pemimpin-pemimpin kita dalam Gabungan Rakyat Sabah, pemulihan ekonomi adalah agenda kita untuk memastikan negara kita dan negeri kita tidak terus terjerumus dalam perangkap gelap pandemik dan kemunduran kita sedar pandemik Covid-19 yang melanda dunia bukan hanya menjejaskan ekonomi negeri dan rakyat malah turut menekan dan menguji kesepaduan kita dalam mengekalkan keharmonian dalam pentadbiran. Mudah-mudahan pandemik Covid ini akan segera terhapus dan negara kita dapat bangkit semula untuk memaju negara maju, aman dan selamat. Marilah kita bersama-sama terus berganding bahu dan bekerjasama dalam membawa perubahan ke arah merealisasikan impian Sabah Maju Jaya. Baru-baru ini, semasa bertitah pada Istiadat pembukaan sidang Parlimen di Dewan Rakyat baru-baru ini Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah mengingatkan Ahli-ahli Politik supaya fokus kepada kepentingan rakyat berbanding saling bertelingkah

antara satu sama yang lain. Oleh itu, adalah wajar bagi kita semua di Dewan Undangan Negeri ini turut mengambil ikhtibar dari pantun yang disampaikan oleh Baginda iaitu, Gunung Kinabalu sama di daki, sungai Pahang sama di renang, jikalau semua bersatu hati, kerja yang susah menjadi senang. Busana Tradisi kain bersulam, warnanya jingga berwarna larat, cukup lah berpolitik siang dan malam, fokuskanlah menjaga kepentingan rakyat. Dalam hal ini, saya penuh yakin jika semua pemimpin ahli politik boleh menolak ke tepi soal politik dan keperibadian Insha-Allah kita mampu memaju dan membangunkan negeri ini dengan lebih baik dan efisien malah jika semua politik bersatu hati dan saling berganding bahu kita mampu membela nasib rakyat yang kini tertekan akibat pandemik serta pelbagai bencana alam dengan lebih bersepadu, tersusun dan menyeluruh. Sebelum mengundur diri saya ini mengucapkan selamat berpuasa menjelang bulan April ini kepada rakan-rakan Islam dalam Dewan Yang Mulia ini dan juga semua rakyat Sabah yang seagama dengan saya. Datuk Speaker, saya mohon menyokong Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Waramatullahi Ta'alah Wabarakatuh.

**Timbalan Speaker [Datuk George Anthony Ginibun]:** N.1 Banggi, dipersilakan.

4:35 petang

**Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]:** Terima kasih Datuk Speaker, Assalamualaikum Waramatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih atas ruang dan peluang yang diberikan untuk sama berbahas menyatakan pendirian dan juga harapan rakyat khususnya bagi kawasan yang saya wakili dan juga amnya bagi keseluruhan masyarakat Sabah tentang Ucapan Dasar Kerajaan yang telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Negeri Sabah pada 16 Mac yang lalu. Secara peribadi saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan negeri dan mudah-mudahan segala perancangan yang tercatat pada buku Ucapan Dasar Kerajaan itu benar-benar dapat direalisasikan. Tuan Speaker, salah satu usaha kerajaan negeri yang menarik minat saya ialah mengenai memperkenalkan produk-produk pelancongan yang baharu. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya jika ada usaha meluas Kementerian berkaitan untuk melihat potensi-potensi besar kawasan luar bandar ataupun pendalaman seperti di kawasan yang saya wakili yang juga mempunyai potensi sebagai kawasan pelancongan baharu yang mana sekitarnya di kelilingi puluhan pulau-pulau kecil yang tidak kurang cantiknya.

Mempunyai kawasan terumbu karang dan terdapat sebuah bukit yang menjadi tumpuan sebilangan pengunjung tempatan iaitu bukit Sinabung yang ada air terjun dan juga sesuai untuk dibina inap desa, sebagai tempat *hiking* dan riadah. Dalam masa yang sama, kepelbagaian kaum yang ada di kawasan yang saya wakili dan juga budaya khususnya bagi suku kaum Bonggi yang lahir ataupun terdapat hanya di pulau Banggi merupakan satu produk yang unik dan sesuai di angkat menjadi produk pelancongan tempatan. Jika ianya berjaya dibangunkan bukan hanya ekonomi penduduk sekitar pulau ini bahkan ianya juga bakal memberikan impak kepada daerah-daerah terdekat seperti Kota Belud, Kota Marudu, dan juga Matunggong serta Kudat.

Datuk Speaker, walaupun saya bukanlah wakil rakyat dari Kundasang akan tetapi sebagai rakyat Sabah dan juga salah seorang pengunjung tempatan, walaupun tidaklah sekerap mana, selaras dengan pengiktirafan Taman Kinabalu sebagai UNESCO *Global Geo Park* oleh panel antarabangsa apalah kiranya pekan Kundasang itu dibangunkan agar ia menjadi sebuah bandar yang besar dengan pelbagai prasarana yang sepatutnya. Selain menjadi mercu Sabah, ianya juga pasti akan merancakkan lagi ekonomi negeri dan daerah-daerah sekitarnya.

Tuan Speaker, apa juga bentuk usaha Kerajaan untuk meningkatkan ekonomi dan juga kualiti hidup rakyat, kita selaku wakil rakyat yang ada di dalam Dewan Yang Mulia ini akan menyokong sepenuhnya, walaupun kami selaku ADUN Pembangkang berada di pihak sebelah. Cuma sebagai pemimpin, saya juga mengharapkan agar usaha-usaha tersebut perlulah seimbang dan sesuai mengikut daerah dan juga kawasan. Jangan pula nanti hanya tertumpu di kawasan-kawasan tertentu sehingga kawasan luar bandar dan pedalaman terus terpinggir. Sebagai contoh, dalam sektor perikanan, saya fikir daerah Kudat yang merangkumi pulau Banggi merupakan salah satu daerah penyumbang terbesar antara penyumbang terbesar sumber makanan hasil laut untuk negeri Sabah. Maka, seharusnya pihak kerajaan juga merancang untuk mewujudkan industri hiliran yang sesuai mungkin boleh mewujudkan kilang sardin ikan, udang dan juga sotong. Atau juga mungkin boleh diwujudkan program peningkatan ekonomi yang melibatkan komuniti setempat seperti penternakan balat yang ketika ini memang ada di pulau Banggi cuma masih dalam skala kecil. Penternakan *Lobster* ataupun udang karang...



**Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]:** ...lobster ataupun udang karang dan *abalone seafood mentiah* dalam skala besar agar bukan hanya bekalan pasaran tempatan tetapi mungkin juga sesuai untuk tujuan eksport ke negara-negara lain.

Dalam masa yang sama bila menyentuh soal peningkatan ekonomi dan kualiti hidup rakyat, saya juga... kita juga banyak bergantung kepada sejauh mana kerajaan dapat menyediakan sebaiknya kemudahan seperti jalan raya, bekalan elektrik dan juga sumber air bersih khasnya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Sekiranya tiga perkara asas ini gagal kita perbaiki, maka saya fikir usaha-usaha lain juga akan terencat dan tidak mencapai KPI sepenuhnya. Sebagai contoh pada para 19 dalam buku Ucapan Dasar Kerajaan itu dinyatakan mengenai pemasangan kemudahan internet teknologi satelit (VSAT) di 300 lokasi. Persoalan saya adakah 300 lokasi ini semuanya mempunyai bekalan elektrik ataupun sekurang-kurangnya kemudahan-kemudahan seperti jalan raya dan juga, seperti jalan raya sampai ke tempat yang telah ditetapkan? Jika tidak, ianya hanya seperti melepaskan batuk di tangga.

Demikian juga, banyak lagi usaha seperti pusat e-Desa, perpustakaan dan pelbagai lagi kemudahan yang dirangka oleh pihak kerajaan seharusnya perlu juga diketengahkan atau dibangunkan di kawasan-kawasan yang lebih jauh daripada kawasan bandar dan semestinya lah melihat kepada faktor-faktor kesesuaian yang lain.

Datuk Speaker, selaras dengan hal yang berkaitan dengan peningkatan ekonomi dan juga kualiti hidup rakyat, saya yakin dengan izin Datuk Speaker penjawat awam negeri juga mempunyai harapan yang tinggi kepada pihak kerajaan agar mungkin juga saya ingin mencadangkan supaya dikaji atau diselaraskan semula berhubung dengan gaji ataupun Elaun Perumahan ataupun Elaun Hidup Susah penjawat awam negeri agar ianya sesuai dengan tuntutan kerja dan juga keperluan harian yang semakin membebankan ketika ini.

Datuk Speaker, baru-baru ini kita dikejutkan oleh dua siri kebakaran di dua buah kampung iaitu di Kampung Landung Hayang Laut, Kudat dan di Kampung Kurnia Jaya, Batu 4 Apas, Tawau. Bahkan beberapa tahun lepas ianya juga berlaku di

beberapa kawasan dan tidak keterlaluan saya katakan jika selepas ini perkara yang sama juga akan berlaku. Soalan saya, apakah perancangan pihak kerajaan negeri dalam memastikan atau sekurang-kurangnya meminimalkan masalah ini daripada terus berlaku?

Saya juga ingin bertanya atau mencadangkan sekali adakah kerajaan negeri bercadang untuk mewujudkan sukarelawan bomba bagi kawasan-kawasan yang dikenal pasti berpotensi atau berisiko mengalami kebakaran? Maka saya mencadangkan agar pihak kerajaan dapat mewujudkan sukarelawan bomba ini dengan membekalkan kemudahan dan aset-aset asas yang sesuai serta memberikan elaun setimpal kepada sukarelawan bomba agar bila mana berlaku kebakaran, sukarelawan bomba ini dapat digerakkan secepatnya.

Tuan Speaker, untuk kawasan yang saya wakili. Saya mohon kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang juga Menteri Kewangan, kepada barisan kabinet negeri agar jenguk-jenguk lah Pulau Banggi. Saya ingat pada sidang DUN yang lepas, Menteri Kerja Raya juga ada menyebut *insya-Allah* akan turun ke pulau ini. Pulau Banggi ini ada dua kekayaannya. Pertama kaya dengan pelbagai sumber alam, maka jika dibangunkan maka manfaatnya sangat besar. Kedua pulau ini juga kaya...

**Timbalan Speaker [Datuk George Anthony Ginibun]:** Tolong gulungkan.

**Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]:** ...tetapi kekayaannya adalah kekurangan pelbagai kemudahan dan program pembangunan, jika dibiarkan maka usah kita laungkan Sabah Maju Jaya kiranya ianya menggambarkan satu kegagalan. Oleh itu, sentuhlah dan bantulah bangunkan Pulau Banggi.

Datuk Speaker, sekian ucapan perbahasan daripada saya. Saya ingin merakamkan syabas dan tahniah dan kepada kerajaan negeri dan kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri selamat berpuasa. Sekian, *wabillahi taufiq wal-hidayah assalamualaikum warahmatullahitallah wabarakatuh*.

**Timbalan Speaker [Datuk George Anthony Ginibun]:** Saya jemput N.22 Tanjong Aru.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** Terima kasih. Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih lah kerana bagi peluang untuk membahar dalam Ucapan Dasar Kerajaan dan saya ucapkan tahniah lah kepada kerajaan sebab telah pun bangkit, banyak rancangan dan juga *proposal* untuk pembangunan Sabah dan bantu ekonomi Sabah.

Tetapi saya ingin *have to do some reality check because* apabila kita turun ke bawah *to* akar umbi sana *on the ground* memang *life is really hard now*, sekarang. Kita turun di bawah sana kita ada jumpa turun lah kita *round* lah di Sabah dan kita jumpa sama rakyat dan kita nampak ada beberapa rakyat yang telah saya jumpa beberapa *family* yang saya nampak memang cukup sukar dia punya *life*, dia punya *living* sekarang.

Ada yang saya nampak, jumpa satu *family* di KK, sebab dia punya *husband* sudah tiada telah hilang kerja dia, tiada duit mau bayar sewa, tiada duit mau bayar *school fee* terpaksa pergi curi kena tangkap. So, kita kena tangkap polis itu bukan *its not right but* oleh kerana *situation* dia. *That's why we have to help to pay out school fee.* But bila saya turun ke kawasan saya jumpa satu *family couple, young couple just give birth twins*, so saya *congrats* sama dorang. *This is congratulations to the twins their give birth* tapi *baby* masih lagi di hospital, tiada duit mau bawa dorang keluar daripada hospital. Saya tanya *husband you?* Tiada kerja sudah sekarang. *It just very recently.*

Jadi telah banyak, dari tadi pun YB Sekong pun telah ada sudah bangkit ada satu menteri daripada persekutuan telah pun sudah sebut bahawa ada banyak *children drop school* daripada ini beberapa tahun dan saya percaya itu berlaku sebab itu benar. Sebab kenapa? Saya rasa sekarang saya terima menerima mesej daripada rakyat yang minta tolong bayar *school fee* tu banyak. Mungkin ratus, ratuslah kalau saya terima saja lah, lebih ratus. Mungkin kebanyakan *drop school* bukan oleh kerana dorang tak hebat atau tak pakar sebab tiada duit mau bayar. So, *this is very real situation.* So, kita kena buat *reality check* apabila kita buat rancangan kita buat semua itu tapi adakah itu betul-betul bermanfaat kepada akar umbi di bawah tu? *This really benefit the people on the ground?*

So, ini yang saya jadi di sini saya ingin bangkitlah itu isu di rumah pangsa **setok**. Tadi saya ada saya telah diberitahu di rumah pangsa ini pun saya telah sudah bangkit isu ini di mana penghuni-penghuni di rumah pangsa diminta keluar daripada rumah pangsa oleh kerana dengan alasan dia *building* tu tak *safe* lah, tak *safe*. Tapi saya diberitahu sekarang memang akan mungkin LPPB atau pihak daripada kerajaan memang ada lantik satu *independent* punya *contractor* untuk buat sekarang keseluruhan *whether the building is safe or not lah*. Jadi saya ucap terima kasihlah kepada pihak daripada kementerian atau dari LPPB dan saya minta itu *report* apabila sudah siap boleh *deliver* kepada penghuni-penghuni rumah pangsa lah secara *transparent* supaya semua orang tahu sebenarnya apa tu *status building* itu.

Dan ini yang sebenarnya yang kita mau *dialog* dan juga *report* dibuat daripada *professional* supaya kita tahu apa sebenarnya *status* rumah itu. Adakah selamat untuk ditinggal? Kalau tak, kita mintalah kaji daripada kerajaan atau perumahan Kementerian Perumahan untuk sediakan tempat di mana dorang mahu pergi. Sebab apabila kita kalau ada itu *dialog* lah boleh buat itu *dialog* boleh kita jumpa ada tadi yang ada daripada YB daripada tak boleh ingat mana satu kawasan tapi ada dia sebut banyak satu rumah banyak keluarga, itu betul. *That's a reality. Even* di rumah pangsa. Ada bergenerasi memang tinggal sana 40, 50 lebih tahun. Ada *grandmother* dia, ada *children* dia dan ada *grandchildren* dia dalam *family* tu. Ada berapa keluarga dalam satu rumah walaupun kecil. So...

**21/03/2022 - RAKAMAN 33 [04:50 AM – 05:00 PM] – [CHARITY] – RA – MM**

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** ... rumah walaupun kecil. So, sekarang kebanyakan pun memang sudah tiada *saving* sebab *depleted from the COVID* punya *effect*. Kalau ada *saving* lah, ini pun sudah tiada, kerja pun telah hilang, banyak *family* lagi. Mana diorang mau pergi? *How they gonna move out?* So, ini adalah tanggungjawab kerajaan untuk sediakan tempat untuk diorang dan kita cadangkan lah sebab saya diberitahu saya nampak ada satu berita kalau lah, kalau itu tempat kalau *report* tu, rumah pangsa tu masih sesuai atau masih *safe* lagi untuk ditinggal, saya minta lah kerajaan, pihak daripada kerajaan untuk teruskan *maintain* rumah pangsa. *At least after the COVID, let everybody recover* daripada kesukaran ni. *Then we look for the way forward*. Kalau tak, *if the report come out, it's not very positive, then maybe we can* cadang ada tempat PPR Kibabai, ada 760 unit saya

diberitahu akan *complete* pada Jun. *I really really ask government to consider.* Jangan minta kita punya apa ni kita penghuni-penghuni yang pindah, tak tau pergi mana. Dengan satu masa depan yang tidak tentu langsung. *So, it's very difficult. I think it's very difficult* kalau *we just need to have a dialogue. All we need is to have a dialogue and just need to meet up with the families and you* akan nampak sendiri. Berapa sukar sekarang *family* yang tinggal di sana ya.

Ya lah jadi kita tunggu lah itu laporan daripada, eh tidak lah saya mau tanya adakah itu benar daripada mungkin pihak kerajaan sudah, telah pun sudah lantik kontraktor yang *independent* untuk buat itu *test* lah? Apa, adakah itu rumah pangsa masih lagi *safe* untuk di, di *occupied*? Dan kalau, kalau betul, kalau itu memang *report* itu tak *safe, where are we gonna put our people* lah? *So, ini soalan dia.*

Jadi saya nampak ada berapa, saya nampak memang ada banyak rancangan daripada Kerajaan Negeri Sabah. Saya ingin cadang lah bahawa kerajaan kena *put in effort to help SME and business community* sebab saya nampak tak banyak **realita** atau *insignificant effort* untuk bantu sama *SME* dan juga *business community despite high revenue*. Ini saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sebab telah pun sudah dapat *revenue* yang paling tinggi dalam sejarah Sabah ini. Walaupun dengan *revenue* yang, yang tinggi tapi saya nampak tak cukup *effort* lah untuk bantu sama kita punya *business communities* dan saya bagi berapa contoh lah, berapa contoh dalam dasar, saya minta kerajaan kalau boleh daripada ketua menteri dan juga kewangan lah Menteri Kewangan untuk merangkap, Menteri Kewangan untuk *review* balik implementasi *of* berapa dasar dalam kerajaan dalam ini tahun dan tahun yang lalu.

Nombor satu, *sales tax. Sales tax export seafoods, export taxes* ini telah pun saya rasa YB Timbalan Ketua Menteri, Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri telah pun setuju bahawa ada satu surat daripada kementerian dan ada satu tandatangan nota daripada ketua menteri juga kepada MOF untuk tangguhkan *seafood sale tax*. Saya, kita ada nampak lah surat dia lah dan pada tahun ini, banyak itu *agriculture farm* dan banyak itu *seafood industry players unable to renew* dia punya *license*. Sebab kenapa dorang tak bayar? Sebab kenapa? MOF bubut balik, bubut balik *tax* tu yang, yang tahun yang lalu. Sebenarnya itu yang ditangguhkan.

Ada surat daripada menteri dan juga timbalan pembantu menteri ke MOF untuk tangguhkan tapi masih lagi diorang bubut dan sekarang tak dapat *renew license*. So, ingin mau tanya, apa dia punya status dia dan juga kenapa *processed food*, saya diberitahu yang dahulu kalau *fishery process food*, kena *process with downstream*, itu tak *tax*. Itu, saya masih ingat lagi dalam kita punya *proposal* daripada apabila kita dalam kerajaan lah buat apabila saya masih lagi menteri itu, kita *proposed processed food downstream* kita ingin *encourage* banyak *investors* datang ke Sabah untuk buat *downstream* dan supaya kita tak *tax* diorang, sebab diorang buat *downstream*. Sebenarnya tak *tax* tapi sekarang *tax*. Itu *tax processed food downstream* itu pun *tax*. *Aquaculture farm* pun diorang *tax*. Sebenarnya kita minta dari, kita alu-alukan *investors* daripada luar untuk masuk ke Sabah untuk buat *aquaculture* tapi sekarang kita daripada *aquaculture* pun kita *tax*. So, we, it's very difficult. We can't keep up the competitiveness and a lot of them are gonna move out and this is one of policy that I believe that government should review. Sebab apabila kita bantu sama *SME*, bantu sama *farm*, bantu sama industri, bantu sama *player* ini, diorang akan dapat *maintain* kerja atau *create more jobs* for kita punya rakyat di Sabah ini tetapi apabila diorang pun tertekan terpaksa lah banyak akan keluar pakai pergi Indonesia, pergi tempat lain.

Dan satu lagi, dia, kita eksport *tax*. Kalau kita eksport pergi ke *Singapore* dan pergi tempat lain kita *tax*, itu saya boleh faham. Kita ini hantar ke dalam Malaysia juga. Kena *tax* juga. Kalau daripada Sabah itu kena *tax*. So something (mencebik) *not, not very clear* lah ya? Kalau dia mau *tax* dengan *live fish*, dia mau *tax* dengan *crab*, dia mau *tax* dengan *lobsters* yang memang *luxurious fishery product* itu saya faham. Itu saya setuju. Tapi kalau proses, kalau *aquaculture farm*, kalau *local market* sendiri saya minta lah *review*. *Review this policy* supaya kita bantu lah sama kita punya *business players but not to make them more difficult*. Ada satu pun, kita itu *scrap metal industry* pun diorang minta *export tax* 200 per kg, diorang tiada, tak untung. Kalau diorang tak untung nanti akan diorang potong dari segi pekerjaan, dari segi *unemployment* diorang akan *retrenched*. So, a lot of our workers gonna face more problems and now they are already, a lot of them don't have jobs already.

So ini lah saya minta, kita boleh *review*. Ada lagi satu lagi, *COVID bill*. Dia ada satu *COVID bill, temporary measures reducing impact* lah *Enactment 2020* dibangkitkan, *this is good*, sebab ia bantu untuk *reduce impact* untuk kita punya *property* dari segi

*property dan developers lah. Tapi Sabah registration, saya diberi, saya baca itu dia punya buku di extended sampai 31 Mac 2021, 31 Mac 2021 tahulah 2021 tapi West Malaysian extended to 31<sup>st</sup> December, 9 more months, 9 months more, they extended another 9 months more for for West Malaysian, for West Malaysia. Sarawak extended to this year October, this year October, that means more than 24 months but Sabah only extended until March 31<sup>st</sup>. I think we also need to review. Why so different? Kenapa kita punya, why we are not give the same privileged like the rest of the states, in West Malaysia? I think this one we need to review to help since this is the purpose is to help, is to help build overcome the COVID barrier impact. So, I believe this will be very important lah, so similarly I, there are, these are the few examples because we don't have a lot of time but I asked similar considerations will be given to other industries to reduce the COVID impact. That's why when we asked we talk about export tax kalau kita boleh minta tangguhkan export tax untuk scrap metal, itu bukan bantu diorang, itu untuk consideration supaya reduce itu impact COVID. Reduce impact COVID. Let them survive first, let them come over, overcome this hurdles so that they can create more jobs, they can maintain more jobs. Similarly for agriculture, similarly for fisher sectors.*

Dan saya ingin bertanya di sini Datuk Speaker, *SFI workers* telah pun sudah sampaikan kepada kita, kita saya minta lah, saya tanyalah, tanya. Dia punya *last salary* Mac 2021, *pending salary April-September*, April sampai September 2021, *lay off* September sampai Mac tahun ini. *Lay off* ah and then not extended lagi, *lay off* sampai September tahun ini, gaji itu *pending* belum dapat, *last salary* Mac 2021.

**Tuan Speaker:** YB tol, *please*, buat penggulungan.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** Ya, saya ingin tanya lah apa sebenarnya statusnya untuk *SFI*, pekerja *SFI* di sana. Apa yang dia punya itu nasib, masa depan diorang? *Ok?* Satu lah, *very quickly*. Kad warga asing. *What is the progress and who is eligible? And how many will be given out? How many are given out?* Ini kita ingin tanyalah, *very quickly*.

*Ok*, Datuk Speaker. Saya ingin mau gulung, sebelum saya gulung lah. Saya, kita sudah ada, ada di apa ni kita panggil, ada kempen di Johor, ada pergi di Semenanjung, kita ada sampai kampung, saya ada nampak Datuk, Datuk Timbalan

di sana di *I think* Paragon ka hotel kalau saya tak salah, tak silap saya ada nampak Datuk Seri di sana terlampau jauh lah tak dapat panggil. Tapi tak pah. *It's ok*, saya bagi tahu saja lah. Ya, so kita telah pun sudah *travel, West Malaysian* dan saya ada nampak ada 3 *issues* ah. 3 *issues* di Semenanjung. Tak pernah pun orang bangkit isu ni, tiga-tiga isu ni. Ini isu tapi *election in, election out, in Sabah* kita balik-balik bangkit *for as long as we live* lah. *What are the 3 issues?* Nombor 1, jalan raya kita sampai **bekuk**. Cukup jauh, cukup jauh, saya pakai saya ingat jauh betul sebab saya apabila saya tengok. Eh, berapa dia punya kilometer? Wah, 300! 300 lebih kilometer itu jauh sampai berapa jauh sudah. Mungkin Kimanis mau 1 2 ah mau 3 4 jam kalau sini lah, ikut rekod sini, jalan kita punya jalan. Tapi kalau kita jalan sana tak sampai 2 jam sampai. Eh, dekat juga ni! Di sana tak pernah ada jalan raya punya masalah. *Even* kampung sampai lah kota sampai kampung ada jalan raya yang baik di sana. Kedua...

**21/03/2022 - RAKAMAN 34 [05:00 PM – 05:10 PM] – [MD. AMIRUL] – NN – NELL**

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** ... raya yang baik di sana. Kedua, kalau di sini kita nampak di kedua isu ini kalau kita nampak itu jalan raya di Sembulan pun Datuk Seri Datuk Menteri Timbalan Ketua Menteri, jalan di Sembulan pun tak *maintain*. Banyak itu jalan di Sembulan pun sudah rosak, itu *drainage* pun kita nampak tak *maintain* langsung dan sudah sumbat. Ini di sebelah JKR *building* saja, itu pun tak dapat *maintain*. *Then* isu kedua apa, *water*. Tak pernah diorang bangkit isu *water* di Semenanjung. Tiada isu *water* sampai kampung pun tiada masalah air bersih semua sampai *and* di sini itulah saya pun telah pun sudah bangkit 2 kali Datuk Timbalan Ketua Menteri. Pulau ini sampai sekarang itu kita sudah baru-baru ini kita pun sudah lawat beberapa hari yang dahulu. Itu paip pun sudah ada, itu meter pun sudah ada, sampai hari ini lagi itu air pun tak pasang kepada rumah dorang dan saya tahu tadi ada banyak pun telah sudah bangkit isu tentang air ada sampai 3 minggu 4 minggu. Di Sepanggar, di Tuaran sebenarnya pun ada sampai 4-5 minggu tak ada air dan ini masalah kita pun tak faham kenapa dia pandai berlaku.

Inilah saya minta penjelasan daripada Datuk Timbalan Ketua Menteri sebab bayangkan endemik 1<sup>st</sup> of April, ya. Datuk Speaker, saya mahu gulung sudah *last* sudah. Itu endemik 1<sup>st</sup> of April, jadi *tourist local tourist* akan mulai balik Sabah *and*



*then maybe more tourist* kalau dia buka banyak buka mungkin dorang datang ke Sabah. Apabila datang ke Sabah, sekarang pun tidak cukup air. Sekarang pun tak cukup air so apabila *tourist* sudah masuk ke Sabah *what's gonna happen to us? What's gonna happen to us, so this is one very important question, I think everybody need to look into and seriously and find a solution.* Sebab ini memang saya rasa cukup penting.

Jadi last, *electricity*. Tak pernah ada isu *electricity* pun di Semenanjung. Ada yang *complaint* mungkin internet tak cukup cepat mahu 5G. Macam itulah dorang *complaint* di sana. Tak pernah pun ada isu *electricity* tapi di Sembulan *recently* pun kita saya telah pun sudah lapor kepada SESB. Balik-balik *current* putus-putus, sampai di Sembulan kita punya rakyat di Sembulan pun sudah marah. Bukan apa, *electronic appliances* semua pun sudah rosak. *Fridge* dia, *TV* dia, balik-balik putus buka putus buka *air cond* dia sudah rosak, Jadi inilah saya mintalah, saya minta daripada kerajaan, Datuk Speaker saya gulung, saya gulung dengan minta kerajaan untuk betul-betul *review* balik dasar. Bantulah sama *business community*, bantulah sama SME, supaya *we can maintain more jobs, we can create more jobs for our workers.* Kalau dorang tertekan banyak *people* akan *lose their job and then moratorium. Moratorium is finishing I think by this March, I think by this March we are finishing moratorium. A lot of people will face a lot of problem and their are very real. Very real problem there is no politicking anything* lah *we just bring up the issues so that we can look into seriously. Government must implement something to help seriously. Lets not politicize anything* lah, *lets look at this seriously and so I ask* pihak daripada kerajaan untuk *rectify daily problems* yang paling asas itu, jalan raya, air, *electricity by the rakyat this very basic.* Bukan mahu *upgrade* pun *maintain* saja dan *maintain a decent quality for Sabahans.* Dengan itu saya mohon cadang. Terima kasih Datuk Speaker.

**Tuan Speaker:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Aru. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Karamunting.

5:07 petang

**Tuan Hiew Vun Zin [Karamunting]:** Terima kasih Tuan Speaker. Selamat petang rakan-rakan yang ada di Dewan Mulia ini. Pertama sekali saya ingin nak sentuh sedikit tentang *local issue* di Karamunting ialah bangunan Pasar Karamunting. *Ok ini under*

Kerajaan Tempatan. Pasar Karamunting bangunan ini sudah siap sampai sekarang lebih kurang dalam 10 tahun tetapi sampai sekarang hampir-hampir mahu roboh walaupun masih berfungsi. Saya telah berpuluh-puluh kali menyuarkan keresahan bagi pihak warga-warga DUN Karamunting serta warga Sandakan mengenai kerosakan struktur pasar Karamunting yang semakin hari semakin parah kepada pihak Majlis Perbandaran Sandakan untuk tindakan lanjutan dalam kadar yang secepat mungkin. Namun yang demikian, suara-suara tersebut seperti masuk telinga kanan dan keluar telinga kiri. Seluruh kaki lima di pasar ini tidak lagi sesuai digunakan kerana ianya sama ada telah retak ataupun sudah berombak-ombak akibat tapak bangunan sudah terdedah kepada hakisan air laut yang terlampau. Di mana kerosakan ini semakin hari semakin mengancam keselamatan pengguna-pengguna pasar ini. Sistem aliran air dari bumbung telah jauh berpisah dari tiang asal ataupun *sinkhole* mula membentuk. Cerah retakan kelihatan sudah banyak lagi menunjukkan betapa *serious* kerosakan tapak bangunan. Bukan sahaja bangunan di luar jalan di sekeliling pasar ini, itu lubang sampai kancil pun boleh hilang kalau jatuh dalam. Saya pun pernah buat banyak kali aduan dalam Majlis Perbandaran Sandakan tetapi sampai ini hari belum ada tindakan dari pihak kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Menteri, saya ingin tanya adakah pihak yang bertanggungjawab hanya akan bertindak setelah berlakunya kemalangan jiwa atau adakah warga-warga Sandakan khususnya Karamunting hanya layak menikmati pasar awam bertaraf hidup segan mati tak mahu. Rata-rata warga Karamunting hanya berharap kerajaan membaiki pulih kerosakan-kerosakan tersebut demi keselamatan semua pihak. Adakah ini permintaan yang terlampau dari rakyat? Semoga Yang Berhormat Datuk Menteri yang bijaksana memberi perhatian terhadap perkara ini demi kesejahteraan rakyat ataupun lepas sidang ini saya jemput juga Datuk Menteri atau pembantu-pembantu menteri datanglah pasar ini rasa dulu sendiri.

Selain daripada itu Tuan Speaker, sebahagian besar jalan-jalan luar bandar ini berlubang-lubang sudah. Khasnya di antara Telupid, Sapi Nangoh, Beluran dan faktor-faktor ini merupakan salah satu punca utama kemalangan jalan raya di Sabah. Malah, jalan-jalan teruk tersebut turut menyebabkan ramai yang semata terbabas ataupun mengalami kerosakan kenderaan yang teruk dan terkandas di tengah jalan. Berapa lama lagi rakyat Sabah perlu ditindas? Adakah rakyat Sabah hanya boleh

menikmati kemudahan asas yang baik di Malaya? Sebetulnya kerajaan Sabah sepatutnya memperolehi mempersoalkan Bajet 2022 yang telah dibentangkan ini akan lebih banyak peruntukan disalurkan kepada Sabah demi menaikan taraf infrastuktur-infrastuktur asas di seluruh Sabah, khususnya jalan-jalan dan bekalan air paip yang bersih.

Di Malaya, berpuluh-puluh tahun sudah mempunyai jalan raya yang cantik bertingkat-tingkat, lebuhraya dari selatan sampai ke utara dan dari pantai timur sampai ke pantai barat. Di Sabah ada apa? Jalan-jalan yang tidak beraspal, jalan-jalan *gravel*, jalan-jalan berlumpur, setiap minggu mesti terbaca di *Facebook*. Ada anak-anak Sabah meminta kerajaan akan jalan-jalan tersebut dibaik pulih.

Tuan Speaker, yang saya hairan dan kecewa, Menteri Kerja Raya jawab dalam *Facebook*. Ini bukan tugasnya. Ini bukan tanggungjawabnya. Kalau Tuan Speaker, kalau bukan tanggungjawab Menteri Kerja Raya tak mungkin tanggungjawab saya ataupun rakan-rakan duduk di pembangkang dan juga dalam tadi pagi dalam sesi jawab tadi pagi itu. Menteri Kerja Raya ada kasih tahu ini jalan di Telupid sampai Sandakan tidak akan dibuang duit oleh kerajaan....

**21/03/2022 - RAKAMAN 35 [05:10 PM – 05:20 PM] – [INTAN AZWANA] – TJ – TRESA**

**Tuan Hiew Vun Zin [Karamunting]:**...Sandakan tidak akan dibuang duit oleh kerajaan, kerajaan untuk baik pulih sebab ada Pan Borneo dalam 2 3 tahun ini mungkin kita mahu pakai jalan yang begitu buruk jadi ini pun aaah.. saya rasa amat sakit hatilah kalau kita dengar begitu dan sebetulnya kalau dalam ini 2 3 tahun ini kita pakai jalan yang begitu buruk, saya minta Menteri Kerja Raya di Sabah ini minta dalam Parlimen kita kasih *waive* road tax ataupun *tax* kenderaan di seluruh Sabah sebab kalau tidak, tidak *fair* kita bayar *road tax* yang mahal tapi kita pakai itu jalan mahu sabar-sabar ini tidak adil. Jadi, Tuan Speaker, saya rasa kita cukup masa kita jangan biar anak Sabah ini sudah cukup susah dan sebab saya baru-baru dari Sandakan pergi dewan sidang ni, saya pun pakai ini jalan saya pun nampak berapa kereta *parking* di siring jalan.

Kereta walaupun mewah ataupun *four wheel* tapi tayarnya pecah walaupun tayar baru, rimnya pecah ini kerugian mereka walaupun sekarang ekonomi yang begitu

buruk jadi saya harap pihak kerajaan boleh timbang rasa dan ambil tindakan untuk kasih baik pulih yang jalan ini sebelum jalan Pan Borneo yang siap kita ini inilah jalan kita pakai tiap-tiap hari. Jadi selama-lama rakyat Sabah hanya boleh bersabar, oleh yang demikian Tuan Speaker, Sabah Maju Jaya harus dirapikan dengan pelan-pelan yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat-rakyat Sabah iaitu dengan adanya infrastruktur-infrastruktur asas yang baik bukan hanya sekadar laungan lisan yang tidak membawa sebarang perubahan.

Jadi itu saja Tuan Speaker, selain daripada itu saya minta di sini saya mahu panggil 1 isu lagi ialah air. Air di Sandakan ini, *I think* bukan sahaja di Sandakan di seluruh Sabah ni betul masih dalam zaman 80an 90an sebab bila kemarau tiada air, bila hujan kuat tiada air juga bila saya tanya di Jabatan Air, jawapannya takut pam rosak jadi bila kemarau pam tidak boleh fungsi, bila hujan kuat dia takut air itu apa itu air kotor masuk terlampau banyak *jammed* itu pam jadi dia tutup itu pam. Jadi, Tuan Speaker ini adalah satu masalah kita Sabah Maju Jaya, ini slogan bagus tapi bila kita turun pergi bawah apa itu Sabah Maju Jaya, ini langsung tidak masuk akal jadi saya minta menteri-menteri yang ada sekarang lepas sidang ini kalau boleh masing-masing turun pergi bawah jangan kita duduk di dalam *office* ataupun pakai telinga saja kita turun pergi bawah kita pakai mata sendiri pergi tengok apa yang masalah di seluruh Sabah ini *compare* sama semenanjung kita langsung jauh bezanya. Jadi, Tuan Speaker, di sini itu saja saya mahu menyampaikan masalah-masalah jadi sekian terima kasih Tuan Speaker.

**Tuan Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat daripada Karamunting. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat daripada N60 Tungku.

5:13 petang

**Tuan Assafal bin P.Alian [Tungku]**: *Bismillahirrahmannirrahim Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker keatas peluang-peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta berbahas tentang soal ucapan dasar kerajaan yang telah disampaikan sebelum ini. Seperti biasa Yang Berhormat Speaker, saya ingin bercakap soal kawasan saya dulu sebenarnya kalau difikirkan macam penat sudah mahu cakap tetapi inilah realiti kita di Sabah Tuan Speaker, saya sebut sajalah yang penting rakyat saya di bawah sana tahu yang kita sudah cakap walaupun sudah berulang kali.

Saya menyebut kawasan Tambisan, Tanjung Labian, Felda Tungku, Ulu Tungku Silabukan dan Segangan masalah dia sama, masalah jalan, letrik dan air. Serta talian telekomunikasi dan juga internet, masalah yang sama. Seterusnya bagi kawasan saya juga di luar bandar masalah yang sama adalah masalah soal kemiskinan luar bandar di mana kerajaan harus mengambil satu langkah yang saya rasa lebih ke hadapan bagaimana kita boleh membantu masyarakat luar bandar kita supaya kehidupan mereka lebih baik dimasa akan datang.

Seterusnya, Tuan Speaker saya juga ingin bercakap soal kawasan saya ialah soal berkaitan dengan pendidikan sebab sebelum ini kita ada cadangan sebuah sekolah menengah akan dibina di Tungku dan sebagai langkah awal ke arah itu adalah kita telah berusaha untuk mengadakan konsep K9 yang akan diadakan di S.K. Pajal. Di mana pelajar-pelajar daripada darjah 6 yang akan naik tingkatan 1, 2 dan 3 akan menumpang di sekolah tersebut. Namun demikian saya ada mendengar perkhabaran bahawa program tersebut telah dibatalkan atas sebab yang saya tidak ketahui.

Seterusnya Yang Berhormat Speaker, saya ingin bercakap bagi pihak masyarakat saya di kawasan Felda sebelum ini Kerajaan Negeri telah mengeluarkan geran hak milik tanah peneroka kepada mereka tetapi sehingga kini saya difahamkan tanah tersebut belum berada di tangan mereka dan antara satu masalah ialah peneroka-peneroka tersebut terpaksa membayar premium terhadap tanah tersebut dan disini saya merayu bagi pihak peneroka dan masyarakat saya di Felda supaya kerajaan mempertimbangkan satu mekanisma di mana pemilikan tanah tersebut boleh dipermudahkan dan kalau ada cara mungkin jumlah premium boleh diturunkan ataupun kalau boleh *waive* lah supaya mereka dapat tanah yang mereka inginkan selama ini.

Yang Berhormat Speaker, sebenarnya bila saya cakap saya macam penat mengenai kawasan tadi tu, apa bah sebenarnya masalah kita di sini di Sabah ini? Adakah kita wakil rakyat yang ada di sini tidak ada berkeinginan untuk melihat rakyat kita juga maju dan merasa nikmat pembangunan kemerdekaan seperti mana tempat-tempat lain. Bagi saya masalah kita sebenarnya kita tidak ada duit Tuan Speaker, Yang Berhormat Speaker. Kita kekurangan duit untuk membangunkan Negeri Sabah ini. Ini sudah jelas terbukti tetapi kita tahu Negeri Sabah ini adalah

sebuah negeri yang kaya *bless* dengan semua macam-macamlah hutan, lautan dan masyarakat yang bijak pandai, *handsome-handsome*, cantik-cantik.

Sebenarnya ini adalah kelebihan tapi kita masih juga berhadapan bercerita benda yang sama daripada saya mula jadi ADUN sampai sekarang cakap benda yang sama. Jadi sebenarnya masalah kita ni sebenarnya, kita Sabah ni tidak ada duit. Kita ada duit tetapi bukan kita yang pegang. Orang lain yang pegang. Bila kita minta itu duit kita tidak tahu bila kita akan dapat. Kalau kita minta duit walaupun sudah dibagi tahu 5 bilion 1 tahun, tetapi yang kadang-kadang sampai cuma 1 bilion 2 bilion.

Ini benda berlaku kita di Sabah. Itu sebabnya kerajaan negeri dalam sidang yang lepas saya bagi tahu kerajaan negeri tidak boleh terlalu bergantung kepada kerajaan persekutuan untuk membangun kita, membangunkan negeri ini. Seterusnya Yang Berhormat Speaker, saya ingin sentuh sedikit bukan sedikit, banyaklah mengenai Ucapan Dasar Kerajaan Negeri di sini tapi saya akan sentuh sepintas lalu ya. Yang pertama sekali, kepada Kementerian Pelancongan saya mohon penjelasan mengenai rancangan-rancangan untuk membawa memperhebatkan pelaksanaan program untuk memohon produk pelancongan baharu berasaskan alam semulajadi, tolong bagi penjelasan kepada saya apakah ini dimaksudkan dengan anak angkat rangka karang di bawah inisiatif Hala Tuju "SMJ", pertama.

Keduanya, yang Speaker, Yang Berhormat Speaker, Kementerian Pertanian, Kementerian Pertanian mengenai inisiatif pemasangan *intruder intervention veslo monitoring system* kalau boleh saya minta menteri boleh memperjelaskan benda ni sejelas-jelasnya supaya kita faham apa yang dimaksudkan dengan sistem tersebut. Keduanya, mengenai Kementerian Pertanian, program pengeluaran makanan yang diusahakan untuk membantu kita punya industri akuakultur. Masalah yang selalu kita hadapi, saya terlibat dalam penternakan akuakultur. Masalah yang kita hadapi makanan udang kah? ikan kah? adalah 50% daripada kos operasi industri tersebut dan...

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** ... kos operasi industri tersebut dan mungkin kerajaan negeri sudah boleh memikirkan sesuatu ke arah itu. Seterusnya, ada satu disebutkan di sini mengenai perkhidmatan digital berasaskan peranti mudah alih yang inovatif yang juga akan dilaksanakan bagi membantu nelayan pesisir pantai, apa ini? Saya mohon menteri boleh bagi tahu kita lah, apa faedah yang kita boleh dapat, bagaimana sistem ini berfungsi dan bagaimana dia akan dilaksanakan pula nanti? Dan bagi para pekebun kecil, ada satu inisiatif yang disebut sini bagi meningkatkan pendapatan para pekebun kecil, kerajaan negeri akan meneruskan program aktiviti ekonomi tambahan, bagi memberi bantuan kepada pekebun kecil untuk menanam halia, pisang, nanas, penternakan ikan dan lain-lain.

Yang Berhormat Speaker dan juga kepada menteri nanti kalau boleh saya mencadangkanlah, dalam usaha kita untuk membantu masyarakat luar bandar ini, meningkatkan taraf hidup mereka, adalah dengan memberikan pendapatan kedua dan ketiga setiap masyarakat. Sebagai contoh, kalau dia sudah seorang pekebun kecil kelapa sawit, mempunyai tanah 15 ekar, kita mesti usahakan supaya pekebun kecil tersebut tidak perlu terlalu bergantung kepada pendapatan hasil sawit itu saja, walaupun harga sekarang sudah 1,600 - 1,500. Mungkin apa yang kerajaan boleh fikirkan, bagaimana boleh buat program intergrasi pertanian, supaya pekebun tersebut mempunyai sumber pendapatan kedua dan ketiga, walaupun di masa akan datang, katakan harga sawit sudah turun balik kepada harga 350 ataupun 500 ringgit. Dia sudah ada pendapatan lain yang menunggu untuk *cover-up* balik kerugian dia. Seterusnya Yang Berhormat Speaker, saya juga ingin bertanya kepada menteri yang berkenaan mengenai, sebab barang ni, sebelum ni, memang sudah ada dalam kita punya belanjawan bah ni dan Ucapan Dasar Kerajaan, mengenai kerajaan negeri dalam perancangan untuk memasang kemudahan internet teknologi satelite V-set, di 300 lokasi yang dikenal pasti pada tahun ini. Saya harap barang ini dipercepatkan sebab, tak lama lagi anak-anak kita akan pergi ke sekolah dan kita akan berada dalam fasa pra-endemik, di mana kehidupan kita akan balik kepada normal dan keperluan ini akan semakin mendesak di kawasan luar bandar.

Seterusnya Yang Berhormat Speaker, satu cadangan dan rancangan daripada kerajaan negeri mengenai penubuhan majlis, penubuhan Universiti Teknikal MARA

di Sabah. Saya bagi pihak masyarakat Tungku, bagi pihak Parlimen P.188 Lahad Datu memohon supaya kalau universiti ini boleh menjadi realiti di masa akan datang, tolong buat di kawasan kami.

Seterusnya Yang Berhormat Speaker, mengenai program pengukuran tanah pantas oleh kerajaan negeri, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada usaha berterusan ini, sebab ini adalah satu cara kita bagaimana kita boleh membasmi kemiskinan dengan memberi hak milik ataupun kekayaan kepada masyarakat luar bandar. Dalam masa yang sama, masalah yang selalu dihadapi oleh jabatan tanah dalam usaha proses pengukuran ini adalah masalah pertindihan tanah-tanah yang dipohon. Jadi kalau boleh kerajaan harus memikirkan bagaimana cara untuk menyelesaikan soal pertindihan tanah tersebut dan bagaimana Pemungut Hasil Tanah peringkat daerah boleh bersikap proaktif dalam menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Speaker, ada disebutkan di sini mengenai usaha kerajaan dalam pelaksanaan pembasmian kemiskinan mengenai Mini Estet Sejahtera. Saya mohon Yang Berhormat Menteri yang berkaitan, tolong lihat kepada MESEJ Nala di Tungku. MESEJ ini telah sekian lama diwujudkan tetapi tidak berjaya dilaksanakan sepertimana yang sepatutnya. Dan saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan, kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengenai kerajaan telah bersetuju pada dasarnya untuk menubuhkan unit kemiskinan, sebagaimana yang ditubuhkan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah untuk membantu mempercepatkan usaha membasmi kemiskinan khususnya miskin tegar di negeri Sabah. Kalau boleh benda ni dipercepatkan, dan mesti dilaksanakan di peringkat daerah sebanyak mungkin dan ada satu perkara lagi di muka 19 ucapan dasar ini, mengenai bantuan-bantuan pelajaran dan pendidikan yang disediakan oleh kerajaan. Sebagai contoh Bantuan Pendaftaran IPT *one-off*, BUDI, BAKTI, BAIKS, *IMPACT*, BAGUS, BISBA, AKSA, peruntukan-peruntukan ini memang wujud. Saya nampak dan saya senang hati, tetapi saya tidak pernah nampak berlaku di kawasan saya. Kalau boleh kerajaan mesti melakukan dan mencari cara yang paling memudahkan, supaya kita-kita Wakil Rakyat yang ada di sini senanglah sikit kerja kita. Biasanya kalau buka sekolah, universiti buka, kita pun mula sakit kepala, garu kepala, semuanya datang kepada kita, minta *lap top* lah, minta yuran pendaftaran lah, minta semua. Tetapi kalau saya tengok kepada perkara ini, sepatutnya kita tidak ada masalah sudah Yang Berhormat Speaker.



Seperkara lagi mengenai benda ni, ada disebut sini mengenai *home ward*, iaitu di mana pesakit-pesakit kronik yang berada di luar akan diberi bantuan. Di kawasan saya, saya terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk membantu mereka, dan kalau betul lah barang ini ada dalam sistem pentadbiran kita, ini adalah satu usaha murni dan kerja murni yang baik dan harus disokong dan harus dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Sebabnya ramai di kalangan masyarakat kita Yang Berhormat Speaker di luar sana, yang sakit, sakit tenat, tidak berkemampuan, dia punya makanan pun kita bantu, dia punya *pampers* pun kita bantu, dia punya susu pun kita bantu, dan kalau ini boleh dilaksanakan, alhamdulillah. Saya rasa ini adalah satu usaha yang baik.

Bagi kerajaan tempatan, Yang Berhormat Menteri, ada disebut di sini, kerajaan negeri akan terus memperkasa usaha untuk memacu pertumbuhan ekonomi agar lebih berdaya maju, melalui pembangunan infra, kemudahan awam di kawasan pihak PBT, seperti pasar umum, tapak tamu, gerai, kiosk, bla, bla, bla dan seterusnya. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri mengenai kawasan ataupun Lahad Datu, baru-baru tu saya melawat ke pasar awam Lahad Datu dan peniaga-peniaga situ menyatakan *concern* mereka mengenai keadaan pasar yang sudah uzur, keadaan meja yang tidak pernah ditukar, dan keadaan tandas, apa semua tidak diurus dengan baik. Saya mohon perkara ini diselesaikan, dan begitu juga, di Lahad Datu ni dia ada *special* sikit, dia ada pasar di dalam, dia ada pasar di luar pintu masuk. Saya tidak tahu bagaimana dia berlaku tetapi keluhan daripada peniaga-peniaga yang ada di dalam sana, mereka ini adalah peniaga-peniaga yang tidak mempunyai lesen, berniaga di kaki lima pasar, dan ini harus diambil satu langkah yang sesuai dan memudahkan semua pihak.

**Tuan Speaker:** Mula gulung ya, Yang Berhormat.

**Tuan Assaffal bin P.Alian [Tungku]:** Gulung, ok. Seterusnya Yang Berhormat Speaker, saya ingin menarik kepada Perkara 21 kerajaan negeri juga akan meneruskan tuntutan hasil melalui rundingan Perjanjian Malaysia 1963. Yang Berhormat Speaker, baru-baru tu Kerajaan Persekutuan Parlimen telah meluluskan Rang Undang-undang (pindaan) Perlembagaan RUU1(2), 160(2), daripada pembacaan saya dan daripada apa yang saya ketahui di sini, bahawa pindaan tersebut sebenarnya adalah pindaan yang membolehkan 3 dokumen Akta Malaysia,

IGC report, MA63 dijadikan sebagai *Constitutional Instrument*. Maksudnya dokumen-dokumen ini boleh dirujuk sebagai dokumen perlembagaan, ya. Persoalan yang ada dalam fikiran saya, bagaimana setelah 50 tahun kita menandatangani perjanjian ini, MA63, IGC Report, Akta Malaysia, tidak pernah diserap dan digarap, dan dianggap sebagai sebahagian daripada Perlembagaan Persekutuan. Itu sebabnya, selama ini apabila kita menuntut hak-hak kita yang termaktub dalam MA63, IGC Report dan segalanya tidak dilayan. Bukan maksudnya tidak dilayan lah, mungkin mahu dilayan tapi tidak ada dalam perlembagaan yang membolehkan mereka melakukan perkara tersebut, berbanding dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada 1948. Apabila...

**21/03/2022 - RAKAMAN 37 [05:30 AM – 05:40 AM] – [LOVELLA] – SD – NELL**

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:**... pada 1948. Apabila persekutuan tersebut ditubuhkan, ia menjadi Perlembagaan Malaysia 1957. Dan definisi persekutuan pun selama ini rupanya adalah persekutuan pada tahun 1957, bukan persekutuan 1963. Bagi maksud tersebut Yang Berhormat Speaker, rakan-rakan yang ada di sini sekarang sebenarnya kita sudah tahu punca masalah kita *bah* ni. Yang saya kata kita tidak ada duit tadi tu, duit kita dipegang oleh orang itu, ini lah ini.

Dan bukan soal itu saja, ada tindakan-tindakan kerajaan persekutuan selama ini yang berkaitan dengan Sabah dan Sarawak dalam MA63 yang kita nampak dan kita lihat melanggar syarat perjanjian tersebut. Sebagai contoh, Akta Pelantar Benua, *Petroleum Mining Act*, *Territorial Sea Act*. Bagaimana mereka boleh melaksanakan akta tersebut ke atas kita, tanpa persetujuan kita, sedangkan benda tu berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri? Di bawah Ordinan Tanah Negeri. Tetapi kita terpaksa menyerahkan benda tu sebab mungkin selama ini kita satu, mungkin kita tidak tahu ataupun mungkin kita terlampau *complexion* ataupun mungkin kita bermimpi kah apa saya pun tidak tahu. Tapi akhirnya disebabkan sikap kita begini ini lah menyebabkan kekayaan kita yang ada di bumi Sabah, di perut bumi Sabah akhirnya keluar mengalir keluar. Mereka mendapat hasil daripada itu semua dan inilah yang kita dapat di Sabah.

**Tuan Speaker:** *Good argument* Yang Berhormat, tapi masa cukup?

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Boleh sambung sikit? Sikit, sikit, sikit *je*. Betul-betul saya minta, saya minta betul-betul. Saya mohon juga yang Berhormat Speaker, saya rasa Yang Berhormat Speaker adalah mempunyai latar belakang perundangan, kan? Tolong kita cari apa *status* Sabah ini sebenarnya di Malaysia? Apakah kita ini cuma sekadar *sub-government? sub-governing?* Ataupun kita sudah ni merdeka semasa pembentukan Malaysia?

Ini tidak pernah diperjelaskan kepada kita. Dan barang ni penting kita sama ada kita ni adalah wilayah yang berdaulat dan Merdeka. Kalau kita tidak ada dokumen yang menyatakan bahawa kita sudah berdaulat dan merdeka, *Independent Act* kita pun tidak ada walaupun disebut kita sudah merdeka, *that is why Sultanate* Sulu buat tuntutan terhadap Sabah. So, dia kata ini wilayah yang belum merdeka. Wilayah ini dulu termaktub dalam kita punya pentadbiran dan mereka menggunakan alasan tersebut untuk, jadi bagi tujuan untuk menyelesaikan masalah tuntutan ini secara tuntas.

Yang Berhormat Speaker, kalau saya cakap kita ni merdeka, bukan bermaksud yang kita ni *seizure action from* Malaysia, keluar daripada, *no!* Sebab tujuan asal kita untuk membentuk Malaysia ni ada memang untuk memberi kemerdekaan. Tetapi di mana kemerdekaan itu? Hinggakan kita tidak ada *sovereignty*, tidak ada kedaulatan terhadap bumi ini. Itu sebabnya orang boleh serbu, mau datang sini rampas saja dia bilang. Tanduo tu cuma 5 kilometer dari kampung saya Tanjung Labian masa kejadian tragedi 2013. Ini yang berlaku.

Saya rasa penyelesaian tuntas terhadap kedaulatan Sabah ini adalah dengan cara memberi dokumen kemerdekaan dia. Kita minta kepada kerajaan persekutuan. Kalau pun baginda *Queen* sudah *vested* kita punya *sovereignty* kepada dia pada tahun 1963, tolong bagi penjelasan.

*Last* Yang Berhormat Speaker, *last*. Bagi tujuan untuk mengangkat Sabah ini sebab pada saya Sabah ini sepatutnya taraf DUN ini sama dengan Parlimen Malaysia pada saya. Mereka tidak boleh mencampuri urusan kita dan mereka tidak melakukan sesuatu terhadap Sabah dan Sarawak tanpa persetujuan kita. Bagi maksud tersebut DUN ini kita mesti perkasakan. Saya menyokong cadangan Yang Berhormat Senallang, saya memohon, saya menyokong cadangan Api-Api supaya

sidang kita ini dipanjangkan supaya kita ni banyak masa untuk berbincang mengenai hal ehwal kita di Sabah, pertama. Keduanya...

**Tuan Speaker:** Bilang satu saja tadi?

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Tunggulah. Ada 2, 3 lagi. 3 lagi.

**Tuan Speaker:** Lama lagi.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Mengenai DUN, mengenai rumah Yang Berhormat Speaker. Ini Yang Berhormat Speaker punya, biar saya bagi cadangan.

**Tuan Speaker:** Rumah saya pun, tapi masa cukup?

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Ahh, boleh la sikit lagi. Yang kedua, menjawab soalan-soalan lisan kita mesti panjangkan daripada jam 10 sampai 12.30. Sesi pagi tu biar digunakan untuk menjawab soalan saja. Petang tu untuk perbincangan dan apa-apa lah.

Ketiganya, proses pendigitalan kita punya dokumen dan pentadbiran DUN harus dipercepatkan. Saya tahu barang ini sedang diusahakan, tetapi masih belum terlaksana sebab kadang-kadang saya sebagai wakil rakyat, saya harus melihat *Hansard* DUN pada tahun 63, 64, 65 untuk saya buat kajian rujukan tetapi agak sukar. Saya terpaksa pergi arkib untuk *check* satu-satu masih lagi *manual*. Kadang-kadang ada di antara dokumen tersebut sudah tidak ada. Jadi saya mohon supaya pentadbiran DUN ini kita perkasakan. *Last, last*.

**Tuan Speaker:** Betul-betul ya *last*.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** *Last, last*. Betul-betul ni. Saya harap rakan-rakan kita di sini kalau saya cakap ni jangan berkecil hati *ok*. Saya mohon sangat-sangat dan saya minta maaf.

Yang Berhormat Speaker, apabila kita membuat polisi untuk ADUN lantikan yang enam itu, sepatutnya yang enam itu mewakili kumpulan *minority* yang tidak diwakili

oleh kita-kita yang ada di sini. Tetapi yang sekarang ni yang kita nampak, ADUN-ADUN lantikan ni lebih kepada mewakili politik ataupun untuk tujuan-tujuan tertentu.

Bagi maksud saya mencadangkan Yang Berhormat Speaker kalau boleh lah, kalau boleh sebab kita pun sudah ada 73 ADUN. Saya rasa banyak sudah itu tetapi yang enam ini lantikan mereka mestilah di kalangan kumpulan dan golongan *professional* yang boleh memberi pandangan, boleh memberi nasihat dan boleh kita rujuk. Sebagai contoh, sebagai contoh kita semua di sini bukan pakar dalam soal kejuruteraan, mungkin ada baiknya kalau ADUN tu seorang daripada *engineer*. Mungkin kita tidak tahu soal akademik sedangkan akademik ini penting untuk kita punya pembangunan. Kita mungkin memerlukan seorang daripada pakar akademik, ADUN. Begitu juga kesihatan, dan jangan lupa kita perlukan wakil daripada NGO dan juga Badan Perniagaan. Sebagai contoh, Dewan Perniagaan Cina, Bumiputera dan sebagainya. Sebabnya kita perlukan *input* daripada mereka.

**Tuan Speaker:** Ada mahu mencelah di belakang tu, Yang Berhormat bagi laluan?

**Tuan Jaffari Waliam [ADUN Dilantik]:** Minta laluan?

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Ni sebab ini mahu tutup sudah, tutup sudah. Tidak payah lah nanti kau sebut saja. Tidak, saya mahu tutup...

**Tuan Jaffari Waliam [ADUN Dilantik]:** Tidak apa. Kalau setakat pasal YB lantikan, dulu kerajaan lepas pun kenapa melantik YB lantikan yang tiada pengalaman?

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat, dia tidak bagi laluan. Sila duduk.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Saya tidak bagi laluan ya, kau duduk. Jadi ini tujuan saya, itu sebabnya saya minta maaf, saya tahu apa yang saya cakap ini mungkin...

**Tuan Fairuz bin Renddan [Pintasan]:** Datuk Speaker, rasanya bagus bagi laluan untuk yang seterusnya.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:**...tapi tujuan untuk memperkasakan Dewan yang mulia ini, jadi itu saja Yang Berhormat Speaker.

**Tuan Speaker:** Duduklah!

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Ahh, saya mahu duduk sudah. Selamat berpuasa, Selamat Hari Raya, Selamat Kaamatan kepada rakan-rakan kita di sini. Saya mohon mencadang dan menyokong Ucapan Dasar Kerajaan, terima kasih.

**Tuan Speaker:** Terima kasih Yang Berhormat Tungku. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat daripada Kawang.

5:38 petang

**Datuk Haji Gulamhaidar @ Yusuf bin Khan Bahadar [Kawang]:** Terima kasih Tuan Speaker. Masa ni mungkin sudah lari terpaksa buang 8 *pages*. Bagaimanapun, terima kasih Datuk Speaker. *Bismillahirrahman nirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan Salam Sabah Maju Jaya.

Pertama saya merakamkan jutaan terima kasih dan atas peluang dan kesempatan diberikan bagi saya bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan atas titah Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah ketika merasmikan Pembukaan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Sabah Keenam Belas di Dewan Yang Mulia ini pada hari Rabu yang lepas bersamaan dengan 16 Mac 2022. Sesungguhnya kita menjunjung kasih di atas Ucapan Dasar Kerajaan yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah semasa Istiadat Perasmian Persidangan kita ini yang merupakan cerminan sebuah gagasan dan harapan besar untuk membangunkan negeri tercinta.

**21/03/2022 - RAKAMAN 38 [05:40 AM – 05:50 AM] – [JULIAN] – RA – TRESA**

**Datuk Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar [Kawang]:** ... membangunkan negeri tercinta, memakmurkan ekonomi terbaik, ter... terbaik dan mensejahterakan rakyat terbanyak di bawah payung besar Keluarga Malaysia.

Kedua, izinkan saya menyatakan ucapan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sabah di bawah teraju kepimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor, yang telah membawakan dimensi baru kerajaan menerusi Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ) sebagai paksi perjuangan membela untung nasib rakyat jelata.

Kita berkongsi rasa gembira dan senang hati atas pimpinan prolifik Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam mengemudi negeri ini bersama jemaah kabinetnya, sehingga terciptanya kejayaan demi kejayaan luar biasa, umpamanya dalam isu tuntutan Perjanjian Malaysia (MA63) dan kutipan hasil negeri yang mencecah angka RM5 bilion buat pertama kalinya.

Datuk Speaker, demi hari esok yang lebih bersinar, marilah kita terus mendokong usaha kerajaan negeri untuk meneruskan tuntutan hasil melalui rundingan MA63, di mana baru-baru ini dinyatakan bahawa rundingan melalui Jawatankuasa Perundingan Bersama Untuk Meneliti Semula Pemberian Khas Kepada Negeri Sabah di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan telah membuahkan hasil, iaitu kerajaan negeri akan menerima kadar bayaran geran yang baru mulai tahun ini.

Begitu juga dengan kejayaan signifikan dalam konteks kutipan hasil negeri yang direkodkan sebanyak RM5.449 bilion pada tahun 2021, ia tercapai hasil dokongan semua pihak, bermula di peringkat kepimpinan kerajaan negeri yang telah meletakkan pentadbiran di landasan yang kukuh, kemudian disokong komitmen tinggi jentera pelaksana, serta tadbir urus dan sistem berintegriti, biarpun kita berada di tengah-tengah kemelut dan kekangan pandemik COVID-19.

Demikianlah realitinya, membilang waktu berjalan pantas, kerajaan kini menapak kukuh dalam agenda besar mengangkat sebuah perjuangan murni seperti ikrar dan janji kita sewaktu pilihan raya yang lepas. Segalanya terhasil kerana putik politik yang stabil berpasak ke bumi, lantas ekonomi pun tumbuh mekar berkembang subur.

Tanpa menoleh jejak sengketa politik kepartian masa lalu, kini adalah waktu terbaik untuk kita membangun fondasi yang kuat, bagi membina masa depan yang mampan dan kita harus bersatu dan berdiri gagah, untuk melepasi apa juga rintangan lokal, bagi memenangi persaingan global.

Isu geran tanah, Datuk Speaker,

Peranggan ke-31 Ucapan Dasar Kerajaan menyebut komitmen kerajaan negeri untuk terus memberi tumpuan kepada pengeluaran geran-geran tanah kepada rakyat negeri Sabah khasnya golongan anak negeri di luar bandar.

Kita melihat hal ini sebagai paling mustahak dan perlu penyelesaian yang tuntas. Ia bukan sekadar isu politik, tapi sebenarnya menjangkau soal kehidupan orang kita yang berpijak di bumi nyata. Orang tempatan, orang asal, anak negeri atau apa saja istilah, tanpa mengira sentimen, suku bangsa, anutan mahupun fahaman. Tanah adalah hak dan keperluan hakiki kita semua, kerana di situ lah letaknya nilai kesejahteraan dan harga sebuah kemerdekaan.

Oleh itu, kita mohon agar proses pengeluaran geran-geran tanah ini diperkasa dan diperhebatkan lagi tahun ini. Kalau pada tahun 2021, kerajaan negeri telah berjaya me mengukur tanah untuk golongan anak negeri dengan jumlah keluasan 15,511.52 hektar, danewartakan sebanyak 80 kawasan sebagai Tanah Simpanan Perkampungan Khas untuk anak negeri maka, pada tahun ini kita berharap jumlah itu digandakan jumlahnya lagi.

Dengan sistem pentadbiran secara digital dan elektronik, usaha itu tidak berhalangan besar untuk dijayakan. Apatah lagi, kita kini sudah dilengkapi sistem tanah atas talian *Info-PT* dan *e-Land Enquiry* telah dibangunkan, sebagai akses orang awam menyemak status permohonan dan penyiasatan tanah, yang penting adalah semangat membantu orang tempatan, berdedikasi, tulus juga berintegriti. Kita tidak mahu ada pihak mengambil kesempatan dalam kesempitan, menanggung di air keruh atau berpura-pura membantu sambil ada 'udang di sebalik batu'. Semua elemen negatif ini perlu dihentikan, supaya isu pengeluaran geran tanah ini selesai *once and for all*, dengan izin, tidak lagi berpanjangan sehingga menjadi isu setiap kali tiba musim pilihan raya.

Sehubungan dengan itu, saya juga mengambil kesempatan membangkitkan isu tanah rizab perkampungan untuk Kampung Kawang dan Kampung Peranggi, Beringgis yang sudah lama diproses serta dinanti-nantikan keberhasilannya oleh penduduk tempatan. Permohonan penduduk terlibat difahamkan sudah



dipanjangkan untuk proses akhir di jabatan berkaitan. Justeru, diharapkan agar akan ada khabar gembira dalam masa terdekat bagi penduduk kampung-kampung yang berkenaan.

Isu pembangunan sempadan negara, Datuk Speaker,

Perenggan ke-47 Ucapan Dasar Kerajaan menyebut tentang usaha kerajaan negeri menyediakan Rangka Tindakan Koridor Pembangunan Sabah 2.0 (2021-2030) untuk memajukan negeri Sabah melalui pembangunan mengikut koridor atau wilayah yang selaras dengan Hala Tuju SMJ.

Dalam hal ini, kita menyarankan agar pelaksanaan rangka pembangunan mengikut koridor ini diperhebatkan tahun ini, terutama di kawasan sempadan negeri kita, khususnya di Tawau yang berdekatan dengan kawasan pembangunan Ibu Kota Negara (IKN) Indonesia yang terbaru, iaitu Nusantara, di Kalimantan Timur.

Sebagai kawasan paling hampir dengan sempadan Indonesia, pembangunan di wilayah Tawau hendaknya diberi fokus dan tumpuan, terutama sekitar jajaran Serudong-Simanggaris, dari segi kemudahan infrus infrastruktur, kerana nantinya koridor ini menjadi pintu masuk paling sibuk tatkala berpindah, berpindahnya IKN dari Jakarta ke Nusantara.

Kita tidak boleh tertinggal dalam pembangunan wilayah ini. Sabah tidak boleh sekadar menjadi penonton pembangunan negara jiran. Kita perlu bangkit, merebut peluang untuk membangun bersama. Mahu atau tidak, kita mesti bergerak seiring, barulah dapat mencipta kemakmuran bersama. Itulah yang dinamakan membangun semangat kejranaan sepulau.

Oleh kerana pembangunan ini merentasi antara negara, maka kita meminta kerajaan negeri untuk berunding dengan Putrajaya bagi memastikan kerajaan persekutuan melihat secara spesifik pembangunan koridor sebelah Tawau, kerana di situ lah nanti akan banyak aktiviti perekonomian selain isu keselamatan yang perlu ditangani, dan semuanya terletaknya di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan.

Sehubungan dengan itu, barangkali sudah tiba masanya untuk kerajaan melihat semua semula *platform* kerjasama serantau menerusi BIMP-EAGA bagi meneroka prospek ekonomi yang boleh dimajukan berikutan perpindah IKN ke Kalimantan Timur.

Pembangunan industri pelancongan, Datuk Speaker,

Difahamkan menjelang 1 April ini, sempadan negara akan dibuka. Bermakna industri pelancongan akan mula bergerak dan Sabah sebagai negeri yang kaya dengan khazanah pelancongan yang merupakan antara teras ekonomi Hala Tuju SMJ, bukan saja perlu menggiatkan promosi menarik pelancong antarabangsa, tetapi lebih penting adalah membangunkan pembang membangun pembangunan prasarana asas serta meken mengetengahkan produk-produk pelancongan baharu.

Untuk itu, kita menyarankan supaya kerajaan turut memberi perhatian dan fokus bagi membangunkan pelancongan domestik, termasuk menyediakan pakej insentif kepada pengusaha tempatan seperti inap desa atau *home homestay*, dengan izin.

Jabatan dan agensi berkaitan pelancongan hendaklah menggembelng usaha sama membangunkan pelancong... pelancongan berasaskan komuniti, di mana kepelbagaian etnik, warisan, dan budaya serta keindahan alam semula jadi merupakan aset dan daya tarikan utama pelancongan di negeri kita ini. Inilah...

**21/03/2022 - RAKAMAN 39 [05:50 AM – 06:00 PM] – [NORHAZIRAH] – NN – MM**

**Datuk Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar [Kawang]:** ...pelancongan di negeri kita ini. Inilah nilai kebanggaan kita. Sudah tiba masanya bagi kerajaan menimbang dan mengenal pasti potensi pelancongan di setiap daerah supaya pembangunan lebih fokus kerana setiap daerah mempunyai tarikan dan keunikan tersendiri. Usaha menarik pelancongan pelancong antarabangsa wajar diperhebat tanpa mengabaikan kebajikan pengusaha domestik.

Datuk Speaker, di penghujung perbahasan ini saya mengajak rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, kekanda dan adinda baik di barisan sebelah sini mahupun sahabat-sahabat di seberang sana untuk kita berpadu janji, jangan lagi bersengketa hati demi

rakyat dan negeri kerana kita sudah tidak punya waktu lagi untuk mengejar pembangunan yang telah tertinggal sekian lama. Jika kita bersatu hati, negeri Sabah yang sudah menginjak usia 59 tahun ini pastinya menjadi bangsa yang makmur, sejahtera, maju ke depan kerana rakyat kita sudah teruji dan terkenal sebagai bangsa yang harmoni dalam sebuah bingkai kehidupan yang beraneka ragam. Saya cukup yakin dan percaya bahawa apa yang dihuraikan dalam Ucapan Dasar Kerajaan itu, umpama lampu suluh yang menerangi perjalanan kita untuk hari ini, hari esok dan hari-hari selanjutnya.

Hala Tuju SMJ pula adalah pedoman yang kita, yang menjadi pemersatu bangsa kita. Membawa bersama sebuah harapan besar guna mewujudkan keadilan sosial bagi seluruh rakyat di negeri di bawah bayu ini. Pada sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat, marilah kita bergandingan terus kerja bersama, merawat kematangan demokrasi, memikul mandat dari rakyat demi terwujudnya “Sabah Maju Jaya”.

Datuk Speaker, Kawang DUN Kawang mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Speaker:** Terima kasih Yang Berhormat DUN Ahli Yang Berhormat dari Kawang kerana menepati masa. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat daripada N.34 Lumadan.

5:52 petang

**Tuan Haji Ruslan bin Muharram [Lumadan]:** Terima kasih ya Datuk Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t., salam sejahtera, “Salam Sabah Maju Jaya”.

Tuan Speaker, alhamdulillah saya bersyukur limpah rahmat dari Tuhan kita dapat berkumpul pada hari ini. Pertama sekali, di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih di atas Ucapan Dasar Kerajaan yang telah disampaikan oleh Yang di-Pertua Negeri Sabah pada Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Persidangan DUN Keenam Belas Rabu lalu. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor di atas kepimpinan beliau menerajui Kerajaan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) selaras dengan pelaksanaan sebagai inisiatif dan projek pembangunan berimpak tinggi dalam Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya, Hala

Tuju SMJ. Bagi merencanakan semula aktiviti sektor ekonomi dan seterusnya membawa negeri Sabah ke maju kejayaan.

Berdirinya saya di sini adalah bagi menyampaikan hasrat dan suara rakyat di Dewan Undangan Negeri DUN 34 Lumadan. Sesungguhnya rakyat di DUN Lumadan memerlukan perhatian kerajaan negeri.

Datuk Speaker, tema kami di DUN Lumadan ialah Lumadan Sejahtera. Sejahtera bermaksud bebas daripada segala macam kesusahan, aman sentosa dan makmur selamat. Kemudahan asas adalah menjadi ukuran kepada pembangunan sesebuah kawasan di negeri ini. Namun, dalam DUN Lumadan masih ada kawasan kampung yang belum menikmati kemudahan asas bekalan elektrik sedangkan jalan raya hanya lebih kurang 30 KM daripada Pekan Beaufort. Kampung yang dimaksudkan ialah Kampung Ulu Meraba, Beaufort. Tiang elektrik telah pun ditanam oleh kontraktor daripada KPLB sejak 5 tahun yang lepas. Namun masih belum dibekalkan tenaga elektrik. Ini amatlah menyusah menyukarkan kehidupan seharian rakyat di kampung tersebut dan mereka jauh ketinggalan berbanding penduduk di kampung lain yang mempunyai bekalan elektrik. Di kampung ini juga, bagi rakyat yang mampu dapatlah mereka menggunakan set *generator*. Namun bagi yang tidak mampu hanya menggunakan lampu minyak tanah sahaja. Di manakah silapnya di sini? Saya mohon tenaga elektrik dibekalkan di kampung ini dan juga di seluruh kawasan pedalaman negeri Sabah yang belum menerima bekalan elektrik.

Dari bekalan elektrik, kita beralih pula ke dalam jentera pentadbiran di akar umbi bagi kawasan Lumadan yang sering menerima aduan daripada Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK). Daripada 81 buah kampung bahawa elaun mereka sering terganggu tertanggung sehingga ada yang mencecah 5 hingga 6 bulan sedangkan Pengerusi JPKK adalah tulang belakang di mana-mana kawasan DUN. Mereka menjalankan tugas dan penuh integriti namun seolah-olah kebajikan mereka tidak terbelas. Saya melihat kegigihan dan kesungguhan JPKK di DUN Lumadan, saya merayu dan memohon agar pihak kerajaan mengambil serius perkara ini. Bayangkan jika situasi ini berlaku pada kita, para pengerusi JPKK mempunyai tanggungjawab dan komitmen menjalankan tugas masing-masing. Oleh itu, saya memohon agar perkara ini diambil tindakan oleh pihak kerajaan.

Datuk Speaker, Beaufort dikenali dengan kawasan yang sering terjejas teruk banjir terutamanya sekali di DUN Lumadan dan pada hari ini juga Daerah Beaufort sudah pun dilanda banjir. Apabila saja hujan turun selama beberapa hari pasti air bah datang melimpah. Muka bumi daerah ini ramai penduduk kampung terjejas akibat terputus hubungan dan kediaman ditenggelami air. Di Dewan yang mulia ini, saya mencadangkan agar kerajaan perlu mewujudkan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Komuniti untuk membantu Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Beaufort. Saya mendapati terdapat beberapa kekangan di sini iaitu jarak kampung yang terjejas banjir dan terputus hubungan adalah jauh daripada kawasan PPS yang sedia ada. Ditambah pula kekurangan anggota kerja dan jentera yang membantu peminda memindahkan penduduk terjejas banjir menyebabkan proses menyelamatkan dan meminda pemindahan mangsa banjir ke kawasan penempatan sementara mengambil masa yang agak lama. Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar PPS komuniti di dewan, di dewan-dewan sedia ada diwujudkan di DUN Lumadan bagi beberapa buah kampung yang sering terputus hubungan seperti Kampung Lumadan, Kampung Suwasa, Kampung Bukau, Kampung Bangkalalak. Di Dewan yang mulia ini, saya ingin berterima kasih kepada Jabatan Pengairan dan Saliran...

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat, jam menunjukkan tepat pukul 6:00 petang, Yang Berhormat boleh sambung pagi esok, ada masa 2 minit lagi untuk...

**Tuan Haji Ruslan bin Muharram [Lumadan]:** Terima kasih Yang di-Pertua.

**Tuan Speaker:** Ahli-ahli Yang Berhormat memandangkan masa hari ini sudah cukup maka dewan ditangguhkan sehingga esok.

**Tuan Haji Ruslan bin Muharram [Lumadan]:** Yang penting tambah esok Tuan Speaker. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Mengikut PP, jangan bercakap bila Speaker bercakap.

Ditangguhkan sebagaimana yang dipersetujui pada jam 6:00 petang.

Ditetapkan: “Bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga jam 10:00 pagi, 22 Mac 2022”.

📄 SDN21032022/bnm